KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

LAPORAN TAHUNAN

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

2023











LAPORAN TAHUNAN 2023

SIDANG REDAKSI

Penasihat
DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF
Ketua Setiausaha

Ketua Editor
MUTIA AZURA BINTI MOHAMED
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Editor
NOR SUZAMAN BIN ABDUL RAHMAN
Ketua Seksyen Hal Ehwal Korporat

Penyelaras
NUR EMIELIANA BINTI ISHAK
Pegawai Perhubungan Awam

AZRAM FEERDAUS BIN ZAINAL ABIDIN
Penolong Pegawai Perhubungan Awam

Foto
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Kementerian Perpaduan Negara.

Diterbit oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
Aras 7, Blok F9, Parcel F,
Lebuh Perdana Timur,
Presint 1, 62000 Putrajaya, MALAYSIA
Telefon:03-8091 8000
Laman web: www.perpaduan.gov.my
E-mel : pro@perpaduan.gov.my

ISBN 978-967-2709-14-5

9 789672 709145

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
(paperback)

ISI KANDUNGAN

1	**PERUTUSAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**
2	**PERUTUSAN TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**
3	**PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**
4 - 15	**MAKLUMAT KORPORAT**
	Sejarah Penubuhan
	Visi dan Misi
	Piagam Pelanggan
	Carta Organisasi
	Pengurusan Tertinggi
	Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI
16 - 49	**LAPORAN UNIT DI BAWAH PEJABAT KETUA SETIAUSAHA**
	Unit Integriti
	Unit Audit Dalam
	Unit Komunikasi Korporat
	Pejabat Penasihat Undang-Undang
50 - 109	**LAPORAN BAHAGIAN - SEKTOR DASAR**
	Bahagian Dasar Dan Hubungan Antarabangsa
	Bahagian Perhubungan Masyarakat
	Bahagian Pembangunan Masyarakat
	Sekretariat Majlis Perpaduan
110 - 163	**LAPORAN BAHAGIAN - SEKTOR PENGURUSAN**
	Bahagian Khidmat Pengurusan
	Bahagian Pengurusan Maklumat
	Bahagian Akaun
164 - 255	**LAPORAN JABATAN DAN AGENSI**
	Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional
	Jabatan Muzium Malaysia
	Arkib Negara Malaysia
	Perpustakaan Negara Malaysia
	Yayasan Sukarelawan Siswa
	Yayasan Tunku Abdul Rahman
	Yayasan Tun Razak
256 - 260	**RINGKASAN KEWANGAN**
261 - 266	**KERATAN AKHBAR 2023**


Perutusan
Menteri Perpaduan Negara

Salam perpaduan dan salam Malaysia MADANI,

Tahniah dan Syabas saya ucapkan atas kejayaan penerbitan Laporan Tahunan Kementerian Perpaduan Negara Tahun 2023.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 661 program telah dilaksanakan oleh KPN. Selaku Kementerian yang sentiasa memberikan penekanan kepada aspek perpaduan dan meletakkannya sebagai asas dalam setiap dasar pembangunan yang dirangka, Kembara Perpaduan Malaysia MADANI telah dijadikan *flagship* utama Kementerian dalam mencapai aspirasi perpaduan nasional yang terdiri daripada tiga kluster utama iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Program Komuniti RAHMAH.

Selaras dengan harapan YAB Perdana Menteri mengenai pentingnya perpaduan dalam negara ini, kita perlu memainkan peranan dan menggerakkan seluruh kekuatan untuk menyebarkan semangat perpaduan. Kita semua merupakan ejen perpaduan dan integrasi nasional. Saya berharap agar semua pihak dapat menghayati prinsip FAHAM, HORMAT dan TERIMA dalam memupuk keharmonian dan kepelbagaian dalam masyarakat Malaysia. Keamanan negara dan perpaduan rakyat adalah tanggungjawab bersama yang wajib dipikul oleh kita semua.



Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan barisan Pengurusan Tertinggi KPN yang dipimpin oleh YBhg Datuk Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, di atas kerjasama berpasukan yang digembleng bagi melaksanakan program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya sepanjang tahun 2023. Akhir kata, saya berharap segala keazaman dan iltizam yang dipamerkan pada tahun 2023 ini akan terus di kekalkan untuk tahun 2024 dan tahun-tahun yang mendatang dan semoga segala usaha kita dalam menjayakan agenda perpaduan ini akan berhasil.

Terima kasih.

YB DATUK AARON AGO DAGANG
Menteri Perpaduan Negara

Perutusan
Timbalan Menteri Perpaduan Negara

Salam sejahtera dan salam perpaduan,

Dengan rasa syukur, saya menzahirkan rasa bangga dan kagum dengan penerbitan Laporan Tahunan Kementerian Perpaduan Negara bagi tahun 2023. Walaupun saya masih baru menyertai Kementerian ini, saya berasa bersemangat untuk terlibat secara aktif dalam usaha menyokong dan memperkukuh perpaduan di negara kita. Pengalaman ini telah membuka mata saya kepada kepelbagaian, kekayaan budaya, dan keharmonian yang menjadi kekuatan utama Malaysia.

Laporan ini adalah satu refleksi terhadap usaha dan pencapaian yang telah dilakukan oleh kementerian dalam usaha menyatukan dan memperkasakan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Tahun 2023 telah menjadi satu tahun yang penuh dengan cabaran dan peluang bagi negara kita. Di tengah-tengah dinamika global dan cabaran dalaman, Kementerian Perpaduan Negara dengan tekun meneruskan misi untuk memperkukuh perpaduan di semua peringkat masyarakat. Melalui program-program yang berkesan dan inovatif, KPN sentiasa berusaha untuk memastikan setiap warga Malaysia merasai kepentingan meraikan perbezaan dan hidup bersatu padu demi kebaikan bersama.

Saya melihat laporan ini mengandungi paparan mengenai pencapaian-pencapaian penting yang telah dicapai sepanjang tahun 2023. Ia juga meneliti cabaran-cabaran yang dihadapi serta langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya. Saya percaya bahawa dengan ketelusan ini, kita boleh memperolehi penerangan yang lebih jelas mengenai hala tuju dan strategi dalam usaha memperkasa perpaduan di negara kita. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan kepada Kementerian Perpaduan Negara dalam usaha untuk mewujudkan masyarakat yang lebih bersatu padu, bertoleransi dan harmoni. Semoga laporan ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang membacanya dan menjadi panduan yang berharga dalam usaha kita bersama untuk terus mengekalkan keharmonian.



Terima kasih.

YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI
Timbalan Menteri Perpaduan Negara

Perutusan
Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

Assalamualaikum wbt, salam sejahtera, salam perpaduan dan salam Malaysia MADANI,

Dengan penuh rasa hormat dan kesyukuran, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada barisan kepimpinan Kementerian Perpaduan Negara atas kesungguhan yang mencerminkan komitmen serta semangat yang teguh dalam memperkukuh perpaduan negara tercinta.

Laporan Tahunan ini adalah satu bentuk penghargaan terhadap usaha gigih dan pencapaian yang telah dicapai oleh semua pihak di Kementerian Perpaduan Negara sepanjang tahun 2023. Saya sangat berbangga melihat betapa komprehensifnya laporan ini, yang tidak hanya menggambarkan pencapaian-pencapaian yang telah diraih, tetapi juga menggariskan langkah-langkah strategik yang diambil bagi menghadapi cabaran yang dihadapi.

Tahun 2023 telah membawa pelbagai cabaran dan peluang kepada Malaysia. Namun demikian, dengan kepimpinan yang kukuh dan komitmen yang tinggi dari semua pihak di Kementerian Perpaduan Negara, kita telah berjaya menghadapi setiap dugaan dengan penuh ketabahan dan kecekalan. Keberhasilan yang telah diraih adalah hasil daripada kerjasama dan usaha bersama seluruh masyarakat Malaysia.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua individu dan jabatan/ agensi yang terlibat dalam usaha menyokong dan melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi memperkukuh perpaduan di negara kita. Tanpa sokongan mereka, pencapaian yang diraih tidak akan menjadi kenyataan.

Semoga Laporan Tahunan ini memberi panduan yang berguna kepada semua pihak seterusnya menjadi sumber inspirasi untuk terus berusaha demi keharmonian dan kesepaduan dalam masyarakat kita. Marilah kita bersama-sama, dengan semangat kebersamaan dan kesetiaan kepada negara, terus berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai contoh kepada dunia dalam memperkukuh perpaduan dan keharmonian.

Semoga KPN akan terus cemerlang dibawah pentadbiran YB Menteri dan YB Senator Timbalan Menteri serta dapat menjadi sebuah Kementerian yang membentuk naratif yang menggalakan persefahaman dan perpaduan dalam masyarakat Malaysia. Kita adalah Malaysia dan Malaysia adalah kita!

Terima kasih.



YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

PROFIL KORPORAT











Sejarah Penubuhan

1969 — 1 JULAI
Penubuhan Jabatan Perpaduan Negara
(Jabatan Perdana Menteri)

1972
Kementerian Perpaduan Negara

1974
Lembaga Perpaduan Negara
(Jabatan Perdana Menteri)

1980
Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara
(Jabatan Perdana Menteri)

1983
Jabatan Perpaduan Negara
(Jabatan Perdana Menteri)

SEJARAH PENUBUHAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

1990
Jabatan Perpaduan Negara
(Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat)

2004
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
(Jabatan Perdana Menteri)

2008
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
(Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

2009
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
(Jabatan Perdana Menteri)

2020
Kementerian Perpaduan Negara

Visi

Peneraju perpaduan yang inklusif ke arah kemakmuran bersama

Misi

Meningkatkan usaha baharu penyatupaduan untuk membina tapak integrasi bagi pengukuhan semangat muhibah dalam kalangan rakyat

Piagam Pelanggan

Kementerian Perpaduan Negara berjanji untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang, berkualiti dan komited di dalam melaksanakan tanggungjawab seperti berikut:

JENIS PERKHIDMATAN	PIAWAI KUALITI PERKHIDMATAN
Pengurusan Aduan / Pertanyaan / Cadangan	Kami akan memberi maklum balas terhadap aduan kategori **BIASA** dalam masa 15 hari bekerja manakala bagi aduan **KOMPLEKS** pula dalam masa 16 hingga 365 hari termasuk hari kelepasan am. Bagi pertanyaan dan cadangan, maklum balas akan dikemukakan dalam tempoh lima (5) hari bekerja.
Pengurusan Maklum Balas dan Input berkaitan KPN	Kami akan menyediakan maklum balas berkaitan KPN dalam masa **TUJUH (7) hari** setelah menerima permohonan daripada Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan dan orang awam.
Penyediaan Ulasan Memorandum Jemaah Menteri (MJM)	Menyediakan ulasan bagi Memorandum Jemaah Menteri dari mana-mana Kementerian dalam masa **TUJUH (7) hari** dari tarikh penerimaan input Bahagian dan Jabatan.
Pengurusan Kewangan dan Perolehan	Pemprosesan dan pembayaran bayaran bil diselesaikan dalam tempoh **14 hari bekerja** dari tarikh permohonan lengkap diterima.
Pengurusan Sumber Manusia	Memastikan surat arahan penempatan kepada pegawai yang baharu lapor diri disediakan dalam tempoh **LIMA (5) hari bekerja**.

MENTERI PERPADUAN NEGARA

YB DATUK AARON AGO DAGANG

TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA

YB SENATOR SARASWATHY KANDASAMI

KETUA SETIAUSAHA

DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF
PTD Gred Utama Turus III

UNIT DI BAWAH KSU

KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

MUTIA AZURA BINTI MOHAMED
Terbuka 54

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

NOR'AAMIRAH BINTI MOHAMAD SHAFIE
PUU L52

KETUA UNIT AUDIT DALAM

MEOR ZUAZIR BIN MEOR ZAIMI
Juruaudit W52

KETUA UNIT INTEGRITI

NORAZLIN BINTI MOHD NOR
PTD M48 (KUP)

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR & PERANCANGAN)

MOHAMAD SOBRI BIN MAT DAUD
PTD Utama B

SETIAUSAHA BAHAGIAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA

ISMAIL BIN MOKHTAR
PTD Utama C

SETIAUSAHA BAHAGIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

ZAIMY BIN SHAARI
PTD M54

SETIAUSAHA BAHAGIAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT

BILLY ANAK VALENTINE JIHIR
PTD M54

SETIAUSAHA EKSEKUTIF SEKRETARIAT MAJLIS PERPADUAN

DR. AANANTHI A/P THURAISAMY
PTD M54

CARTA ORGANISASI

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SETIAUSAHA BAHAGIAN KANAN (PENGURUSAN)
NORIHAN BINTI MOHAMED NAIM
PTD Utama C

SETIAUSAHA BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
KHAIRULIZAM BIN OTHMAN
PTD M54

SETIAUSAHA BAHAGIAN AKAUN
SHARIFAH SAIDTUL FAZILAH BINTI
S. AZMAN ZURIMY @ AYEOP ABD KHALIL
Akauntan WA54

SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
ZAMZURI BIN ABDULLAH
PTM F54

JABATAN / AGENSI

JABATAN PERPADUAN NEGARA & INTEGRASI NASIONAL
DATO' HJ. CHE ROSLAN BIN CHE DAUD
Ketua Pengarah, PTD UTAMA B

JABATAN MUZIUM NEGARA
DATUK KAMARUL BAHARIN BIN A. KASIM
Ketua Pengarah, Kurator Utama B

ARKIB NEGARA MALAYSIA
DATO' JAAFAR SIDEK B. HJ. ABDUL RAHMAN
Ketua Pengarah, Pegawai Arkib Negara B

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
SALASILAH BINTI ABDUL WAHAB
Ketua Pengarah, Pustakawan Utama B

UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
RAVEEDRAN NAIR A/L K. KESAVAN NAIR
Ketua Pengarah, PTD M54

BADAN BERKANUN

YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN
IDA THIEN FENG FENG
Ketua Eksekutif

YAYASAN SUKARELAWAN SISWA
WONG KIN LUN
Ketua Pegawai Eksekutif

YAYASAN TUN RAZAK
TENGKU HARITH AZIZ
Setiausaha Lembaga

LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG
YB SANISVARA NETHAJI RAYER RAJAJI
Pengerusi

PENGURUSAN TERTINGGI
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA

YB SENATOR SARASWATHY KANDASAMI

MENTERI PERPADUAN NEGARA

YB DATUK AARON AGO DAGANG

KETUA SETIAUSAHA

DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF

SEKTOR KETUA SETIAUSAHA



KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

MUTIA AZURA BINTI MOHAMED
Terbuka 54



PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

NOR'AAMIRAH BINTI MOHAMAD SHAFIE
PUU L52



KETUA UNIT AUDIT DALAM

MEOR ZUAZIR BIN MEOR ZAIMI
Juruaudit W52



KETUA UNIT INTEGRITI

NORAZLIN BINTI MOHD NOR
PTD M48 (KUP)

SEKTOR DASAR



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR & PERANCANGAN)

MOHAMAD SOBRI BIN MAT DAUD
PTD Utama B



SETIAUSAHA BAHAGIAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA

ISMAIL BIN MOKHTAR
PTD Utama C



SETIAUSAHA BAHAGIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

ZAIMY BIN SHAARI
PTD M54



SETIAUSAHA BAHAGIAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT

BILLY ANAK VALENTINE JIHIR
PTD M54



SETIAUSAHA EKSEKUTIF SEKRETARIAT MAJLIS PERPADUAN

DR. AANANTHI A/P THURAISAMY
PTD M54

SEKTOR PENGURUSAN



SETIAUSAHA BAHAGIAN KANAN (PENGURUSAN)

NORIHAN BINTI MOHAMED NAIM
PTD Utama C



SETIAUSAHA BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

KHAIRULIZAM BIN OTHMAN
PTD M54



SETIAUSAHA BAHAGIAN AKAUN

SHARIFAH SAIDTUL FAZILAH BINTI
S. AZMAN ZURIMY @ AYEOP ABD KHALIL
Akauntan WA54



SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

ZAMZURI BIN ABDULLAH
PTM F54

JABATAN / AGENSI



JABATAN PERPADUAN NEGARA & INTEGRASI NASIONAL

DATO' HJ. CHE ROSLAN BIN CHE DAUD
Ketua Pengarah, PTD UTAMA B



JABATAN MUZIUM NEGARA

DATUK KAMARUL BAHARIN BIN A. KASIM
Ketua Pengarah, Kurator Utama B



ARKIB NEGARA MALAYSIA

DATO' JAAFAR SIDEK B. HJ. ABDUL RAHMAN
Ketua Pengarah, Pegawai Arkib Negara B



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

SALASILAH BINTI ABDUL WAHAB
Ketua Pengarah, Pustakawan Utama B



UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

RAVEEDRAN NAIR A/L K. KESAVAN NAIR
Ketua Pengarah, PTD M54

BADAN BERKANUN



YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN

IDA THIEN FENG FENG
Ketua Eksekutif



YAYASAN SUKARELAWAN SISWA

WONG KIN LUN
Ketua Pegawai Eksekutif



YAYASAN TUN RAZAK

TENGKU HARITH AZIZ
Setiausaha Lembaga




LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG

YB SANISVARA NETHAJI RAYER RAJAJI
Pengerusi

Membangun Malaysia MADANI

Melalui Konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian (Perpaduan Malaysia MADANI)



Rajah 1: Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI

Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI (Rajah 1) bertujuan untuk mewujudkan suatu kerangka rujukan kepada Kementerian Perpaduan Negara bagi melaksanakan program dan aktiviti berteraskan usaha ke arah melahirkan masyarakat MADANI dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

Kerangka ini disusun seiring Dasar Perpaduan Negara dan memperjelaskan dengan lebih komprehensif strategi pelaksanaan serta sasaran yang hendak dicapai

LAPORAN BAHAGIAN

SEKTOR KETUA SETIAUSAHA

- Unit Integriti
- Unit Audit Dalam
- Unit Komunikasi Korporat
- Pejabat Penasihat Undang-Undang











Unit Integriti (UI)

Pengenalan

Unit Integriti Kementerian Perpaduan Negara telah ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan semangat patriotisme. Unit ini dilihat sebagai *focal point* bagi mengurus isu-isu integriti dan melaksana usaha-usaha membendung salah laku jenayah serta perlanggaran tatakelakuan dan etika dalam kalangan warga organisasi.

Objektif

Untuk menyepadukan semua pengurusan hal-hal yang berkaitan dengan integriti di bawah sebuah unit yang khusus supaya inisiatif-inisiatif pengamalan, pembudayaan dan penginstitusian integriti seperti pencegahan, pematuhan, pengesanan salah laku dan tindakan punitif dapat dilaksanakan dengan lebih fokus, terancang dan efisien.

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 berkaitan Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam menetapkan enam (6) fungsi teras unit seperti berikut:



Pencapaian


1. TADBIR URUS

Unit Integriti bertanggungjawab untuk memastikan Kementerian melaksanakan tadbir urus yang terbaik di samping menangani isu-isu integriti, terutamanya berkaitan perilaku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam organisasi. Antara usaha pelaksanaan ialah seperti berikut:

DASAR ANTIRASUAH KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Polisi Antirasuah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah dibangunkan pada tahun 2022 sebagai satu usaha untuk memerangi perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Polisi ini diwujudkan sebagai panduan dan sumber rujukan kepada warga KPN berkaitan perlakuan rasuah, mekanisme pelaporan dan pencegahan rasuah.

Sebagai tambahan kepada polisi ini, Kementerian Perpaduan Negara telah membangunkan Dasar Antirasuah sebagai satu pernyataan komitmen dan kesungguhan Kementerian ini dalam mewujudkan persekitaran kerja yang telus dan bebas rasuah. Dasar ini menzahirkan janji Kementerian untuk berakauntabiliti dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah. Dasar ini dikuatkuasakan pada 1 Disember 2023 dan dipamerkan di lokasi-lokasi strategik sebagai peringatan kepada warga KPN.



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

DASAR ANTIRASUAH
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Kementerian Perpaduan Negara beriltizam untuk menangani gejala rasuah melalui pelestarian nilai murni dan etika kerja yang berintegriti serta membudayakan penyampaian perkhidmatan Kementerian berdasarkan tatakelola yang telus dan berakauntabiliti. Bagi ini, KPN komited untuk mensasarkan *zero tolerance towards corruption* dengan:

(i) melarang warga Kementerian daripada meminta, menerima, menawar dan memberi sebarang bentuk rasuah;

(ii) memastikan semua warga Kementerian memahami dan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan segala undang-undang, arahan dan peraturan yang berkuat kuasa;

(iii) memastikan Dasar ini bersesuaian dengan visi, misi dan halatuju Kementerian selaras dengan Dasar Perpaduan Negara (DPN). Dasar ini terpakai kepada semua warga Kementerian dan pihak-pihak berkepentingan dalam semua urusan berkaitan dan digunakan sebagai kerangka untuk penetapan, penyemakan dan pencapaian objektif antirasuah;

(iv) menerapkan elemen antirasuah dalam semua pelaksanaan aktiviti dan operasi Kementerian mengikut Pengurusan Anti Rasuah bagi mencegah (*prevent*), mengenalpasti (*detect*) dan mengambil tindakan (*respond*) terhadap sebarang bentuk rasuah dan perlakuan tidak beretika;

(v) membuat aduan atau mendedahkan apa-apa perlakuan rasuah (termasuk penyelewengan dan salah guna) melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) atau berhubung terus dengan Unit Integriti melalui e-mel, telefon atau secara bersemuka. Setiap aduan yang diterima adalah SULIT dan akan disiasat dengan telus dan adil;

(vi) memberi komitmen dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan terhadap Pengurusan Anti Rasuah dari masa ke masa;

(vii) menurunkan kuasa kepada Unit Integriti yang bebas untuk memantau pematuhan terhadap Pengurusan Anti Rasuah secara menyeluruh dan melaporkan kepada pihak Badan Pentadbir dan Pengurusan Tertinggi.

(viii) mengambil tindakan tegas terhadap sebarang pelanggaran peraturan dan salah laku rasuah, penyelewengan atau salah guna kuasa ke atas warganya atau mana-mana individu atau syarikat yang bertindak untuk Kementerian ini atau bagi pihaknya;


Warga Kementerian serta pihak-pihak berkepentingan perlu memahami dan mematuhi Dasar ini. Ketidakpatuhan dan pelanggaran terhadap Dasar atau lain-lain yang berkaitan dengan Pengurusan Anti Rasuah ini boleh dikenakan tindakan undang-undang atau tatatertib.

DATUK AZMAN B MOHD YUSOF
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tarikh: 1-12-2023

PENARAFAN SEMULA RISIKO TAHUN 2023

Penarafan risiko organisasi ke atas agensi awam dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Taraf risiko dikelaskan kepada tiga (3) kategori iaitu tinggi, sederhana atau rendah. Risiko dalam konteks penarafan ini merangkumi faktor ancaman (*threat*) bagi kesalahan rasuah dan faktor kemudahterancaman (*vulnerability*) iaitu kecenderungan berlakunya kesalahan rasuah berdasarkan kepada ciri-ciri agensi.

Pada tahun 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah dikategorikan sebagai risiko Rendah, berbanding penarafan yang telah dibuat pada tahun 2020 di mana Kementerian telah ditarafkan sebagai risiko Sederhana.



IBU PEJABAT
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
No.2, Lebuh Wawasan
Presint 7
62250 PUTRAJAYA

Tel : 03-8870 0000
Faks : 03-8870 0901
http://www.sprm.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : SPRM.BPIA.600-9/3/1 Jld 30 (35)
Tarikh : 7 Jamadilakhir 1445H
20 Disember 2023

Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Aras 5 - 10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,
62000 Putrajaya, Malaysia.

YBhg. Tan Sri /Datuk Sri /Dato' Sri /Datuk /Dato' /Tuan /Puan,

PEMAKLUMAN STATUS PENARAFAN SEMULA RISIKO TAHUN 2023 – KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana dinyatakan di dalam perenggan 6 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022) Ceraian SP.1.2.1 menetapkan bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan penarafan risiko ke atas agensi awam pada setiap tiga (3) tahun sekali. Penarafan terdahulu telah dibuat pada tahun 2020 di mana Kementerian Perpaduan Negara telah ditarafkan sebagai risiko Sederhana.

3. Berdasarkan data-data yang diperoleh daripada pihak SPRM bagi tempoh 2020 hingga 2022 dan juga maklumat yang dibekalkan oleh pihak Kementerian Perpaduan Negara sendiri, hasil penarafan semula risiko tahun 2023 telah mendapati Kementerian Perpaduan Negara dikategorikan sebagai risiko **RENDAH**.

4. Suruhanjaya ini merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada pihak Kementerian Perpaduan Negara di atas komitmen yang telah dilaksanakan dalam usaha pencegahan rasuah Kementerian Perpaduan Negara sepanjang tempoh tiga (3) tahun yang lepas sehingga ditarafkan sedemikian. Pihak SPRM juga berharap agar komitmen yang sama dapat diteruskan dalam usaha mengurangkan risiko rasuah pada masa akan datang.

"RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA"

BILANGAN AKTIVITI DI BAWAH FUNGSI TADBIR URUS

Penglibatan Pengurusan Tertinggi Tahun 2023

JANUARI - APRIL
1 AKTIVITI

Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kementerian Bilangan 1 Tahun 2023

MEI - OGOS
1 AKTIVITI

Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kementerian Bilangan 2 Tahun 2023

SEPTEMBER - DISEMBER
1 AKTIVITI

Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kementerian Bilangan 3 Tahun 2023

Sistem Kawalan Dalaman Tahun 2023

JANUARI - APRIL
1 AKTIVITI

Taklimat Semakan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Bahagian/Unit

Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Antirasuah (OACP) Bilangan 1 Tahun 2023

MEI - OGOS
1 AKTIVITI

Bengkel Pembangunan Dokumentasi *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) ISO 37001:2016 - *Clause Interpretation*

Bengkel Pembangunan Dokumentasi *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) ISO 37001:2016 - *Risk Assessment and Analysis*

Bengkel Pembangunan Dokumentasi *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) ISO 37001:2016 - *Documentation Development*

SEPTEMBER - DISEMBER
1 AKTIVITI

Bengkel Pembangunan Dokumentasi *Anti-Bribery Management* Systems (ABMS) ISO 37001:2026 - Internal Audit Training

2. PENGURUSAN ADUAN

Unit Integriti bertanggungjawab untuk memastikan semua aduan-aduan berkaitan integriti, governans dan antirasuah yang diterima oleh Kementerian diambil tindakan sewajarnya. Bagi memastikan setiap aduan yang diterima dikendalikan dengan cekap, teratur dan berkesan, Unit ini mengurus aduan-aduan tersebut selaras dengan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Aduan berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2009.

Bilangan Aduan Berkaitan Integriti, Governans dan Antirasuah Mengikut Sumber Terima

SUMBER ADUAN	PENGGAL 1 JAN - APR 2023	PENGGAL 2 MEI - OGOS 2023	PENGGAL 3 SEPT - DIS 2023
E-MEL	0	5 (71.43%)	0
JABATAN/BAHAGIAN	0	0	0
MEDIA SOSIAL	0	1 (14.29%)	1 (20%)
PENGADU HADIR SENDIRI	1 (50%)	0	1 (20%)
SURAT MENYURAT	1 (50%)	0	3 (60%)
SURAT LAYANG	0	1 (14.29%)	0
SPRM	0	0	0
JUMLAH ADUAN	**2 (100%)**	**7 (100%)**	**5 (100%)**

3. PENGESANAN & PENGESAHAN

Semua aduan/maklumat yang diterima akan disemak melalui tindakan pengesanan dan pengesahan. Ini bagi memastikan aduan/maklumat berkaitan integriti, governans dan antirasuah yang diterima, dikesan dan disahkan kebenarannya.

Bilangan Hasil Tindakan Pengesanan dan Pengesahan

JANUARI - APRIL 2023		MEI - OGOS 2023		SEPTEMBER - DISEMBER 2023	
PEMATUHAN NAZIRAN	0	PEMATUHAN NAZIRAN	0	PEMATUHAN NAZIRAN	0
SIASATAN	1	SIASATAN	0	SIASATAN	0
TATATERTIB	0	TATATERTIB	0	TATATERTIB	0
TIADA TINDAKAN LANJUT	0	TIADA TINDAKAN LANJUT	2	TIADA TINDAKAN LANJUT	0
KEMUKA KE SPRM	0	KEMUKA KE SPRM	0	KEMUKA KE SPRM	0

4. PENGUKUHAN INTEGRITI

Unit Integriti bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan program-program pengukuhan pengetahuan dan kesedaran di Kementerian sebagai usaha pembudayaan, penginstitusian dan pengamalan integriti dan antirasuah.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 35 aktiviti pengukuhan integriti telah dilaksanakan merangkumi 28 siri hebahan dan 7 sesi perkongsian, ceramah dan kursus seperti berikut:

Senarai Aktiviti Pengukuhan Integriti

JANUARI - APRIL 2023

1. Ikrar Bebas Rasuah (IBR)
2. Kursus *Coaching for Managers: Integrity and Accountability*
3. Poster Integriti
4. Hebahan Integriti: Trend Terkini Jenayah Komersial
5. Media Pop-Up: Peringatan Integriti
6. Hebahan Integriti: Taat Setia Penjawat Awam
7. Hebahan Integriti: Larangan Membuat Penyataan Awam
8. Hebahan Integriti: Larangan Bertindak Sebagai Penyunting atau Penerbit
9. Hebahan Integriti: Pematuhan Waktu Bekerja Flexi (WBF) Di Bulan Ramadan
10. Hebahan Integriti: Pematuhan Etika Berpakaian Semasa Hadir Ke Pejabat

MEI - OGOS 2023

1. Program Transformasi Minda: Tatakelaluan, Tatatertib dan Isu Integriti
2. Sesi Perkongsian Kes Sebenar Gangguan Seksual
3. Klinik Tatatertib
4. Hebahan Integriti: Pegawai Awam Hendaklah Bersifat Profesional Dalam Menjalankan Tugas
5. Hebahan Integriti: Pegawai Awam Tidak Boleh Terlibat Dalam Kegiatan Rasuah
6. Hebahan Integriti: Pegawai Awam Tidak Boleh Cuai Dalam Melakukan Tugas
7. Hebahan Integriti: Pegawai Awam Tidak Boleh Mencemarkan Nama Baik Perkhidmatan Awam
8. Hebahan Integriti: Penglibatan Pegawai Awam Dalam Politik
9. Hebahan Integriti: Nilai-Nilai Murni dan Etika Penjawat Awam
10. Hebahan Integriti: Melakukan Kerja Luar Tanpa Kebenaran Adalah Satu Kesalahan
11. Hebahan Integriti: Larangan Merokok Dalam Premis Awam
12. Hebahan Integriti: Tanggungjawab Pegawai Awam Berkhidmat Dengan Cekap
13. Hebahan Integriti: Tanggungjawab Pegawai Awam Menjaga Keselamatan Perlindungan

SEPTEMBER - DISEMBER 2023


1. Hebahan Integriti: Elakkan Menerima atau Memberi Hadiah
2. Hebahan Integriti: Larangan Penjawat Awam Menjalinkan Hubungan Sulit Dengan Individu Yang Telah Berkahwin
3. Hebahan Integriti: Penglibatan Sebagai Pempengaruh Digital atau Pencipta Kandungan
4. Hebahan Integriti: Bahana Pelaburan Palsu
5. Hebahan Integriti: Taat Setia Penjawat Awam
6. Hebahan Integriti: Laporkan Kegiatan Rasuah
7. Hebahan Integriti: Jauhi Diri Dari Dadah
8. Hebahan Integriti: Elakkan Konflik Kepentingan
9. Hebahan Integriti: Tuntutan Palsu
10. Hebahan Integriti: Tanggungjawab Pegawai Awam Berada Di Pejabat
11. Lawatan Integriti Ke Muzium Penjara Malaysia
12. Program XPDC Integriti 2023

5. PEMATUHAN


Aktiviti pematuhan merangkumi pelaksanaan tindakan seperti pemantauan ke atas undang-undang/ peraturan/arahan yang berkuat kuasa, pemantauan ke atas kod etika dan pemantauan ke atas hasil tindakan pengesanan dan pengesahan.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak enam (6) aktiviti pematuhan telah dilaksanakan.

Pemantauan Ke Atas Undang-Undang Peraturan yang berkuatkuasa



Pemantauan Ke Atas Kod Etika



6. TATATERTIB

Unit Integriti bertanggungjawab untuk memastikan setiap kes yang melibatkan pelanggaran tata kelakuan oleh warga Kementerian diambil tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]. Pada tahun 2023, tiada sebarang kes direkodkan.

Unit Audit Dalam (UAD)

Pengenalan

Unit Audit Dalam Kementerian Perpaduan Negara (UAD KPN) telah ditubuhkan pada tahun 2020 selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 Pelaksanaan Audit Dalam Di Kementerian Atau Jabatan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, UAD KPN bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

UAD KPN yang diketuai oleh Ketua Unit Audit Dalam telah diberi kuasa untuk menjalankan pengauditan secara bebas, adil dan saksama serta bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha KPN. UAD KPN juga berperanan membantu KPN mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin dengan menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

Objektif

Membantu KPN mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin dengan menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

Fungsi

i. Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi;

ii. Mengkaji tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa;

iii. Mengkaji aktiviti organisasi diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan;

iv. Mengkaji aset dan kepentingan organisasi dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan;

v. Memberi nasihat/ pandangann mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk ICT;

vi. Melaporkan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara berkenaan hasil pengauditan dan memantau tindakan susulan diambil oleh pihak pengurusan terhadap perkara yang dibangkitkan;

vii. Menyediakan Rancangan Tahunan dan Laporan Audit Dalam untuk kelulusan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara; dan

viii. Membentangkan Rancangan Tahunan dan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Audit.

Kedudukan Perjawatan

Berdasarkan waran perjawatan B60 Tahun 2020, jumlah perjawatan yang diluluskan seramai 6 orang. Kedudukan perjawatan pada 31 Disember 2023 adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 - Kedudukan Perjawatan UAD Sehingga 31 Disember 2023


BIL	JAWATAN / GRED	PERJAWATAN	ISI	KOSONG
1	JURUAUDIT W52	1	1	0
2	JURUAUDIT W44	1	1	0
3	JURUAUDIT W41	1	1	0
4	PENOLONG JURUAUDIT W29	2	2	0
5	PEMBANTU TADBIR (P/O) N22	1	1	0
JUMLAH KESELURUHAN		**6**	**6**	**0**

Sumber: UAD, KPN

PELAKSANAAN PENGAUDITAN

Sepanjang tahun 2023, UAD KPN telah melaksanakan empat (4) jenis pengauditan iaitu Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pematuhan, Prestasi dan Pemeriksaan Mengejut seperti di Rajah 1.

Rajah 1 - Bilangan Pengauditan Dilaksanakan Pada Tahun 2023



Sumber: UAD, KPN


I. DASAR ANTIRASUAH KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan (AP) telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti dalam pengurusan kewangan kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber-sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan-peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Pengauditan Pengurusan Kewangan merupakan satu pendekatan audit bagi menentukan sama ada pengurusan kewangan di sesebuah Pusat Tanggungjawab (PTj) telah dilaksanakan dengan teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Pengauditan ini membolehkan UAD KPN memantau prestasi pengurusan kewangan di Kementerian/Skop pengauditan meliputi tujuh (7) kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Amanah, Kawalan Aset dan Stor serta Kawalan Kenderaan.

Pada tahun 2023, UAD KPN telah melaksanakan enam (6) pengauditan Pengurusan Kewangan. Berdasarkan Laporan Pemerhatian Audit yang dikeluarkan kepada 6 PTj yang diaudit memperoleh penarafan memuaskan. Terdapat 56 penemuan isu Audit telah bangkitkan dan kesemua penemuan tersebut telah di ambil tindakan dan penambah baikan oleh PTj yang terlibat seperti di Rajah 2.

Rajah 2 - Bilangan Penemuan Isu Audit Mengikut Kawalan



II. PENGAUDITAN PEMATUHAN

Penagauditan Pematuhan memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit atau kawalan pengurusan kewangan yang dilaksanakan terdapat setiap PTj. Pengauditan ini menggunakan pendekatan 3P1K iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

Pada tahun 2023, UAD KPN telah melaksanakan dua (2) tajuk di bawah Pengauditan Pematuhan iaitu Pengurusan Bantuan Makanan Tambahan di Tabika Perpaduan dan Pengauditan Baik Pulih dan Penyelenggaran Tabika Perpaduan di 24 Tabika Pepaduan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) seperti di Jadual 2.

Jadual 2 - Senarai Pengauditan Pematuhan

TAJUK	BIL. TABIKA
Pengurusan Bantuan Makanan Tambahan Di Tabika Perpaduan	11
Baik Pulih dan Penyelenggaraan Tabika Perpaduan	13

Sumber: UAD, KPN

III. PENGAUDITAN PRESTASI

UAD KPN juga telah melaksanakan Pengauditan Prestasi untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kementerian dan Jabatan telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan serta mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pada tahun 2023, UAD KPN telah melaksanakan pengauditan terhadap Pengurusan Penyaluran Peruntukan Program Kepada Rukun Tetangga di bawah seliaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Melaka.

Setiap Rukun Tetangga akan disalurkan geran kewangan untuk digunakan bagi tujuan pelaksanaan aktiviti, urusan pentadbiran, bayaran bil utiliti, membeli kelengkapan dan peralatan pejabat serta apa-apa arahan oleh Ketua Pengarah Rukun Tetangga. Geran yang disalurkan ke sesuatu Jawatankuasa Rukun Tetangga (JKRT) adalah di bawah Objek Sebagai 42000, Pemberian Dalam negeri yang merekodkan bayaran dalam bentuk pemberian.

IV. PENGAUDITAN MENGEJUT

Pemeriksaan Mengejut dijalankan terhadap pengurusan aset di enam (6) Pejabat Perpaduan Daerah (PPD), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan dua (2) Perpustakaan Desa (PD), Perpustakaan Negara Malaysia. Objektif Pemeriksaan Mengejut dijalankan adalah untuk menentukan semua aset yang diperoleh untuk kegunaan pejabat telah direkod dan dikawal dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran. Lokasi yang telah dilawati adalah seperti di Jadual 5.

PENGESAHAN BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI KEMENTERIAN (PERAKAUNAN AKRUAN)

UAD telah melaksanakan pengesahan baki awal aset dan liabiliti Kementerian Perpaduan Negara bermula pada tahun 2022. Ini berikutan arahan Kementerian Kewangan yang menghendaki semua Unit Audit Dalam membantu membuat pengesahan baki awal aset dan liabiliti Kementerian selaras dengan Pelaksanaan Perakaunan Akruan yang akan dilaksanakan. Laporan Pengesahan Baki Awal Aset dan Liabiliti Kementerian Perpaduan ini akan dibincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Perakaunan Akruan (JKKPPA) Kementerian Perpaduan Negara. UAD merupakan ahli bagi JKKPPA yang dipengerusikan oleh Ketua Akauntan Kementerian Perpaduan Negara dan Bahagian Akaun bertindak sebagai Urusetia.

PELAKSANAAN PENGAUDITAN

I. PENUBUHAN DAN KEAHLIAN JAWATANKUASA AUDIT

Penubuhan dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit (JKA) di Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memantapkan dan mempertingkatkan tadbir urus khususnya dalam pengurusan kewangan Kementerian selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan (PP) PS 3.2. Objektif penubuhan JKA adalah bagi membincangkan isu yang dibangkitkan oleh UAD dan memastikan tindakan preventif dan korektif diambil oleh pihak pengurusan supaya kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang.

II. TADBIR URUS

Tadbir urus yang terbaik perlu memberi penumpuan terhadap dua (2) aspek seperti berikut:

i. Prestasi, di mana pengurusan pencapaian adalah kritikal untuk menyampaikan perkhidmatan secara cekap dan berkesan seperti yang diharapkan oleh *stakeholders* di samping memastikan *value for money* dan pengurangan pembaziran sumber/dana; dan

ii. Pematuhan, di mana undang-undang, peraturan dan piawaian yang diguna pakai adalah dipatuhi serta harapan masyarakat terhadap amalan kejujuran, akauntabiliti dan integriti serta kewajipan perkongsian maklumat secara telus dipenuhi.

Dalam proses memperkukuhkan tadbir urus, UAD memainkan peranan yang mustahak melalui pengauditan yang dijalankan. Hasil pengauditan dan penemuan yang dibangkitkan serta syor penambahbaikan hendaklah diberi perhatian serius dan diambil tindakan oleh semua pihak pengurusan bagi meningkatkan prestasi sistem penyampaian perkhidmatan awam.

III. AHLI TETAP MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT (JKA)

JKA Kementerian Perpaduan Negara dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) bersama ahli tetap mesyuarat seperti di Jadual 3.

Jadual 3 - Senarai Ahli Tetap Mesyuarat JKA Kementerian Perpaduan Negara

BIL	SENARAI AHLI JKA	JAWATAN
1	Ketua Setiausaha	**Pengerusi**
2	Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Perancangan)	**Ahli**
3	Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan	**Ahli**
4	Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional	**Ahli**
5	Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia	**Ahli**
6	Ketua Pengarah Muzium Malaysia	**Ahli**
7	Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia	**Ahli**
8	Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan	**Ahli**
9	Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat	**Ahli**
10	Ketua Akauntan	**Ahli**
11	Ketua Unit Integriti	**Ahli**
12	Ketua Unit Audit Dalam	**Setiausaha**

Sumber: UAD, KPN

IV. PELAKSANAAN MESYUARAT JKA TAHUN 2023

Kesemua pemerhatian, Laporan Audit Dalam dan Maklum balas Laporan Ketua Audit Negara akan dibentangkan dalam mesyuarat JKA bagi memastikan tindakan preventif dan korektif diambil oleh pihak bertanggungjawab supaya kelemahan-kelemahan yang berkaitan dapat segera diperbetulkan dan tidak berulang. Pada tahun 2023, sebanyak empat (4) siri mesyuarat JKA telah berjaya dilaksanakan dan empat (4) Laporan Mesyuarat JKA telah dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan selaras dengan kehendak PP PS 3.2, Perkara 6. Butiran lanjut adalah seperti di Jadual 4.

Jadual 4 - Pelaksanaan Mesyuarat JKA Tahun 2023

BIL	MESYUARAT	TARIKH DILAKSANAKAN	TARIKH KEMUKAKAN LAPORAN	PENGERUSI
1	Bil 1/2023	**4.4.2023**	**13.4.2023**	**Ketua Setiausaha / Timbalan Ketua Setiausaha** **Kementerian Perpaduan Negara**
2	Bil 2/2023	**6.7.2023**	**12.7.2023**	
3	Bil 3/2023	**6.10.2023**	**11.10.2023**	
4	Bil 4/2023	**8.1.2024**	**15.1.2024**	

Sumber: UAD, KPN

LATIHAN/KURSUS YANG TELAH DIHADIRI OLEH PEGAWAI UNIT AUDIT DALAM

Bagi meningkatkan pengetahuan dan kualiti pengauditan yang dijalankan, pegawai UAD telah menghadiri latihan dan kursus. Antara kursus yang telah dihadiri oleh pegawai UAD sepanjang tahun 2023 adalah seperti di Jadual 5.

Jadual 5 - Latihan/Kursus Dihadiri Oleh Pegawai Unit Audit Dalam Pada Tahun 2023

BIL	NAMA KURSUS
1	Kursus Asas Penolong Juruaudit W29
2	Taklimat Arahan Perbendaharaan
3	Kursus Pengauditan Emolumen
4	Kursus Jenis-Jenis Sijil Ketua Audit Negara
5	Pengurusan Bukti Audit
6	Pengauditan IT (Asas) Siri 1
7	Seminar Audit ICT 2.0
8	Artificial Intelligence (AI) Dalam Pengauditan
9	Pengauditan Penyata Kewangan Berdasarkan MPSAS dan MFRS
10	Persidangan Juruaudit Dalam Sektor Awam 2023
11	Penyediaan Memorandum Perancangan Audit
12	Jaminan Kualiti dan Kawalan Kualiti Dalam Penyediaan Laporan Ketua Audit Negara
13	Kriteria Kecemerlangan Audit (KCA) Bagi Juruaudit Gred W44 Siri 1 Tahun 2023
14	Pengurusan Aduan Dan Penggunaan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) 2.0
15	Bengkel Pelaksanaan DDMS 2.0
16	Etika Sosial dan Protokol Majlis
17	Budaya Kerja Luar Biasa Cemerlang KPN
18	Bengkel Migrasi Klasifikasi Fail KPN
19	Hari Terbuka AKRAB
20	Kawalan Dokumen Rasmi dan Dokumen Rahsia Rasmi
21	Memperkasa Jati Diri Dan Kuasa Reser Minda Kementerian
22	Reka Bentuk Slide Profesional
23	Pemindahan Rekod Negara: Melestarikan Perpaduan Dan Warisan Bangsa
24	Kolokium Penyelidikan 2023
25	Pengauditan Prestasi Dalam Perspektif Alam Sekitar Berdasarkan ISSAI
26	Program Transformasi Minda
27	Perkongsian Sebenar Kes Gangguan Seksual

Pencapaian Pelaksanaan Audit Tahun 2023

Setakat 31 Disember 2023, pengauditan yang dilaksanakan bagi keseluruhan tahun 2023 ialah sebanyak 19 program audit seperti di Jadual 6.

Jadual 6 - Pencapaian Kerja Pengauditan Tahun 2023

BIL	JENIS PENGAUDITAN	PENCAPAIAN PTJ DIAUDIT
1	**Pengurusan Kewangan**	**JPNIN Negeri Kedah** **JPNIN Negeri Perak** **JPNIN Negeri Pulau Pinang** **Arkib Negeri Kedah/Perlis** **Arkib Negeri Melaka** **Arkib Negeri Perak**
2	**Pengauditan Pematuhan** Penguruan Bantuan Makanan Tambahan di Tabika Perpaduan	**Negeri Selangor** **Negeri Johor**
3	**Pengauditan Pematuhan** Baik Pulih dan Penyelenggaraan Tabika Perpaduan	**Negeri Pahang** **Negeri Kelantan**
4	**Pengauditan Prestasi** Pengurusan Penyaluran Peruntukan Program Kepada Rukun Tetangga	**JPNIN Negeri Melaka**
5	**Pengauditan Mengejut**	**PPD Kuala Langat** **PPD Kulim** **PPD Cameron Highlands** **PPD Kuala Muda** **PPD Klang** **PPD Rembau** **PD Kampung Morib** **PD Sungai Kembong Hilir, Bangi**

Sumber: UAD, KPN

Aktiviti Pengauditan Dijalankan Sepanjang Tahun 2023

Pengauditan Pengurusan Kewangan



Pengauditan pengurusan Kewangan di Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka



Pengauditan pengurusan Kewangan di Arkib Negara Negeri kedah



Pengauditan Pengurusan Kewangan di Arkib Negeri Perak



Pengauditan Pengurusan Kewangan di JPNIN Negeri Pulau Pinang

Pengauditan Pematuhan







Pengauditan Baik Pulih Dan Penyelenggaraan Tabika Perpaduan






Pengauditan Pengurusan Bantuan Makanan Tambahan Di Tabika Perpaduan

Mesyuarat Jawatankuasa Audit



Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 1 2023



Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 2 2023



Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 3 2023



Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 4 2023

Pengauditan Mengejut



Pengauditan Mengejut Di PPD Kuala Muda

Lain-Lain Aktiviti



Sambutan Minggu Perpaduan Tahun 2023 Peringkat Kebangsaan Di Negeri Sarawak



Lawatan Ke Memorial Tun Ghaffar Baba Melaka

Unit Komunikasi Korporat (UKK)

Pengenalan

Unit Komunikasi Korporat (UKK) berperanan sebagai penyampai dasar, aktiviti, program dan semua hebahan berkaitan perpaduan kepada pemegang taruh dan orang awam. Struktur UKK adalah seperti berikut:

i. Seksyen Hal Ehwal Korporat
ii. Seksyen Perhubungan Awam dan Khidmat Pelanggan
iii. Seksyen Komunikasi Strategik

Objektif

i. Bertindak sebagai jurucakap Kementerian dalam menyampaikan maklumat berhubung dengan fakta dan situasi yang ada kaitan dengan Kementerian; dan

ii. Mewujudkan hubungan baik dan perhubungan awam yang proaktif dan berkesan dengan orang ramai terutamanya yang menyentuh aspek dasar, perkhidmatan dan pengurusan Kementerian.

Fungsi

i. Merancang dan melaksanakan aktiviti peningkatan imej korporat PERPADUAN;

ii. Merancang, menyelaras dan melaksanakan strategi dan pelan komunikasi/ promosi/ publisiti serta pencapaian PERPADUAN;

iii. Merancang dan menyelaras aktiviti dan program perhubungan awam PERPADUAN dan perhubungan dengan pihak media;

iv. Menyelaras dan memantau pengurusan aduan dan pengurusan pelanggan PERPADUAN;

v. Merancang, menyelaras dan melaksanakan bahan-bahan penerbitan Unit Komunikasi Korporat;

vi. Menyelaras dan memantau pengemaskinian maklumat dan kandungan laman web rasmi Kementerian Perpaduan Negara; dan

vii. Menyelaras dan memantau penyelesaian isu-isu berkaitan PERPADUAN melalui strategi komunikasi yang berkesan dan menyelaras dan memantau Kalendar Aktiviti PERPADUAN.

PENGURUSAN MEDIA

Bagi tujuan mempromosi program dan inisiatif Kementerian, Jabatan dan Agensi, beberapa siri sesi temu bual menerusi televisyen dan radio telah dilaksanakan oleh UKK yang melibatkan YB Menteri, YB Timbalan Menteri, Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kanan KPN. Penyelarasan promosi ini adalah untuk menghebahkan maklumat berhubung program, inisiatif, pencapaian dan perkhidmatan yang disediakan oleh KPN kepada masyarakat. Jumlah temu bual media dan iklan yang telah diselaraskan oleh UKK adalah seperti berikut:

TELEVISYEN

1. Wawancara/ Temubual
2. Liputan Berita
3. Rerayap
4. Jingles

144 kali /setahun

RADIO

1. Wawancara/ Temubual
2. Jingles

48 kali /setahun













PUBLISITI MEDIA SOSIAL

Bagi menyokong usaha-usaha KPN dalam memacu nadi pembangunan negara dan selaras dengan perkembangan semasa, media sosial memainkan peranan penting dalam penyampaian maklumat kepada masyarakat.

Pengurusan Media Sosial merupakan antara platform bagi hebahan maklumat mengenai dasar, program dan inisiatif Kementerian. Pada tahun 2023 perincian pencapaian pengikut di platform media sosial adalah seperti berikut:



Tik Tok

Followers
7163

Likes
110,004



Instagram

Followers
5880

Posts
3291



Twitter

Followers
7187



Youtube

Subscribers
1.65K

Posts
351 videos

Views
345,180



Facebook

Followers
53,000

Gender ratio
Men - 41.60%
Women - 58.40%

Post reach
223,299



Whatsapp Channel

Followers
97

PENYELARASAN KURSUS

Bagi melahirkan kakitangan dan pegawai yang berkompetensi serta berkredibiliti dalam melaksanakan tugas-tugas di Unit Komunikasi Korporat (UKK) Kementerian, Jabatan dan Agensi, beberapa kursus telah dilaksanakan yang melibatkan juru foto dan Pegawai Perhubungan Awam di Jabatan dan Agensi di bawah KPN.

KURSUS SENI FOTOGRAFI DIGITAL

Kursus Seni Fotografi Digital telah diadakan pada 30 November 2023 hingga 1 Disember 2023 bertujuan untuk memberikan pendedahan secara teori dan praktikal mengenai kawalan penggunaan Kamera DSLR (Digital Single Lens Reflex) kepada juru foto di Kementerian, Jabatan dan Agensi di KPN. Kursus ini juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mengenai teknik-teknik tertentu dalam menghasilkan gambar yang berkualiti.

Seramai 14 juru foto telah berjaya mengikuti kursus ini secara fizikal yang telah diadakan di beberapa lokasi iaitu Memorial Tun Abdul Razak; Muzium Negara; dan Bilik Latihan BPM Aras 7, Kementerian Perpaduan Negara. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Azman bin Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.







Sekitar Kursus Seni Fotografi Digital yang diadakan

PEMUKIMAN HALA TUJU DAN PERANCANGAN KOMUNIKASI KORPORAT KPN 2024

Pemukiman ini telah dilaksanakan pada 6 hingga 8 Disember 2023 di Kuala Lumpur yang melibatkan Pegawai Perhubungan Awam di Unit Komunikasi Korporat KPN, Jabatan dan Agensi. Majlis perasmian bagi pemukiman telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Azman bin Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

Objektif utama pemukiman ini adalah untuk membincangkan mengenai pelaksanaan program KPN, Jabatan dan Agensi bagi tahun 2024 dan isu-isu berbangkit, penyelarasan pelan media bagi program-program tahun 2024, membincangkan mengenai penambahbaikan yang dapat dibuat bagi memastikan segala publisiti dan promosi yang berkaitan perpaduan dapat dilaksanakan seperti yang dirancang.

Selain itu, para peserta turut didedahkan mengenai peranan Media Sosial dalam publisiti, pengurusan media yang baik dan *Do & Don't* dalam perancangan pelan media.






Sekitar dua hari Permukiman Hala Tuju dan Perancangan Komunikasi Korporat KPN 2024

SESI LIBAT URUS BERSAMA SYARIKAT SWASTA

Unit Komunikasi Korporat sentiasa komited dalam menyebarluaskan inisiatif dan program-program yang melibatkan perpaduan di negara ini. Bagi memastikan Agenda Perpaduan Negara difahami, kerjasama erat perlu diwujudkan dengan pelbagai pihak termasuklah pihak swasta. Beberapa siri kunjungan hormat ke syarikat swasta telah dilaksanakan bagi membincangkan peluang-peluang kolaborasi strategik yang boleh dilaksanakan bersama bagi memastikan agenda perpaduan dapat difahami dan terus diamalkan oleh seluruh rakyat Malaysia.

Sesi kunjungan hormat ke syarikat swasta ini telah diketuai oleh YBhg. Datuk Azman Bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha KPN, Ketua Komunikasi Korporat, Setiausaha Bahagian Pembangunan Masyarakat dan tiga (3) orang pegawai KPN daripada Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Unit Komunikasi Korporat.

BIL.	TARIKH	SYARIKAT SWASTA
1	**28 November 2023**	**BHPetrol** Tuan Ir. Azizul Azily Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif BHPetrol
2	**12 Disember 2023**	**Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd.** Tuan Hj Ali Hassan, CEO Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd.





Sekitar sesi kunjungan hormat ke BHPetrol





Kunjungan hormat ke Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd

Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU)

Pengenalan

Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU) telah ditubuhkan pada 10 Mac 2020 apabila Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan. Walau bagaimanapun, Pejabat PUU hanya beroperasi pada 4 Mei 2020 dengan kemasukan dua (2) orang Pegawai Undang-Undang daripada Jabatan Peguam Negara.

Objektif

Memberi perkhidmatan perundangan yang berkualiti, profesional, bermutu dan bertindak mengikut Perlembagaan Persekutuan serta undang-undang dengan cekap, adil dan saksama.

Fungsi

Pejabat PUU bertanggungjawab dalam menjalankan fungsi-fungsi Jabatan Peguam Negara di peringkat Kementerian untuk:

i. memberi nasihat perundangan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan perundangan yang berkaitan kepada Kementerian dan Agensi di bawahnya;

ii. menyemak perjanjian, memorandum persefahaman, triti, deklarasi, konvensyen antarabangsa dan apa apa dokumen perundangan yang lain;

iii. menyemak penggubalan atau pindaan perundangan utama iaitu rang undang-undang dan perundangan subsidiari seperti kaedah kaedah, peraturan-peraturan dan perintah perintah di bawah bidang kuasa Kementerian dan Agensi di bawahnya;

iv. mengendali dan memantau kes mahkamah yang melibatkan Kementerian dan Agensi di bawahnya; dan

v. melaksanakan tugasan lain yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Kementerian/Agensi.

Prestasi

Sepanjang tahun 2023, Pejabat ini telah:

i. menyemak 414 Perjanjian/Memorandum Persefahaman/Nota Kerjasama dan dokumen perundangan yang lain.

STATISTIK PEJABAT PUU TAHUN 2023

Statistik Perjanjian / MOU / Nota Kerjasama Yang Disemak

KEMENTERIAN / AGENSI DOKUMEN YANG DISEMAK	Kementerian Perpaduan Negara (KPN)	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)	Jabatan Muzium Negara (JMM)	Arkib Negara Malaysia (ANM)	Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)
Perjanjian Perkhidmatan	4	21	34	39	27
Perjanjian Penyewaan	3	166	10	10	5
MOU / Nota Kerjasama	-	4	4	4	3
Pandangan Undang-undang	13	16	5	13	26
Perjanjian Jual / Beli	1	-	-	-	-
Jumlah	21	213	53	66	61
Jumlah Keseluruhan	414				

PEMAKLUMAN PEGAWAI BERTUKAR KELUAR/MASUK DI PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG KPN TAHUN 2023

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pegawai yang telah berkhidmat di Pejabat Penasihat Undang-Undang dan selamat datang kepada pegawai baharu yang ditempatkan di Pejabat Penasihat Undang-Undang, Kementerian Perpaduan Negara.


PEGAWAI YANG BERTUKAR KELUAR



CIK HAFIZAH BINTI HAMDZAH

Pegawai Undang-Undang Gred L44

Pertukaran ke : JABATAN PEGUAM NEGARA
Jawatan : Pegawai Undang-Undang Gred L44
Tarikh Kuat Kuasa : 4 September 2023



PUAN ISTISYHAD BINTI ISMAIL

Pegawai Undang-Undang Gred L44

Pertukaran ke : KASTAM
Jawatan : Pegawai Undang-Undang Gred L44
Tarikh Kuat Kuasa : 1 November 2023

PEGAWAI BERTUKAR MASUK



CIK MONA SHAZWANI BINTI KAMARUL ZAMAN

Pegawai Undang-Undang Gred L44

Penempatan : Pejabat Penasihat Undang-Undang
Tarikh Kuat Kuasa : 2 November 2023



PUAN ZURAINEY BINTI ABDULLAH

Penyelaras Program (MYSTEP)

Jawatan : Pejabat Penasihat Undang-Undang
Tarikh Kuat Kuasa : 1 Februari 2023

Gerak Tugas Penasihat Undang-Undang



Menyelaras Malaysian Book Of Records sempena Sambutan Minggu Perpaduan



Menghias aras 8 sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri





Hiasan Keceriaan sempena Hari Merdeka

LAPORAN BAHAGIAN

SEKTOR DASAR

- Bahagian Dasar Dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Perhubungan Masyarakat
- Bahagian Pembangunan Masyarakat
- Sekretariat Majlis Perpaduan











Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa (BDHA)

Pengenalan

Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa berperanan untuk merancang, menggubal, menyelaras dan memantau serta mengawasi pelaksanaan dasar-dasar sosial berkaitan perpaduan melalui program dan aktiviti untuk memastikan Visi dan Misi Kementerian tercapai. Bahagian ini juga menerajui usaha dalam memastikan Malaysia terus mendapat manfaat daripada penglibatan dan keahlian dalam pertubuhan dan organisasi antarabangsa.

Bahagian ini terbahagi kepada dua (2) seksyen iaitu Seksyen Dasar dan Perancangan Strategik dan Seksyen Hubungan Antarabangsa, Penilaian dan Pemantauan.

Objektif

i. Merealisasikan Pelaksanaan Dasar-Dasar Perpaduan oleh semua pihak demi kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia; dan

ii. Meningkatkan kefahaman dan kesedaran orang ramai terhadap Dasar Perpaduan Negara melalui perkongsian pintar (Smart Partnership) dengan kementerian yang berkaitan serta pihak swasta dan Badan Bukan kerajaan.

Fungsi

i. Merancang dan menggubal dasar strategik perpaduan nasional dan kesejahteraan sosial;

ii. Merancang dan mengkaji perundangan dan peraturan sedia ada dan baharu dari segi dasar ke arah kemakmuran dan keharmonian negara;

iii. Merancang dan menyelaraskan penyelidikan dan kajian berhubung perpaduan nasional dan kesejahteraan sosial;

iv. Merancang dan menganalisis maklumat berkaitan pembangunan komuniti;

v. Merancang dan menyelaras pelaksanaan dasar dan strategi Rancangan Malaysia;

vi. Merancang dan menyelaras penetapan petunjuk prestasi kementerian; dan

vii. Merancang dan menyelaras pelaksanaan dasar dan strategi OBB Kementerian.

Laporan dan Pencapaian Bahagian

SEKSYEN DASAR

PENYELARASAN URUSAN PARLIMEN (DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGARA)

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 31 soalan (Lisan dan Bukan Lisan) bagi Dewan Rakyat dan sebanyak 30 soalan (Lisan dan Bukan Lisan) Dewan Negara telah dijawab oleh YB Menteri Perpaduan Negara yang melibatkan isu-isu perpaduan dan integrasi nasional. Kementerian Perpaduan Negara juga turut terlibat dalam menjawab pertanyaan-pertanyaan di dalam sesi penggulungan Belanjawan 2023 pada bulan Mac dan November yang lalu. Pecahan soalan mengikut kluster bagi sesi persidangan Penggal Kedua Parlimen Kelima Belas Tahun 2023 yang melibatkan Kementerian Perpaduan Negara:

BIL	KLUSTER	BILANGAN SOALAN		JUMLAH
		LISAN	BERTULIS	
DEWAN RAKYAT				
1	DASAR & PERANCANGAN	7	4	11
2	KAWASAN RUKUN TETANGGA	2	2	4
3	IPNAS	3	1	4
4 5	TASKA GENIUS PERPADUAN & TABIKA PERPADUAN	-	-	-
6 7	KELAB RUKUN NEGARA & SEKRETARIAT RUKUN NEGARA	-	-	-
8	RANG UNDANG-UNDANG	5	1	6
9	MUZIUM	2	1	3
10	ARKIB	-	1	1
11	PERPUSTAKAAN	-	1	1
12	MASYARAKAT SIAM	-	1	1
JUMLAH		19	12	31

BIL	KLUSTER	BILANGAN SOALAN		JUMLAH
		LISAN	BERTULIS	
DEWAN NEGARA				
1	DASAR & PERANCANGAN	**13**	**1**	**14**
2	KAWASAN RUKUN TETANGGA	**5**	-	**5**
3	IPNAS	**2**	-	**2**
4 5	TASKA GENIUS PERPADUAN & TABIKA PERPADUAN	**2**	**1**	**3**
6 7	KELAB RUKUN NEGARA & SEKRETARIAT RUKUN NEGARA	**1**	-	**1**
8	RANG UNDANG-UNDANG	**2**	-	**2**
9	MUZIUM	**1**	-	**1**
10	ARKIB	-	-	
11	PERPUSTAKAAN	**2**	-	**2**
12	MASYARAKAT SIAM	-	-	-
JUMLAH		**28**	**2**	**30**





Sesi jawab lisan Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Kelima Belas





Sesi jawab lisan Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Kelima Belas

PEMBANGUNAN KERANGKA PERPADUAN MALAYSIA MADANI

Bengkel Pembangunan Kerangka Perpaduan Malaysia Madani telah diadakan pada 10 Februari 2023 (Jumaat), bertempat di Dewan Serbaguna Aras 1, F9. Mesyuarat ini dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara YBhg Dato' Indera Noridah Binti Abdul Rahim dan pengurusan tertinggi Kementerian dan agensi bagi menghasilkan buku kerangka perpaduan tersebut.



URUSETIA MESYUARAT PASCA KABINET KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Sepanjang tahun 2023, Mesyuarat Pasca Kabinet telah diadakan sebanyak 17 kali. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Menteri bagi membincangkan keputusan terkini kerajaan serta perkara-perkara yang memerlukaan perhatian dan tindakan oleh setiap bahagian.

PENYEDIAAN ULASAN BAGI MEMORANDUM JEMAAH MENTERI (MJM)

Bagi tahun 2023, sebanyak dua puluh (20) Ulasan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) telah diterima yang dikemukakan oleh agensi luar.

PENYEDIAAN MAKLUM BALAS DASAR KEPADA KEMENTERIAN DAN AGENSI LUAR

Melibatkan penyediaan maklum balas serta input bagi perkara berkaitan dasar atau maklumat berkaitan status terkini pelaksanaan program-program teras Kementerian kepada pelbagai pihak Kementerian dan agensi Kerajaan. Jumlah keseluruhan penyediaan maklum balas yang telah dihantar kepada pihak Kabinet adalah enam belas (16).

BIL	TAJUK	TARIKH
1	Majlis Peluncuran Sambutan Minggu Perpaduan	**19 Januari 2023**
2	Mesyuarat Jemaah Menteri Malaysia	**31 Januari 2023**
3	Penyediaan Dasar Baharu Berhubung Isu Penggunaan Kalimah Allah	**7 Februari 2023**
4	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan	**7 Februari 2023**
5	Pelantikan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI)	**10 Mac 2023**
6	Sambutan Minggu Perpaduan	**10 Mac 2023**
7	Isu Berhubung Penganjuran Projek Artikel II Jom Ziarah	**23 Mac 2023**
8	Maklum balas Minit Mesyuarat Kabinet 3 Mac 2023	**3 April 2023**
9	PKI 1 Maklum balas Majlis Peluncuran Sambutan Minggu Perpaduan	**17 April 2023**
10	PK 2 Maklum balas Majlis Peluncuran Sambutan Minggu Perpaduan	**2 Mei 2023**
11	PK 1 Isu Penggunaan Kalimah Allah Dalam Penerbitan Bahan Agama Kristian	**23 Mei 2023**
12	Kenyataan Provokasi Yang Melibatkan Isu Kaum	**15 Julai 2023**
13	M1 Pelaksanaan JK Pembangunan dan Keselamatan Kampung	**15 Julai 2023**
14	Penggunaan Kalimah Allah	**24 Julai 2023**
15	Penyelarasan Sukarelawan dan Badan-badan Bukan Kerajaan	**23 November 2023**
16	Pembukaan Semula Istana Negara	**29 November 2023**

URUSAN PENYEDIAAN MEMORANDUM JEMAAH MENTERI (MJM) DAN NOTA JEMAAH MENTERI (NJM), KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Sepanjang tahun 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah menyediakan lapan (8) Memorandum Jemaah Menteri (MJM) telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan enam (6) Nota Jemaah Menteri (NJM) yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

BIL.	TAJUK MEMORANDUM	TARIKH PEMBENTANGAN
1	Cadangan Pelaksanaan Minggu Perpaduan	**5 Januari 2023**
2	Cadangan Pelaksanaan Lafaz Ikrar Rukun Negara Dalam Urusan Rasmi Kerajaan	**25 Julai 2023**
3	International Volunteers Cooperation Organisations (IVCO)	**9 Ogos 2023**
4	Lawatan Kerja YB Menteri Perpaduan Negara ke Republik Rakyat China 3-9 September 2023	**30 Ogos 2023**
5	Penyertaan YB Menteri Perpaduan Negara Ke 66th Commonwealth Parliamentary Conference Di Accra, Ghana, Pada 1 – 6 Oktober 2023	**27 September 2023**
6	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman 2022 (telah diaudit)	**18 Oktober 2023**
7	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak (YTR) bagi tahun 2022 (Telah Diaudit)	**3 November 2023**
8	Keputusan Mesyuarat MPPN Bil. 2 Tahun 2023	**6 DIsember 2023**

Senarai Kertas Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Kementerian Perpaduan Negara tahun 2023

BIL.	TAJUK NOTA JEMAAH MENTERI	TARIKH PEMBENTANGAN
1	Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI)	**3 Mac 2023**
2	Penambahbaikan Tadbir Urus MPPN	**31 Mac 2023**
3	Hasil Sambutan Minggu Perpaduan 2023	**5 Julai 2023**
4	Hasil Lawatan Kerja YB Menteri Perpaduan Negara ke Republik Rakyat China 3-9 September 2023	**27 September 2023**
5	Hasil Penyertaan YB Menteri Perpaduan Negara Ke 66th Commonwealth Parliamentary Conference Di Accra, Ghana, Pada 1 – 6 Oktober 2023	**18 Oktober 2023**
6	Program Liga Sukan Uniti Tahun 2023	**6 Disember 2023**

Senarai Kertas Nota Jemaah Menteri (NJM) Kementerian Perpaduan Negara Tahun 2023

Seksyen Hubungan Antarabangsa, Penilaian dan Pemantauan

LAWATAN KERJA YB MENTERI PERPADUAN NEGARA KE REPUBLIK RAKYAT CHINA PADA 3 – 9 SEPTEMBER 2023

Lawatan Kerja selama enam (6) hari ini diketuai oleh YB Menteri Perpaduan Negara dan diiringi oleh Pegawai-pegawai Kanan daripada Kementerian Perpaduan Negara, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Arkib Negara Malaysia (ANM).

Lawatan ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan kerjasama dua hala antara Malaysia dengan Republik Rakyat China khususnya melalui bidang sejarah dan permuziuman serta pengurusan bahan arkib yang dipelopori oleh Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Arkib Negara Malaysia (ANM). Skop lawatan kerja ini berfokus kepada perbincangan dan perkongsian maklumat dalam bidang sejarah dan pemuziuman serta pengesanan rekod dan bahan arkib yang bernilai lagi bermakna buat Malaysia. Selain itu, perbincangan juga menjurus kepada pelaksanaan program-program kerjasama dalam bidang berkenaan sempena Sambutan 50 Tahun Hubungan Diplomatik Malaysia-China pada tahun 2024 nanti.



Lawatan ke Beijing Publishing House pada 4 September 2023



Lawatan ke Universiti Tianjin pada 7 September 2023



Sesi pertemuan dan Ramah Mesra bersama Pelajar Malaysia di Universiti Tianjin pada 7 September 2023

PENYERTAAN YB MENTERI PERPADUAN NEGARA DENGAN DELEGASI PARLIMEN MALAYSIA KE *66TH COMMONWEALTH PARLIAMENTARY CONFERENCE (CPC)*

YB Menteri Perpaduan Negara telah menghadiri *66th Commonwealth Parliamentary Conference (CPC)* di atas jemputan daripada Persatuan Parlimen Komanwel Cawangan Malaysia (CPA Malaysia). Penyertaan YB Menteri Perpaduan Negara adalah di atas kapasiti YB Menteri Perpaduan Negara selaku Ahli Jawatankuasa Eksekutif CPA Malaysia sejak tahun 2018.

Persidangan ini merupakan persidangan tahunan yang dianjurkan secara bergilir oleh negara-negara ahli Persatuan Parlimen Komanwel dan melibatkan kehadiran Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif CPA dari negara-negara anggota Komanwel. Bagi tahun 2023, persidangan ini telah dianjurkan oleh negara Ghana dari 1 hingga 6 Oktober 2023.

Penyertaan YB Menteri Perpaduan Negara bersama-sama delegasi CPA Malaysia ke persidangan ini telah menguatkan lagi misi dan pencapaian matlamat institusi Parlimen Malaysia dalam usaha perkongsian amalan terbaik berhubung pengurusan Parlimen dalam kalangan negara-negara Komanwel.



Majlis Makan Malam bersama Diaspora Malaysia di Tang Palace Hotel



Sesi Kunjungan Hormat ke atas Speaker Parlimen Ghana, Alban Sumana Kingsford Bagbin di Accra International Convention Centre



Sesi Pertemuan Dua Hala bersama Presiden Senate Australia Sue Lines, di Accra International Convention Centre

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YB MENTERI PERPADUAN NEGARA OLEH TYT DUTA BESAR JEPUN KE MALAYSIA

Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Takahashi Katsuhiko, Duta Besar Jepun pada 8 Februari 2023. Perbincangan meliputi perkara-perkara yang melibatkan hal ehwal kedua-dua negara khususnya berkaitan pemantapan integrasi nasional, warisan negeri serta kerjasama untuk program *"Unity in Diversity"*.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Dato' Indera Noridah Abdul Rahim dan Setiausaha Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, YBrs. En Mohd Sobri Daud. Pertemuan ini diharapkan dapat membentuk kerjasama strategik yang berkesan untuk memberi manfaat kepada masyarakat dan memelihara keharmonian negara.



YB Menteri Perpaduan Negara bersama-sama dengan Duta Besar Jepun, TYT Takahashi Katsuhiko

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YB MENTERI PERPADUAN NEGARA OLEH DUTA AUSTRIA KE MALAYSIA, TYT ANDREAS LAUNER

YB Menteri Perpaduan Negara menerima Kunjungan Hormat daripada Duta Austria ke Malaysia, TYT Andreas Launer pada 18 April 2024.

Perbincangan tertumpu kepada Pameran Khas Tugu Negara di Parlimen Malaysia semasa Program Hari Terbuka Parlimen Malaysia yang akan diadakan oleh Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Kedutaan Austria. Ia merupakan kesinambungan daripada Pameran Eksklusif Tugu Negara yang telah diadakan dengan jayanya pada tahun lepas (2022) sempena Ulang tahun ke-60 Hubungan Diplomatik Malaysia-Austria pada tahun tersebut. Turut dibincangkan mengenai kerjasama dua hala antara Malaysia dan Austria dalam aspek pemeliharaan dan pemuliharaan warisan negara.



YB Menteri Perpaduan Negara bersama-sama dengan Duta Austria ke Malaysia, TYT Andreas Launer diiringi Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA OLEH DELEGASI DARI UZBEKISTAN

Kementerian Perpaduan Negara diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha KPN, YBrs. Dr. Kang Tong Hum, telah menerima Kunjungan Hormat daripada negara Uzbekistan yang diketuai oleh Mr. Firdavs Halimov, *Deputy Director Centre of Islamic Civilization of Uzbekistan (CICU)* pada 2 Mac 2024.

Tujuan Kunjungan Hormat ini adalah bagi membincangkan dengan lebih lanjut berhubung cadangan program pembinaan kapasiti dan pengurusan muzium di antara Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan CICU.

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA TYT AXEL CRUAU, DUTA PERANCIS KE MALAYSIA

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menerima Kunjungan Hormat daripada TYT Axel Cruau, Duta Perancis ke Malaysia pada 22 September 2023

Dalam sesi Kunjungan Hormat ini, YB Datuk Aaron menjelaskan dengan lebih lanjut berkenaan fungsi dan peranan KPN dalam mewujudkan suasana harmoni tanpa mengira latar belakang di samping memastikan aspirasi Malaysia MADANI dapat dicapai dengan penganjuran program-program di bawah Kementerian yang berfokuskan budaya, warisan dan juga semangat jati diri dengan penghayatan Rukun Negara.



YB Menteri Perpaduan Negara menerima cenderamata daripada TYT Axel Cruau, Duta Perancis ke Malaysia

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) YB Menteri Perpaduan Negara

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JANGKA PENDEK (100 HARI)

Pada 6 Januari 2023, YAB Perdana Menteri telah bersetuju dengan pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ahli Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan dalam tiga (3) fasa iaitu jangka pendek (100 hari), jangka sederhana (2 tahun) dan panjang (3 hingga 5 tahun). KPI yang dicadangkan perlu mengikut keutamaan berdasarkan prinsip SMART (Spesific, Measurable, Achievable, Realistic dan Time-Bound), bersifat *low hanging fruits* dan *citizen-centric*.

Antara strategi dan inisiatif yang dilaksanakan semasa KPI Jangka Pendek (100 hari) adalah seperti berikut:

STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	SASARAN/ PENCAPAIAN
1. Meningkatkan Kesejahteraan Komuniti Dalam Kawasan Rukun Tetangga Yang Terjejas Akibat Peningkatan Kos Sara Hidup	**Program Kotak RAHMAH (RT Cares)**	Edaran kotak makanan kepada **2,000** Ketua Isi Rumah **2,074 kotak makanan diedarkan**
2. Mempergiatkan Usaha Pembangunan Sosioekonomi Komuniti Ke Arah Meningkatkan Pendapatan Dan Membantu Menangani Kos Sara Hidup	**Projek Ekonomi Komuniti KRT** antaranya seperti: i. Kebun Komuniti ii. Kerjasama dengan PETRONAS bagi projek pengumpulan minyak masak terpakai iii. Projek Ekonomi KRT sedia ada (makanan, kraftangan, jahitan)	**386** daripada 7,724 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) melaksanakan Projek Ekonomi Komuniti KRT **390 KRT** melaksanakan Projek Ekonomi Komuniti KRT
3. Meningkatkan Penglibatan Pelbagai Pihak Dalam Menyemarakkan Perpaduan Ke Arah Kesejahteraan Rakyat	**Program Ziarah Harmoni** menyantuni kumpulan rentan oleh pemimpin pelbagai Agama, Pemimpin Tempatan, Agensi Kerajaan dan NGO	**16 buah lokasi** melibatkan **1,500 penerima manfaat**. Telah dilaksanakan di **16 buah lokasi melibatkan 1,898 penerima manfaat**
4. Meningkatkan Pengetahuan Dan Kefahaman Rakyat Berhubung Sejarah Malaysia, Perlembagaan Persekutuan Dan Rukun Negara Ke Arah Pengukuhan Jati Diri Dan Semangat Patriotisme	Program Penyebarluasan Ilmu Pengetahuan	**15 seminar/ bengkel/ wacana** melibatkan **1,500 peserta** yang terlibat. **63 program** telah dilaksanakan melibatkan **102,157 peserta**

Secara keseluruhan, pencapaian KPI Jangka Pendek (100 hari) YB Menteri Perpaduan Negara telah mencapai 100% malahan terdapat pencapaian beberapa inisiatif dilaksanakan melebihi sasaran yang telah ditetapkan.

MINISTERIAL PERFORMANCE REVIEW (MPR)

Pada 1 November 2023, YAB Perdana Menteri telah mengarahkan pelaksanaan *Ministerial Performance Review* (MPR) bertujuan untuk menilai pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Anggota Jemaah Menteri sepanjang tempoh setahun dilantik di dalam Kabinet Kerajaan Perpaduan. Penilaian Prestasi MPR ini adalah berdasarkan program utama Kementerian yang berimpak tinggi dan dilaksanakan/dilancarkan pada tahun 2023. Antara strategi dan inisiatif yang dilaksanakan semasa MPR adalah seperti berikut:

PROGRAM UTAMA KEMENTERIAN	OBJEKTIF	SASARAN/ PENCAPAIAN
1. **Semarak Kenegaraan**	Inisiatif ini merangkumi pelaksanaan program-program Kementerian dan Agensi berkaitan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara.	500,000 penyertaan **561,442 penyertaan**
2. **Semarak Perpaduan**	Inisiatif ini merangkumi pelaksanaan program-program Kementerian dan Agensi yang meliputi penglibatan pelbagai masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya.	800,000 penyertaan **895,000 penyertaan**
3. **RTCares (Bakul Rahmah)**	Inisiatif ini merangkumi sumbangan makanan dan keperluan asas untuk membantu komuniti yang terkesan dengan krisis ekonomi yang digerakkan oleh sukarelawan Rukun Tetangga.	10,000 unit sumbangan **11,530 unit sumbangan**
4. **Tuisyen Rahmah**	Inisiatif ini dapat memenuhi keperluan pendidikan tambahan untuk komuniti. Inisiatif ini dapat memastikan golongan yang kurang berkemampuan turut mendapat peluang pendidikan tambahan. Mengurangkan beban kewangan ibu bapa yang tidak mampu menghantar anak-anak ke Pusat Tuisyen swasta.	2,500 peserta **3,414 peserta**
5. **Dapur Komuniti**	Inisiatif ini dapat membantu komuniti meneruskan kelangsungan hidup dan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka	200,000 pek makanan **200,000 pek makanan**

Secara keseluruhan, pencapaian MPR YB Menteri Perpaduan Negara telah mencapai 100% malahan terdapat pencapaian beberapa inisiatif dilaksanakan melebihi sasaran yang telah ditetapkan.

MESYUARAT PERANCANGAN *KEY PERFORMANCE INDICATORS* (KPI) PENJAWAT PENGURUSAN TERTINGGI PERKHIDMATAN AWAM (PPTPA), SASARAN KERJA UTAMA (SKU) DAN *OUTCOME BASED BUDGETTING* (OBB) KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Seksyen Penilaian dan Pemantauan, Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa selaku urus setia bagi penyelarasan *Key Performance Indicators* (KPI) bagi Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA), Sasaran Kerja Utama (SKU) dan *Outcome Based Budgetting* (OBB) telah mengadakan Mesyuarat Perancangan *Key Performance Indicators* (KPI) Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA), Sasaran Kerja Utama (SKU) dan *Outcome Based Budgetting* (OBB) Kementerian Perpaduan Negara pada 8 dan 9 Jun 2023 di Dewan Serbanguna F9, Aras 1, Kompleks F.

Sesi mesyuarat ini telah dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi Kementerian serta Pegawai Agensi yang bertanggungjawab dalam penyediaan ketiga-tiga dokumen strategik tersebut. Mesyuarat ini diadakan adalah bagi merancang dan menyelaras penyediaan KPI bagi *Tier* 2 dan 3 agar ia mengikut perancangan dan hasrat Kementerian.

SESI LIBAT URUS *FOCUS GROUP* (FG) BAGI JAWATANKUASA KERJA TEKNIKAL (TWG) PERPADUAN, KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (KSP, RMKE-12)

Kementerian Perpaduan Negara dilantik oleh Kementerian Ekonomi (EPU) urus setia Jawatankuasa Kerja Teknikal (TWG) Perpaduan, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP, RMKe-12). Tujuan TWG ini diwujudkan adalah untuk membuat penilaian terhadap strategi yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021-2022 di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Selain itu, peranan jawatankuasa ini adalah untuk mengenal pasti isu-isu baharu sepanjang tempoh pelaksanaan RMKe-12 dan memberikan cadangan penambahbaikan atau pendekatan baharu yang bersesuaian di dalam KSP, RMKe-12.

Sesi libat urus tersebut telah dilaksanakan pada 30 Januari 2023 di Dewan Serbanguna F9, Aras 1, Kompleks F. Sesi mesyuarat ini telah dihadiri oleh wakil daripada pelbagai Agensi antaranya seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang merupakan ahli bagi jawatankuasa tersebut.

Hasil daripada sesi libat urus tersebut akan dijadikan input yang akan dimasukkan sebagai cadangan penambahbaikan dan pendekatan baharu bagi KSP, RMKe-12.

BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK DAN HALA TUJU KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TAHUN 2024

Bengkel Perancangan Strategik dan Hala Tuju Kementerian Perpaduan Negara bagi tahun 2024 telah diadakan pada 23 hingga 25 November 2023 di Hotel Amari, Kuala Lumpur. Bengkel ini telah dihadiri oleh 50 orang meliputi Pegawai Pengurusan Tertinggi Kementerian Perpaduan Negara, Jabatan dan Agensi Gred 54 dan ke atas.

Semasa bengkel ini dilaksanakan, YB Menteri Perpaduan Negara turut telah menyampaikan amanat, harapan dan hasrat beliau bagi tahun 2024. Bengkel ini bertujuan untuk melihat semula pencapaian Pelan Strategik Kementerian bagi tahun 2023, mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi, membuat perancangan dan Takwim serta penetapan *Key Performance Indicators* (KPI) Kementerian bagi tahun 2024.

Hasil daripada bengkel ini, sebanyak 101 aktiviti akan dilaksanakan pada tahun 2024 yang melibatkan 49 aktiviti baharu, 41 aktiviti yang telah ditambahbaik dan 11 aktiviti sedia ada.





Sekitar Bengkel Perancangan Strategik dan Hala Tuju Kementerian Perpaduan Negara

Bahagian Perhubungan Masyarakat (BPHM)

Pengenalan

Bahagian Perhubungan Masyarakat diwujudkan melalui waran perjawatan Bil. A35 Tahun 2020 bertarikh 6 April 2020 seiring dengan penubuhan Kementerian Perpaduan Negara pada 10 Mac 2020. Bahagian ini diketuai oleh seorang Setiausaha Bahagian dan mempunyai 3 Sekyen iaitu;

i. Seksyen Keharmonian Agama
ii. Seksyen Pengurusan Perpaduan
iii. Seksyen Kajian Petunjuk Perpaduan.

Objektif

Objektif penubuhan Bahagian Perhubungan Masyarakat adalah untuk menyelaras usaha-usaha untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan perpaduan masyarakat, memupuk keharmonian di kalangan penganut agama dan memantau serta mengesan isu dan konflik yang berpotensi menggugat perpaduan dalam masyarakat.

Fungsi

i. Memantau, mengesan dan menganalisa isu/ konflik/ insiden yang berpotensi menggugat keharmonian dan perpaduan negara;

ii. Menyelaras, memantau dan menyediakan Laporan Pengesanan Isu Keharmonian dan Perpaduan Masyarakat kepada pengurusan tertinggi Kementerian;

iii. Menyediakan input, menganalisa dan melaporkan hasil kajian indikator-indikator berkaitan perpaduan dan keharmonian rakyat;

iv. Merancang dan menyelaras program/ aktiviti hubungan komuniti (contoh: mediasi, Taska/ Tabika);

v. Menguruskan hal-ehwal berkaitan dengan pentadbiran dan pelaksanaan Jawatankuasa Keharmonian antara Penganut Agama (HARMONI);

vi. Memelihara, meningkat dan mengukuhkan jalinan hubungan antara badan/ persatuan agama lain selain Islam;

vii. Menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan program/ aktiviti badan/ persatuan agama lain selain Islam; dan

viii. Menyelaras dan memantau isu isu serta permasalahan berkaitan hubungan antara agama lain selain Islam.

Laporan Program

SEKSYEN PENGURUSAN PERPADUAN

MESYUARAT JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI) BILANGAN 1 TAHUN 2023

Kerajaan komited dalam mempromosikan perpaduan dan persefahaman antara penganut berbilang agama bagi menangani isu – isu sensitif yang dapat menggugat keharmonian di dalam masyarakat di negara ini. Dalam usaha ini Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) pada 28 Oktober 2023 bertempat di The Westin Kuala Lumpur (Westin Hotel & Resorts), Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini pertama kali diadakan semenjak ianya distruktur dan dijenamakan semula daripada Jawatankuasa Mempromosi Persefahaman dan Keharmonian antara Agama (JKMPKA). Mesyuarat Jawatankuasa Harmoni ini dipengerusikan bersama oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang Menteri Perpaduan Negara bersama YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Mesyuarat Jawatankuasa HARMONI adalah platform penting bagi wakil penganut agama mengetengahkan pandangan, idea atau cadangan penyelesaian kepada kerajaan mengenai perkara-perkara berbangkit yang perlu diberi perhatian terutamanya isu-isu sensitif berkait dengan agama. Di samping itu, melalui jawatankuasa ini pelbagai jenis program keharmonian melibatkan pemimpin dan masyarakat setempat boleh dianjurkan bagi memperkukuhkan perpaduan dan kestabilan sosial.






Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI)

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA BILANGAN 1 TAHUN 2023

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Keharmonian Antara Penganut Agama Bilangan 1 Tahun 2023 telah diadakan di Kementerian Perpaduan Negara pada 11 Oktober 2023. Mesyuarat ini dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan Pengarah Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (wakil Ketua Pengarah). Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan persediaan bagi Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) Bilangan 1 tahun 2023 yang akan diadakan pada 28 Oktober 2023.





Sekitar Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Keharmonian Antara Penganut Agama Bilangan 1

INTERNATIONAL INTERFAITH PEACE CONFERENCE (IIPC)

International Interfaith Peace Conference (IIPC) telah dianjurkan oleh *Allied Coordinating Council of Islamic NGOs Malaysia* (ACCIN) dengan usahasama *Pure Land Learning College Association, Australia (PLLCA) Pure Land Amitabha Group-Malaysia (PLAG)*, Kementerian Perpaduan Negara (KPN), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Persidangan ini telah berlangsung di Hotel Furama, Bukit Bintang Kuala Lumpur pada 16 Julai 2023.

Persidangan yang bertemakan "Bekerjasama Ke Arah Masyarakat yang Saling Menghormati dan Bersatu Padu" telah disempurnakan perasmian oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara. Persidangan yang dihadiri lebih kurang 200 peserta ini turut menghimpunkan pemimpin-pemimpin agama, aktivis, ahli akademik, pegawai kerajaan dan para mahasiswa bagi berkongsi idea, persamaan dan pandangan berkenaan nilai, prinsip dalam kepercayaan serta budaya masing-masing.



Ucapan Perasmian daripada YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara



International Interfaith Peace Conference (IIPC)
Sesi Forum : *Foundations for building respect and cohesion.*

MAJLIS RUMAH TERBUKA PUSAT BUDDHIS DHAMMADUTA MALAYSIA (PBDM) BERSAMA KOMUNITI ANTARA AGAMA DAN ACARA PENANAMAN POKOK 'BODHI'

Majlis ini telah dianjurkan oleh *Buddhist Missionary Society Malaysia* (BMSM) bertempat di Pusat Buddhis Dhammaduta Malaysia (PBDM), Putrajaya. YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah dijemput sebagai tetamu khas untuk meraikan rumah terbuka PBDM sempena penerimaan sijil siap dan pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance*) yang telah diterima oleh PBDM. Objektif penganjuran majlis ini adalah untuk meraikan kejayaan pembinaan PBDM bersama komuniti agama di Putrajaya. Majlis ini juga turut dihadiri oleh wakil-wakil Ketua Badan Keagamaan Kristian, Hindu, Sikh dan Tao serta delegasi Kementerian Perpaduan Negara (KPN). Satu upacara penanaman Pokok Bodhi telah disempurnakan oleh YB Menteri Perpaduan sebagai simbolik kepada kejayaan ini.







Sekitar Majlis Rumah Terbuka Pusat Buddhis Dhammaduta Malaysia (PBDM)

SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA) AGAMA SELAIN ISLAM

Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) diwujudkan bagi membantu orang awam menyelesaikan isu-isu berkaitan rumah ibadat selain Islam. Selain itu, Bahagian Perhubungan Masyarakat juga membantu orang awam untuk mengenalpasti agensi yang tepat untuk menyalurkan pertanyaan bagi isu bukan di bawah rumah ibadat selain Islam. Sepanjang tahun 2023 sebanyak sepuluh (10) isu pertanyaan dan aduan telah diterima dari orang awam. Di antara pertanyaan dan aduan yang diterima adalah mengenai gangguan bising di rumah ibadat selain Islam, program melibatkan masyarakat pelbagai kaum dan agama dan geran bantuan rumah ibadat selain Islam. Tempoh setiap isu yang diselesaikan adalah bergantung kepada situasi dan keterbukaan pengadu memberi kerjasama.

Pecahan isu pertanyaan dan aduan yang diterima bagi tahun 2023

BIL.	ISU	BIL. ADUAN
1	Tuntutan gantirugi rumah ibadat selain Islam	**1**
2	Pertanyaan tentang geran bantuan rumah ibadat selain Islam	**2**
3	Aduan gangguan bunyi rumah ibadat selain Islam	**3**
4	Pertukaran agama	**1**
5	Program melibatkan masyarakat pelbagai kaum dan agama	**2**



SEKSYEN KEHARMONIAN ANTARA AGAMA

PROGRAM WACANA PERPADUAN: MENDEPANI DEFISIT SOSIAL

Program Wacana Perpaduan: Mendepani Defisit Sosial telah diadakan pada 4 Julai 2023 (Selasa) bertempat di *Bangi Avenue Convention Centre* (BACC). Program ini telah disertai seramai 730 orang peserta secara fizikal dan ditonton seramai lebih 3500 orang peserta melalui *Facebook live*. Tujuan penganjuran program ini adalah untuk: (i) mengupas tentang isu dan cabaran berhadapan dengan perpaduan masyarakat iaitu defisit sosial dan keupayaan mendepaninya dalam era membangun Malaysia MADANI; dan (ii) memberi penekanan kepada pelaksanaan dasar dan tindakan yang lebih tepat serta inklusif dalam usaha mengukuhkan integrasi nasional.

Objektif wacana ini diadakan adalah untuk:

i. Meningkatkan kesedaran rakyat tentang kepentingan memelihara perpaduan nasional;
ii. Mengupas isu dan cabaran yang boleh menjejaskan perpaduan; dan
iii. Meningkatkan pemahaman rakyat mengenai gagasan Malaysia MADANI.

Antara pengisian yang dilaksanakan sepanjang program ini adalah Sesi Wacana 1: Pemantapan Identiti Nasional (Mengupas Defisit Sosial Berkaitan Etnisiti, Agama, Bahasa dan Gender). Sesi Wacana 2: Pengukuhan Integrasi Nasional (Mengupas Defisit Sosial Berkaitan Politik Federalisme, Ruang Bandar-Desa dan Jurang Generasi) dan Sesi Wacana 3: Pengukuhan Ekosistem Perpaduan (Mengupas Defisit Sosial Berkaitan Pendidikan, Kelas Sosial dan Media).





Sekitar Program Wacana Perpaduan: Mendepani Defisit Sosial













Sekitar Program Wacana Perpaduan: Mendepani Defisit Sosial

PROGRAM EKSPLORASI RUKUN NEGARA (ERN@MAJLIS PELUNCURAN)

Program Eksplorasi Rukun Negara (ERN@Majlis Peluncuran) telah diadakan pada 12 hingga 13 Ogos 2023 di *MyTown Shopping Mall*, Cheras Kuala Lumpur. Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan disertai oleh seramai lebih 10,000 orang daripada segenap lapisan masyarakat. Program ini dilaksanakan berdasarkan persetujuan Kerajaan agar sesi lafaz ikrar Rukun Negara dibaca penuh dengan mukadimah dan diikuti dengan lima (5) prinsip Rukun Negara dalam program-program rasmi Kerajaan, termasuk semasa majlis perhimpunan di semua sekolah, dengan tujuan memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat Malaysia.

Objektif program ini adalah untuk:

i. Meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai agen penyatu paduan rakyat Malaysia dan menyemai taat setia serta rasa cintakan negara;
ii. Menyemarakkan agenda perpaduan terutama membangkitkan sifat patriotisme sebagai medium yang mencambah nilai kasih sayang hormat menghormati dan kebersamaan masyarakat; dan
iii. Menyediakan ruang, peluang, dan suasana kepada rakyat Malaysia untuk berinteraksi dalam program-program dan aktiviti yang dianjurkan.

Pelbagai aktiviti dan acara yang menarik telah diadakan sepanjang 2 hari program ini dilaksanakan seperti Majlis Peluncuran Eksplorasi Rukun Negara, Pengiktirafan Rakan Eksplorasi Rukun Negara, Kisah Wajah-wajah Malaysia, Dialog Anak Muda, Kapsul Suara Anak Malaysia, Perpaduan *Got Talent*, Persembahan Tarian Perpaduan, Kempen Budi Bahasa #cakapbaikbaik, Aktiviti Kuiz Interaktif, Muzikal Eksplorasi Rukun Negara dan pameran dari pelbagai agensi kerajaan.





Sekitar Program Eksplorasi Rukun Negara (ERN@Majlis Peluncuran)













PROGRAM EKSPLORASI RUKUN NEGARA PERINGKAT SEKOLAH (ERN@SEKOLAH)

Program Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Sekolah (ERN@Sekolah) telah dilaksanakan pada 14 Ogos 2023 bertempat di Dewan Kompleks Sri Bintang, Kuala Lumpur. Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang Menteri Perpaduan Negara bersama YB Puan Fadhlina binti Sidek Menteri Pendidikan. Pelaksanaan program ini bagi melaksanakan persetujuan Kerajaan agar sesi Lafaz Ikrar Rukun Negara dibaca penuh dengan mukadimah dan diikuti dengan lima (5) prinsip Rukun Negara dalam program-program rasmi Kerajaan, termasuk semasa majlis perhimpunan di semua sekolah, dengan tujuan memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat Malaysia. Di samping

itu, menyemarakkan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan pelajar sekolah sebagai asas penting dalam membentuk rakyat Malaysia yang memiliki identiti, kesepaduan, cinta, dan tanggungjawab terhadap negara.

Program ini telah disertai oleh 400 orang peserta dalam kalangan pelajar-pelajar dan guru-guru sekolah secara fizikal dan di atas talian. Objektif penganjuran program ini adalah untuk:

i. Meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai agen penyatupaduan rakyat Malaysia dan menyemai taat setia dan rasa cintakan negara;
ii. Menyemarakkan agenda perpaduan terutama membangkitkan sifat patriotisme sebagai medium yang mencambah nilai kasih sayang hormat menghormati dan kebersamaan masyarakat; dan
iii. Menyediakan ruang, peluang, dan suasana kepada rakyat Malaysia untuk berinteraksi dalam program-program dan aktiviti yang dianjurkan.

Antara pengisian program yang telah diadakan adalah pelancaran Lafaz Ikrar Rukun Negara peringkat sekolah di seluruh negeri, Tayangan Montaj Eksplorasi Rukun Negara, Lukisan Mural Aspirasi Rukun Negara, Kempen Budi Bahasa #cakapbaikbaik dan Bicara Rukun Negara.









Sekitar Program Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Sekolah (ERN@Sekolah)

PROGRAM EKSPLORASI RUKUN NEGARA PERINGKAT INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (ERN@IPT)

Program Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Institusi Pengajian Tinggi (ERN@IPT) telah dilaksanakan pada 2 Oktober 2023 bertempat di Dewan Besar Universiti Putra Malaysia (UPM). Tujuan penganjuran program ini adalah unuk melaksanakan persetujuan Kerajaan agar sesi lafaz ikrar Rukun Negara dibaca penuh dengan mukadimah dan diikuti dengan lima (5) prinsip Rukun Negara dalam program-program rasmi Kerajaan, termasuk semasa majlis perhimpunan di semua sekolah, dengan hasrat untuk memperkuatkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat Malaysia. Di samping menyemarakkan eksplorasi Rukun Negara di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi dan mengiktiraf mahasiswa sebagai rakan eksplorasi Rukun Negara.

Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan disertai oleh 4000 orang perserta yang terdiri daripada mahasiswa-mahasiswa pengajian tinggi. Objektif program ini dianjurkan adalah untuk:

i. Meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai agen penyatupaduan rakyat Malaysia dan menyemai taat setia dan rasa cintakan negara;
ii. Menyemarakkan agenda perpaduan terutama membangkitkan sifat patriotisme sebagai medium yang mencambah nilai kasih sayang hormat menghormati dan kebersamaan masyarakat; dan
iii. Menyediakan ruang, peluang, dan suasana kepada rakyat Malaysia untuk berinteraksi dalam program-program dan aktiviti yang dianjurkan.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah:

i. Pelancaran Lafaz Ikrar penuh Rukun Negara di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi
ii. Tayangan Montaj Eksplorasi Rukun Negara
iii. Pidato Kenegaraan
iv. Kempen Budi Bahasa
v. Persembahan Aspirasi Rukun Negara (Pantun dan Sajak)
vi. Persembahan Muzik dan Kesenian Warisan Malaysia (Putra Simfoni, Tarian Tradisional Melayu, Tarian Klasik India, Tarian Kipas Cina, Tarian Badansa dari Borneo, Persembahan nyanyian dan persembahan seni mempertahankan diri)
vii. Mahasiswa *got talent* (*cheer performance*)
viii. Perkongsian mobiliti antarabangsa (New Zealand, Jepun, Thailand, Vietnam, Indonesia)
ix. Sesi interaktif dan kuiz perpaduan













Sekitar Program Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Institusi Pengajian Tinggi (ERN@IPT)

SEKSYEN KAJIAN PETUNJUK PERPADUAN

SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN (SMP) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023

Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) peringkat kebangsaan telah diadakan di Kuching Waterfront, Sarawak pada 21 hingga 26 Mei 2023. Program ini telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Lebih kurang 100 ribu orang pengunjung telah hadir sepanjang 6 hari program dilaksanakan. Terdapat pelbagai acara telah diadakan seperti pameran rumah etnik, jualan KUSKOP, jualan RAHMAH, pameran reruai kementerian/ agensi dan aktiviti-aktiviti sampingan. Selain itu, terdapat juga kejayaan Kementerian dalam usaha memecahkan rekod kebangsaan (*Malaysia Book of Records*) bagi:

i. Pemakaian Baju Etnik Teramai Dalam Satu Acara
ii. Penyertaan Kumpulan Etnik Terbanyak dalam Pameran Kebudayaan







Sekitar Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) peringkat kebangsaan

BENGKEL PEMBANGUNAN TERMA RUJUKAN (TOR) INDEKS PERPADUAN NASIONAL (IPNas) 2024

Pelaksanaan bengkel ini adalah bertujuan untuk membangunkan sebuah terma rujukan kajian bagi menghasil indeks yang lebih komprehensif dan menyeluruh berbanding kajian sebelumnya. Bengkel ini telah diadakan pada 12 hingga 13 September 2023 bertempat di Swiss Garden Hotel, Melaka. Antara peserta yang telah menghadiri bengkel ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kementerian dan agensi gred 48 dan ke atas.







Sekitar Bengkel Pembangunan Terma Rujukan (TOR) Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2024

BENGKEL PEMINDAHAN PENGETAHUAN INDEKS PERPADUAN NASIONAL (IPNas) 2022

Bengkel ini adalah sebahagian daripada keperluan akhir perunding kajian untuk memberikan penerangan dan pemindahan pengetahuan serta teknologi berkaitan kajian kepada pihak kementerian. Bengkel ini telah diadakan pada 11 hingga 12 Julai 2023 bertempat di The Lexis Hotel, Port Dickson, Negeri Sembilan. Antara peserta yang telah menghadiri bengkel ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kementerian dan agensi gred 48 dan ke atas. Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022 telah dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama perunding daripada Pakarunding UKM.







Sekitar Bengkel Pemindahan Pengetahuan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022

BENGKEL PEMBANGUNAN KAMUS DEFISIT SOSIAL

Pelaksanaan bengkel ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan idea yang lebih jelas berkenaan dengan sepuluh (10) defisit sosial. Hasil daripada bengkel ini kemudiannya akan diterjemahkan kepada penghasilan sebuah kamus untuk rujukan bersama. Bengkel ini telah diadakan pada 1 hingga 2 November 2023 bertempat di Swiss Garden Hotel, Genting Highlands. Antara peserta yang telah menghadiri bengkel ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kementerian dan agensi gred 48 dan ke atas.







Sekitar Bengkel Pembangunan Kamus Defisit Sosial

Bahagian Pembangunan Masyarakat (BPBM)

Pengenalan

Bahagian Pembangunan Masyarakat (BPBM) telah diwujudkan selaras dengan penubuhan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada 10 Mac 2020. Bahagian ini terdiri daripada tiga (3) seksyen iaitu Seksyen Kolaborasi Strategik (SKS), Seksyen Kesepaduan Sosial (SKSS) dan Seksyen Naziran (SN). Ketiga-tiga Seksyen ini bertanggungjawab untuk merancang, menyelia dan melaksanakan dasar, strategi / inisiatif program dan keberkesanan program / aktiviti kerjasama strategik serta kesejahteraan sosial serta membuat penambahbaikan dalam proses kerja dan operasi sedia ada yang dilaksanakan oleh Kementerian, Jabatan serta Agensi di bawahnya.

Objektif

Menggalakkan pembangunan sosioekonomi masyarakat dan memupuk kesepaduan sosial menerusi jaringan kerjasama dengan agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, pusat latihan kemahiran dan sektor swasta. Ini merangkumi jentera perpaduan seperti Rukun Tetangga, Tabika Perpaduan, Taska Genius Perpaduan, Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara ke arah budaya perpaduan. Bahagian Pembangunan Masyarakat juga turut menilai keberkesanan aspek Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan program atau aktiviti yang dilaksanakan oleh Tabika Perpaduan.

Fungsi

i. Merancang dan menyelaras isu-isu kemasyarakatan / komuniti di semua peringkat melalui entiti jentera perpaduan;

ii. Menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan dasar, strategi / inisiatif dan keberkesanan program/ aktiviti sosioekonomi dan kesejahteraan sosial;

iii. Merancang, meneroka dan menyelaras kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, universiti, pusat latihan kemahiran dan sektor swasta dalam pelaksanaan program / aktiviti sosioekonomi dan kesejahteraan sosial;

iv. Mengadakan lawatan dan naziran bagi program / aktiviti sosioekonomi dan kesejahteraan sosial secara berkala agar memastikan program dicapai mengikut sasaran dan *outcome* yang ditetapkan;

v. Menyelaras, memudah cara dan menilai kebolehlaksanaan program/ aktiviti kesejahteraan sosial berteraskan perpaduan dan keharmonian oleh badan bukan kerajaan, syarikat korporat dan sektor swasta;

vi. Menyediakan input, petunjuk prestasi, maklum balas dan pelaporan program/ aktiviti; dan

vii. Mengemas kini dan menyelenggara data/ maklumat bagi tujuan perancangan, kajian semula, penyelidikan, intervensi dan penilaian program/ aktiviti sosioekonomi dan kesejahteraan sosial.

Prestasi dan Pencapaian Bahagian Pembangunan Masyarakat Sepanjang Tahun 2023

SEKSYEN KOLABORASI STRATEGIK

PELAKSANAAN PROGRAM KESEPADUAN SOSIAL MELALUI KAEDAH KOLABORASI STRATEGIK BERSAMA PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO), SEKRETARIAT RUKUN NEGARA (SRN) DAN KELAB RUKUN NEGARA (KRN)

Ringkasan Pelaksanaan Program

No.	Rakan Perpaduan	Bilangan Program
1.	Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	22
2.	Sekretariat Rukun Negara (SRN)	7
3.	Kelab Rukun Negara (KRN)	0
	Jumlah	**29**






PENGANJURAN PROGRAM SUKAN PERPADUAN MELALUI GERAN PADANAN SUKAN KPN

Ringkasan Pelaksanaan Program		
No.	**Rakan Perpaduan**	**Bilangan Program**
1.	Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	12
2.	Syarikat Swasta	23
Jumlah		**35**









PROGRAM PAMERAN GALERI UNITI DAN RUMAH KAMI

Program Pameran Galeri UNITI dan Rumah KAMI merupakan produk Kementerian Perpaduan Negara (KPN) untuk meneroka lebih banyak tapak integrasi sosial bagai menyediakan peluang kepada orang awam untuk mempelajari dan memahami keunikan dan kepelbagaian adat, budaya serta kaum di Malaysia. Pengisian utama program ini adalah Pameran *Moment of Unity*, persembahan kebudayaan, permainan tradisional, busana tradisional, permainan alat muzik tradisional dan makanan tradisional. Bagi tahun 2024, sebanyak 8 Program Pameran Galeri UNITI dan Rumah KAMI telah dilaksanakan seperti berikut:

Pameran Galeri UNITI dan Rumah KAMI

No.	Nama Program	Tarikh	Tempat	Rakan Strategik
1.	Galeri UNITI dan Rumah KAMI sempena Festival Tahun Baru Cina	19 - 21 Januari 2023	AEON Mall Ipoh	AEON (M) Sdn Bhd
2.	Galeri UNITI dan Rumah KAMI di AEON Alpha Angle	10 - 12 Mac 2023	Wangsa Maju	AEON (M) Sdn Bhd
3.	Galeri UNITI dan Rumah KAMI di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Selangor	13 Mac 2023	UTC Selangor, Shah Alam	UTC Selangor, Shah Alam
4.	Galeri UNITI dan Rumah KAMI sempena Hari Terbuka Parlimen 2023	6 - 7 Mei 2023	Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur	Parlimen Malaysia
5.	Galeri UNITI dan Rumah KAMI sempena Pesta Kaamatan Kadazan Dusun 2023	13 Mei 2023	Dorsett Grand Subang	Kadazan Dusun Cultural Association Sabah (KDCA) Klang Valley
6.	Galeri UNITI dan Rumah KAMI sempena Sambutan 60 Tahun Muzium Negara	31 Ogos - 3 September 2023	Jabatan Muzium Malaysia	-
7.	Galeri UNITI dan Rumah KAMI sempena Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2023	4 - 5 November 2023	Dataran Putrajaya	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
8.	Galeri UNITI dan Rumah KAMI sempena Minggu Usahawan Negara	9 Julai 2023	Dataran Merdeka	SME Corp Malaysia






SEKSYEN KESEPADUAN SOSIAL

PELANCARAN KEMBARA PERPADUAN MALAYSIA MADANI, MUZIUM NEGARA KUALA LUMPUR

Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang telah melancarkan Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI di Dataran Muzium Negara, Kuala Lumpur pada 1 Mac 2023. Turut hadir, YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBrs. Dr. Kang Tong Hum, Timbalan Ketua Setiausaha KPN, YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, YBhg. Dato' Hajah Norison binti Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN). Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melancarkan program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI sebagai salah satu inisiatif melalui Belanjawan 2023 dalam usaha memperkasa agenda perpaduan negara serta integrasi nasional. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI terdiri dari tiga kluster utama iaitu Program Semarak Kenegaraan, Program Semarak Perpaduan dan Program Komuniti Rahmah. Pelaksanaan program di bawah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI akan menggunakan *whole of government approach* iaitu kerjasama antara agensi Kerajaan merentasi sempadan portfolio dalam meneraju agenda perpaduan negara yang selari dengan pembangunan Malaysia MADANI. Program *flagship* Kembara Perpaduan Malaysia MADANI ini diperkenalkan dengan matlamat menyebarluaskan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.



Sekitar Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI

PROGRAM KEMBARA PERPADUAN @ YOUTH EMPOWERMENT FAIR 2023

Program Kembara Perpaduan @ Youth Empowerment Fair 2023 telah diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) selama dua hari bermula pada 18 Mac 2023 sehingga 19 Mac 2023. Youth Empowerment Fair 2023 ini merupakan program kesinambungan Minds for Malaysia anjuran Yayasan Go Strong Malaysia. Program ini telah disempurnakan oleh DYTM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor. Turut serta YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia bagi sesi Dialog Anak Muda. Program Youth Empowerment Fair 2023 ini bertujuan untuk memperkasakan daya pemikiran golongan belia secara kerjasama dan kolaborasi strategik. Program ini juga merangkumi forum dan ekspo yang bertemakan pemerkasaan belia dan kerjaya, serta pembangunan profesionalisme wanita dalam membina masyarakat yang majmuk dan inklusif. Objektif utama program ini adalah menyediakan platform kepada masyarakat umum di setiap peringkat bagi mempromosikan Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI. Penyertaan Program Youth Empowerment Fair 2023 ini dianggarkan 20,000 orang pengunjung yang terdiri daripada golongan belia.



Sekitar Program Kembara Perpaduan @ Youth Empowerment Fair 2023

MAJLIS PELANCARAN INI WARISAN KITA

Pada 9 Julai 2023 (Ahad), YB Datuk Aaron Ago Dagang Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Majlis Pelancaran Ini Warisan Kita yang bertempat di IOI City Mall, Putrajaya. Program ini ini diadakan adalah untuk menyokong program *flagship* Kembara Perpaduan yang telah dilancarkan oleh YB Menteri Perpaduan Negara pada 1 Mac 2023 dalam usaha mendukung agenda Malaysia MADANI yang diangkat oleh Kerajaan untuk membina masyarakat Malaysia yang maju, terampil dan terangkum bersandarkan kepada kekayaan khazanah warisan dan ketamadunannya yang tersendiri. Objektif utama kepada pelaksanaan program Ini Warisan Kita adalah untuk melestarikan perpaduan dengan meningkatkan pengetahuan, kefahaman, dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum tentang kepelbagaian khazanah warisan negara ini. Fokus utama kepada pelaksanaan program di bawah insentif ini adalah meliputi bidang kepelbagaian etnik, bahasa, permainan tradisional, adat resam, makanan serta kesenian dan alat muzik tradisional. Antara pengisian utama dalam program ini ialah pameran Rumah Etnik, Persembahan Kebudayaan, Panel "Moment of Unity", Pertandingan Mencanting Batik, dan Pameran Reruai Agensi.



Sekitar Majlis Pelancaran Ini Warisan Kita

PROGRAM INI WARISAN KITA @ SMK PEREMPUAN METHODIST, KLANG

Program Ini Warisan Kita @ SMK Perempuan Methodist Klang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara pada 6 September 2023 bertempat di SMK Perempuan Methodist Klang. Program ini merangkumi elemen-elemen seperti kepelbagaian etnik, bahasa permainan tradisi adat resam makanan dan kesenian & alat muzik. Keenam-enam elemen ini dipersembahkan kepada masyarakat umum melalui aktiviti-aktiviti interaktif termasuk pameran reruai etnik, aktiviti jom cuba (sukan tradisi, makanan, pakaian, kesenian), persembahan kebudayaan, kuiz dan lain-lain lagi. Program ini dilaksanakan di peringkat sekolah bagi tujuan meningkatkan lagi pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum tentang khazanah warisan negara ini. Program ini melibatkan seramai 1,500 pelajar pelbagai kaum daripada 12 sekolah sekitar Klang antaranya SMK Sri Andalas, SMK Bukit Kuda, SMK Convent dan SMK Teluk Gadong. Antara pengisian utama program ini adalah persembahan kebudayaan, panel 'Moment of Unity' yang memaparkan detik-detik perpaduan yang tercetus dalam masyarakat, serta pameran reruai khazanah berharga negara.









Sekitar Program Ini Warisan Kita @ SMK Perempuan Methodist Klang

SESI LIBAT URUS PEMERKASAAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA

Bahagian Pembangunan Masyarakat telah mengadakan satu Sesi Libat Urus Pemerkasaan Komuniti Rukun Tetangga Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada 20 September 2023 yang bertempat di Mercure Living, Putrajaya. Sesi libat urus ini adalah inisiatif Kementerian Perpaduan Negara dengan memperkasakan peranan KRT dalam komuniti sebagai penggerak utama dan penghubung jalin (bridge builder) melalui meningkatkan keupayaan dan struktur pentadbiran yang kukuh serta kerjasama strategik semua pihak bagi merealisasikan aspirasi Masyarakat Progresif. Sesi Libat Urus ini dilaksanakan bertujuan untuk mendapatkan input daripada Kementerian dan Agensi serta pemimpin Rukun Tetangga bagi memantapkan lagi penyediaan Memorandum Jemaah Menteri berhubung dengan cadangan Pemerkasaan Kawasan Rukun Tetangga sebagai Penggerak Masyarakat Progresif. Sesi Libat Urus ini dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang. Sesi pagi melibatkan perbincangan bersama-sama wakil Rukun Tetangga dan sesi petang pula melibatkan Kementerian dan Agensi luar. Antara perbincangan yang dibincangkan ialah isu dan cabaran, rangka kerja, kriteria KRT progresif dan fokus inisiatif.



Sekitar Sesi Libat Urus Pemerkasaan Komuniti Rukun Tetangga Kementerian Perpaduan Negara (KPN)

FOODUNITES: INI WARISAN KITA

Program Foodunites: Ini Warisan Kita ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang Menteri Perpaduan Negara. Program ini dijalankan selama dua hari bermula pada 28 hingga 29 Oktober 2023 (Sabtu dan Ahad) bertempat di i-City, Shah Alam, Selangor. Program ini adalah kesinambungan pelaksanaan program Ini Warisan Kita yang disemarakkan melalui segmen makanan iaitu dengan tema objektif program ini adalah mengukuhkan kesatuan dengan membina semangat toleransi dan kebersamaan yang kukuh dalam kalangan masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum. Selain itu, program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepelbagaian warisan negara dengan memupuk pemahaman dan penghargaan terhadap kepelbagaian warisan budaya, agama dan tradisi di Malaysia. Disamping itu, ia juga menggalakkan interaksi berkesan dan dialog budaya dengan mencipta peluang untuk "Makan Sama-Sama: Nasi Lemak". Makanan Nasi lemak signifikan dengan mengajak kebersamaan dalam kalangan Masyarakat Malaysia serta mengetengahkan konsep berkongsi secara bersama. Antara dialog warisan dan budaya yang konstruktif. Antara aktiviti di dalam program Foodunites: Ini Warisan Kita adalah Makan sama-sama, Demonstrasi memasak, Bengkel Foodie, Sambal Smackdown, Persembahan Ini Warisan Kita Pelbagai sesi interaktif. Dianggarkan sejumlah 15,000 pengunjung yang telah hadir dan 3,526 bungkus nasi lemak yang terjual dalam satu majlis. Selain itu, program Foodunites: Ini Warisan Kita telah mendapat pengiktirafan Malaysia Book Of Records (MBOR) dengan "The most nasi lemak sold in a day".






Sekitar Program Program Foodunites: Ini Warisan Kita

SEKSYEN NAZIRAN

TAKLIMAT GERAK KERJA NAZIRAN TABIKA PERPADUAN BERSAMA PEGAWAI PENAZIR TAHUN 2023

Seramai 73 orang pegawai penazir telah terlibat dengan taklimat gerak kerja naziran Tabika Perpaduan pada 1 hingga 3 Mac 2023 di Hotel Raia, Pulau Pinang. Objektif taklimat ini adalah untuk memastikan kefahaman Penazir dapat diseragamkan terhadap rubrik naziran dan kaedah pemberian skor yang digunakan. Taklimat ini menjelaskan objektif, dimensi dan kaedah naziran yang akan dilaksanakan oleh pegawai penazir yang dilantik.





Sekitar taklimat gerak kerja naziran Tabika Perpaduan

TAKLIMAT PENERANGAN RUBRIK NAZIRAN TABIKA PERPADUAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2023

Taklimat penerangan rubrik naziran 2023 untuk Negeri Selangor diadakan secara dalam talian pada 16 Mac 2023. Penglibatan peserta dari Negeri Selangor untuk taklimat ini adalah sebanyak 182 orang guru dan penolong guru termasuk enam (6) orang pegawai dari KPN. Taklimat tersebut diadakan atas permintaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Selangor bagi tujuan memperkukuhkan kemahiran dan input rubrik naziran.





Sekitar taklimat penerangan rubrik naziran 2023 untuk Negeri Selangor

TAKLIMAT GERAK KERJA NAZIRAN TABIKA PERPADUAN KEPADA GURU DAN PENOLONG GURU SELURUH NEGARA TAHUN 2023

Taklimat gerak kerja naziran kepada guru dan penolong guru telah dilaksanakan secara berfasa mengikut takwim cuti persekolahan serta melibatkan sebanyak 449 buah tabika. Kumulatif penglibatan guru dan penolong guru adalah seramai 896 orang. Taklimat mengikut zon ini diadakan secara dalam talian. Pendedahan ini perlu bagi meningkatkan keyakinan guru dan penolong guru dalam memastikan persediaan awal menghadapi naziran dapat dilaksanakan mengikut standard yang ditetapkan. Kehadiran bagi pelaksanaan taklimat gerak kerja ini adalah seramai 500 orang yang terdiri daripada enam (6) orang daripada KPN dan (dua) 2 orang dari Ibu Pejabat (JPNIN).





Sekitar taklimat gerak kerja naziran kepada guru dan penolong guru

SESI VERIFIKASI TABIKA PERPADUAN TAHUN 2023

Verifikasi ke atas tabika perpaduan yang telah dinazir akan dilakukan sekiranya markah yang diperolehi semasa naziran adalah dalam pemerhatian (59%) ke bawah atau tinggi iaitu (96%) ke atas. Tujuan verifikasi bertujuan menentukan kesahihan laporan awal yang dikemukakan oleh penazir menepati prosedur naziran. Bilangan kelas yang diverifikasi adalah sebanyak lapan (8) kelas semasa sesi lawatan naziran untuk 455 TP daripada jumlah keseluruhan TP seluruh negara iaitu 1781 TP. Baki sebanyak 878 TP akan dinazir pada sesi seterusnya. Seramai 73 orang pegawai nazir telah dilantik pada tahun 2023 bagi urusan naziran TP di seluruh Malaysia termasuk 8 orang pegawai Kementerian Perpaduan Negara dan 2 orang pegawai daripada Ibu pejabat Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.





Sekitar sesi verifikasi tabika perpaduan tahun 2023

Verifikasi Tabika Perpaduan Tahun 2023

Negeri	Tabika Perpaduan	Tarikh
Pulau Pinang	Sungai Bakap	30/10/2023
Melaka	Taman Selandar Indah	6/11/2023
Melaka	Taman Kesang Indah	7/11/2023
Melaka	Taman Pulai Indah	8/11/2023
Negeri Sembilan	Kampung Choah	21/11/2023
Selangor	Taman Sri Menegon	23/11/2023
Selangor	PPR Laksamana	22/11/2023
Kuala Lumpur	Taman Beringin A	29/11/2023

Sasaran Tabika Perpaduan yang dinazir mengikut negeri tahun 2023

Negeri	Bilangan Tabika Perpaduan
Perlis	9
Kedah	26
Kelantan	27
Terengganu	22
Pahang	32
Johor	52
Melaka	17
Negeri Sembilan	30
Putrajaya	2
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	33
Selangor	46
Perak	41
Pulau Pinang	28
Sarawak	43
Sabah	41
Labuan	6
Jumlah Keseluruhan	**455**

DRY RUN PENGUJIAN RUBRIK NAZIRAN TABIKA PERPADUAN TAHUN 2023

Dry Run rubrik telah dijalankan di TP Kuala Selangor, TP Sungai Janggut dan TP Saujana Utama pada 14 -15 Februari 2023. Proses Dry Run dilaksanakan bagi menilai kelemahan yang terdapat pada rubrik untuk penambahbaikan. Dry Run juga bertujuan memberi penekanan inovasi dan kreativiti dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Kehadiran bagi pelaksanaan Dry Run ini adalah seramai 75 orang yang terdiri daripada enam (6) orang daripada KPN.

TAKLIMAT PENYELARASAN NAZIRAN STAR RATING KAWASAN RUKUN TETANGGA MENGIKUT ZON TAHUN 2023

Penilaian KRT yang dirangka adalah bagi membina komuniti RAHMAH khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga adalah bertunjangkan kepada masa hadapan yang mapan dan sejahtera meliputi aspek ekonomi, pendidikan, agama, kesihatan, kenegaraan, kebudayaan dan alam sekitar.

Oleh itu, Taklimat Ketua Zon telah diadakan pada 16 Mac 2023 secara dalam talian dan dihadiri oleh pegawai penazir yang dilantik menjadi Ketua Zon. Sesi taklimat tersebut melibatkan perincian proses kerja naziran. Misalnya, penetapan jadual naziran KRT untuk tahun semasa.

Kehadiran bagi pelaksanaan taklimat ini melibatkan seramai 18 orang urusetia daripada KPN seramai 3 orang dan 16 orang dari JPNIN Negeri.

Kehadiran penazir mengikut Zon

Bil.	Zon	Jumlah Kehadiran
1.	Zon Utara	50
2.	Zon Tengah	45
3.	Zon Timur	55
4.	Zon Selatan	40
5.	Zon Sabah	40
6.	Zon Sarawak	40

LAWATAN NAZIRAN STAR RATING KAWASAN RUKUN TETANGGA DI SELURUH MALAYSIA OLEH PEGAWAI NAZIR KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TAHUN 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melancarkan Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2023 bagi memperkasa peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di peringkat akar umbi sebagai entiti yang penting dan inklusif dalam masyarakat menerusi kerjasama kementerian dan agensi berkaitan. Naziran Star Rating KRT dilaksanakan bagi memastikan KRT dapat memberikan perkhidmatan yang cekap, berkesan dan berkualiti Ubahsuai kaedah naziran bagi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang sedia ada iaitu daripada naziran dilaksanakan melalui rentas daerah ditukar kepada secara rentas negeri bagi memastikan naziran yang dilaksanakan lebih berkualiti dan efektif. Lawatan Naziran ini dilaksanakan di 115 KRT daripada 8397 buah KRT di seluruh negara. terlebih dahulu. Seramai 211 orang pegawai nazir telah dilantik pada tahun 2023 bagi urusan naziran KRT di seluruh Malaysia termasuk lapan (8) orang pegawai KPN dan seramai 203 orang pegawai perpaduan mengikut zon.

Objektif pelaksanaan lawatan naziran ini adalah seperti berikut:

1. Menilai keaktifan KRT seterusnya memudahkan pemberian insentif
2. Memastikan kualiti pengurusan dan pengoperasian KRT dilaksanakan dengan terancang dan teratur terutamanya hal-hal melibatkan kewangan; dan
3. Mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh KRT seterusnya mengemukakan syor-syor penambahbaikan sekiranya perlu kepada pihak pengurusan tertinggi Kementerian.

Sasaran dan pencapaian Naziran KRT seluruh negara mengikut Zon

Zon	Sasaran	Pencapaian
Utara	1	1
	8	8
	5	5
	12	12
Tengah	4	4
	1	1
	9	9
	7	7
Timur	11	11
	10	10
	8	8
Selatan	3	3
	10	10
Borneo	13	13
	12	12
	1	1

BENGKEL PENYELARASAN RUBRIK NAZIRAN STAR RATING KAWASAN RUKUN TETANGGA TAHUN 2023

Kawasan Rukun Tetangga (KRT mempunyai rangkaian aktiviti khusus untuk komuniti dan masyarakat. Sehubungan itu, Rubrik disediakan oleh Unit Perhubungan Masyarakat dan kejiranan (PMK) untuk penilaian KRT yang produktif dalam memberi manfaat kepada Komuniti setempat. Sesi perbincangan telah diadakan dengan melibatkan wakil pegawai penazir negeri bagi meneliti semula rubrik yang disediakan oleh PMK. Sesi perbincangan diadakan pada 10-12 April 2023 secara fizikal di Kementerian Perpaduan Negara. Kehadiran bagi pelaksanaan bengkel ini adalah seramai 31 orang yang terdiri daripada enam (6) orang daripada KPN, Pengarah, Timbalan Pengarah dan Penolong Pegawai Perpaduan Negeri seramai 25 orang.

BENGKEL NAZIRAN STAR RATING KAWASAN RUKUN TETANGGA TAHUN 2023

Bengkel Naziran Star rating dijalankan di setiap Zon melibatkan Zon Tengah, Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur Dan Zon Sabah Serta Sarawak. Bengkel ini dijalankan untuk pendedahan secara menyeluruh berkenaan rubrik yang telah disediakan.

Bengkel Naziran Star Rating mengikut Zon

Bengkel Naziran Star Rating			Kehadiran
Zon Tengah	8/5/2023	Kementerian Perpaduan Negara	30 orang
Negeri Sembilan	9/5/2023	Pejabat Perpaduan Negeri	20 orang
Zon Sabah dan Labuan	9/5/2023	Pejabat Perpaduan Negeri	20 orang
Zon Utara (Kedah Perlis)	25/5/2023	Pejabat Perpaduan Negeri	20 orang
Zon Selatan (Johor dan Melaka)	30/5/2023	Pejabat Perpaduan Negeri	30 orang
Zon Timur (Terangganu dan Kelantan)	1/6/2023	Pejabat Perpaduan Negeri	30 orang
Zon Timur (Pahang)	7/6/2023	Pejabat Perpaduan Negeri	30 orang
Zon Sarawak	15/6/2023	Pejabat Perpaduan Negeri	30 orang
Jumlah			**210 orang**

Kehadiran bagi pelaksanaan bengkel ini adalah seramai 213 orang yang terdiri daripada pegawai penazir JPNIN dan tiga (3) orang pegawai daripada KPN.

DRY RUN RUBRIK NAZIRAN STAR RATING KAWASAN RUKUN TETANGGA TAHUN 2023

Rubrik bagi Kawasan Rukun Tetangga dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggemblengan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti. Dry Run rubrik telah dijalankan di beberapa lokasi yang dipilih bagi menilai kelemahan yang terdapat pada rubrik. KRT terlibat adalah seperti di bawah :

Sampel Rubrik di Kawasan Rukun Tetangga terpilih

Bil.	Nama KRT	Lokasi/Negeri	Kategori/ Premis	Kehadiran Rukun Tetangga (RT)	Tarikh
1.	KRT Taman Pelangi	Batu Pahat, Johor	Berpremis	6 Orang	20 Oktober 2023
2.	KRT Kampung Satay	Batu Pahat, Johor	Tanpa premis	50 Orang	21 Oktober 2023

Kehadiran bagi Dry Run tersebut ialah seramai 56 orang yang terdiri daripada RT, tiga (3) orang daripada KPN dan tiga (3) orang dari Ibu Pejabat (JPNIN) Johor.

Sekreteriat Majlis Perpaduan (SMP)

Pengenalan

Sekretariat Majlis Perpaduan (SMP) merupakan salah satu Bahagian di bawah Sektor Perancangan dan Dasar, Kementerian Perpaduan Negara (KPN). Pada asalnya Bahagian ini dikenali sebagai Sekretariat Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) ketika Sekretariat ini berada di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Namun, ekoran dari penubuhan KPN mulai 10 Mac 2020, Sekretariat MPKR telah dimansuhkan dan distrukturkan semula serta ditempatkan di bawah KPN dan dikenali sebagai SMP. Peranan utama SMP adalah menyelaras dan menguruskan hal-ehwal berkaitan Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) dan Majlis Mesyuarat MExUnity di samping memantau pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri (PADUNEGERI) di peringkat negeri oleh JPNIN Negeri.

Objektif

Menyediakan forum untuk ahli-ahli MPPN dan MExUnity yang terdiri daripada pelbagai sektor masyarakat untuk mengemukakan buah fikiran bagi menentukan hala tuju pembangunan dasar perpaduan negara dan mengukuhkan usaha-usaha ke arah perpaduan nasional demi memelihara kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Fungsi

i. Mengurus hal ehwal berkaitan dengan pentadbiran Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) dan Jawatankuasa Perpaduan (MExUnity);

ii. Menguruskan pelantikan ahli Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) dan Jawatankuasa Perpaduan (MExUnity);

iii. Merancang jadual mesyuarat dan aktiviti Majlis dan MExUnity selaras dengan terma rujukan (TOR) yang ditetapkan;

iv. Mengurus setia mesyuarat Majlis dan mesyuarat MExUnity;

v. Menyelaras tindakan susulan terhadap semua keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri yang berkaitan dengan Majlis;

vii. Menyelaras penyediaan dokumen bagi mesyuarat Majlis dan mesyuarat MExUnity;

viii. Menyelaras tindakan berkaitan dengan pelaksanaan keputusan-keputusan Majlis dan MExUnity; dan

ix. Merancang, menyedia dan memperakukan perancangan kewangan tahunan Sekretariat bagi pengurusan dan perjalanan Majlis serta MExUnity.

MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA (MPPN)

Selaras dengan penubuhan KPN pada tahun 2020, Kementerian telah menyusun semula struktur jawatankuasa sedia ada selari dengan teras utama dan hala tuju baharu Kerajaan. Ini membawa kepada penubuhan Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) di peringkat kebangsaan dan jawatankuasa perpaduan di peringkat kementerian dan negeri. MPPN bertanggungjawab menasihati Kerajaan dalam hal-ehwal perpaduan serta membincangkan isu-isu perpaduan, usaha-usaha penyatuan nasional (*national reconciliation*) daripada pelbagai sudut dan mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada Kerajaan untuk menangani isu dan cabaran perpaduan.

KEAHLIAN BARU MPPN SESI 2023-2025

Setelah tamat tempoh keahlian MPPN bagi sesi 2020-2022, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah membuat penambahbaikan terhadap terma rujukan MPPN setelah mengambil kira pelaksanaannya dalam tempoh dua tahun tersebut. Penambahbaikan dibuat terhadap terma rujukan MPPN yang merangkumi struktur keanggotaan, skop keahlian, kekerapan dan fungsi melalui keputusan Kabinet. Jemaah Menteri bersetuju supaya Majlis Penasihat Perpaduan Negara dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri II dan seramai 18 orang yang terdiri daripada pelbagai bidang kepakaran dilantik bagi menganggotai MPPN bagi tempoh 2023-2025. Barisan keahlian baharu MPPN sesi 2023-2025 adalah seperti berikut:

PENGERUSI

YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof
Timbalan Perdana Menteri

TIMBALAN PENGERUSI

YB Datuk Aaron Ago Dagang
Menteri Perpaduan Negara

KEAHLIAN

1. **YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye**
Ahli Pemegang Amanah
Yayasan Perpaduan Negara

2. **YBhg. Tan Sri Johan bin Jaaffar**
Mantan Pengerusi Media Prima Berhad

3. **YBhg. Tan Sri Datuk Seri**
Dr. Nik Norzrul Thani bin Nik Hassan Thani
Konsultan, Zaid Ibrahim & Co.

4. **YBrs. Tuan Mustafa bin Kee Yusof Abu Bakar**
Mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

5. **YBhg. Professor Ulung**
Datuk Dr. Shamsul Amri bin Baharuddin
Pengarah dan Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA),
Universiti Kebangsaan Malaysia

6. **YBhg. Prof. Datuk Dr. Jayum Anak Jawan**
Pensyarah Jabatan Pengajian Kenegaraan dan
Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

7. **YBhg. Datuk Dr. Lim Swee Tin**
Mantan Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

8. **YBhg. Dato' Tan Tian Meng**
Setiausaha Agung Gabungan Dewan Perniagaan
dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM)

9. **YBhg. Datuk John Sikayun @ John Anselmus**
Pengerusi Sabah Law Society Native Customary
Laws, Culture & Custom Sub-Committee

10. **YBhg. Datuk Dr. Ramzah Dambul**
Ketua Pegawai Eksekutif
Institute for Development Studies (IDS), Sabah

11. **YBhg. Dato' Dr. Madeline Berma**
Felo Akademi Sains Malaysia (ASM)

12. **YBhg. Prof Dato' Dr. Sivamurugan Pandian**
Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia

13. **YBrs. Tuan Edward @ Word bin Sindam**
Pengerusi Persatuan Momogun Sabah

14. **YBrs. Tuan Yong Kuei Yoong**
Presiden Persatuan Belia Buddhist Malaysia (YBAM)

15. **YBrs. Tuan Mohd Izzat Afifi bin Haji Abdul Hamid**
Presiden Majlis Belia Malaysia

16. **YBrs. Dr. Anthony Valentine Laiseh**
Timbalan Presiden Persatuan Melanau Sarawak

17. **YBrs. Tuan Anas Zubedy**
Pengasas dan Pengarah Urusan
Zubedy (M) Sdn. Bhd.

18. **YBrs. Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan**
Mantan Senator Orang Kurang Upaya (OKU)

MExUnity dan PADUNEGERI

MPPN telah disokong oleh dua (2) buah jawatankuasa iaitu Majlis Mesyuarat YB Menteri Perpaduan Bersama Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak serta EXCO-EXCO Perpaduan Negeri (MExUnity) yang telah ditubuhkan di peringkat Kementerian manakala Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri (PADUNEGERI) di peringkat negeri. MExUnity menjadi platform perbincangan antara KPN dan Kerajaan Negeri mengenai dasar dan isu-isu perpaduan serta program perpaduan yang dirancang oleh KPN untuk digerakkan di peringkat negeri dan daerah yang akan diselaraskan melalui perbincangan di peringkat PADUNEGERI. Struktur tadbir urus majlis dan jawatankuasa tersebut diringkaskan seperti berikut:

Struktur Tadbir Urus Jawatankuasa Perpaduan

MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA (MPPN)

Pengerusi: **YAB Timbalan Perdana Menteri II**	18 orang ahli (terdiri daripada pelbagai latar belakang dan berkepakaran dalam bidang perpaduan)

↓

MAJLIS MESYUARAT YB MENTERI PERPADUAN BERSAMA MENTERI PERPADUAN NEGERI SABAH DAN SARAWAK SERTA EXCO-EXCO PERPADUAN NEGERI (MExUnity)

Pengerusi: **YB Menteri Perpaduan Negara**	17 orang ahli (terdiri daripada YB Menteri /EXCO Perpaduan Negeri serta EXCO Hal Ehwal Agama Bukan Islam

↓

JAWATANKUASA TINDAKAN PERPADUAN NEGERI (PADUNEGERI)

Pengerusi: **YB EXCO Perpaduan Negeri**	Keahlian terdiri daripada pegawai-pegawai agensi kerajaan, ahli akademik, ahli profesional dan wakil badan-badan bukan kerajaan yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang perpaduan

Pencapaian

Tugas Utama	Aktiviti	Tarikh
MPPN	Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) Bilangan 1 Tahun 2023	20 Julai 2023 (Khamis)
	Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) Bilangan 2 Tahun 2023	20 November 2023 (Isnin)
MExUnity	Majlis Mesyuarat YB Menteri Perpaduan Bersama Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak serta EXCO-EXCO Perpaduan Negeri (MExUnity), Kementerian Perpaduan Negara Bilangan 1 Tahun 2023	13 April 2023 (Khamis)
	Majlis Mesyuarat YB Menteri Perpaduan Bersama Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak serta EXCO-EXCO Perpaduan Negeri (MExUnity), Kementerian Perpaduan Negara Bilangan 2 Tahun 2023	16 Oktober 2023 (Isnin)

MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA (MPPN) BILANGAN 1 TAHUN 2023

Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara Bilangan 1 Tahun 2023 telah dipengerusikan pertama kalinya oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri II pada 20 Julai 2023 bertempat di Dewan Persidangan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. Seramai 15 orang ahli MPPN bersama dengan pegawai Pengurusan Tertinggi KPN dan Agensi telah menghadiri mesyuarat tersebut. Majlis penyampaian watikah pelantikan kepada semua ahli MPPN juga telah diadakan selepas mesyuarat. Sebanyak lima (5) kertas cadangan dan makluman telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut.





Mesyuarat pertama yang telah dihadiri oleh barisan ahli MPPN yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri II pada 20 Julai 2023



Salah seorang ahli MPPN, YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye menerima watikah pelantikan daripada YAB Pengerusi MPPN, sambil diperhatikan oleh Timbalan Pengerusi MPPN

MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA (MPPN) BILANGAN 2 TAHUN 2023

Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara Bilangan 2 Tahun 2023 dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri II telah diadakan pada 20 November 2023 bertempat di Parlimen Malaysia. Seramai 14 orang ahli MPPN bersama dengan pegawai Pengurusan Tertinggi KPN dan Agensi telah menghadiri mesyuarat tersebut. Sebanyak dua (2) kertas cadangan telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut.



YAB Pengerusi MPPN mempengerusikan Mesyuarat MPPN Bilangan 2 Tahun 2023 bertempat di Parlimen



YB Timbalan Pengerusi MPPN sedang membentangkan overview pelaksanaan program-program KPN sepanjang tahun 2023



YAB Pengerusi MPPN bersama barisan ahli MPPN yang menghadiri mesyuarat kedua MPPN pada 20 November 2023

MESYUARAT YB MENTERI PERPADUAN BERSAMA MENTERI PERPADUAN NEGERI SABAH DAN SARAWAK SERTA EXCO-EXCO PERPADUAN NEGERI (MExUnity) BILANGAN 1 TAHUN 2023

Majlis Mesyuarat MExUnity Bilangan 1 Tahun 2023 yang dipengerusikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah diadakan pada 13 April 2023 bertempat di Westin Hotel Kuala Lumpur. Serami 15 orang ahli MExUnity bersama dengan Pegawai Pengurusan Tertinggi KPN dan Agensi bawah KPN telah hadir dalam mesyuarat tersebut. Sebanyak lima (5) kertas makluman telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut.



YB Menteri Perpaduan Negara bersama barisan Ahli MExUnity dan Pengarah Perpaduan Negeri



YB Dato' Sri Hajah Fatimah Abdullah, salah seorang ahli MExUnity menerima cendera kenangan daripada YB Menteri Perpaduan Negara



YB Menteri Perpaduan Negara sedang mempengerusikan Majlis Mesyuarat MExUnity Bilangan 1 Tahun 2023 pada 13 April 2023

MESYUARAT YB MENTERI PERPADUAN BERSAMA MENTERI PERPADUAN NEGERI SABAH DAN SARAWAK SERTA EXCO-EXCO PERPADUAN NEGERI (MExUnity) BILANGAN 2 TAHUN 2023

Majlis Mesyuarat MExUnity Bilangan 2 Tahun 2023 yang dipengerusikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah diadakan pada 16 Oktober 2023 bertempat di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Seramai 14 orang ahli MExUnity bersama dengan Pegawai Pengurusan Tertinggi KPN dan Agensi di bawah KPN telah menghadiri mesyuarat tersebut. Sejumlah empat (4) kertas makluman telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut.



Mesyuarat MExUnity Bilangan 2 Tahun 2023 yang dipengerusikan oleh YB Menteri Perpaduan Negara pada 16 Oktober 2023



YB Menteri Perpaduan Negara sedang memberikan penjelasan terhadap soalan yang dibangkitkan oleh salah seorang ahli MExUnity



Barisan Ahli MExUnity bersama YB Menteri Perpaduan Negara yang menghadiri mesyuarat kedua MExUnity

LAPORAN BAHAGIAN

- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Pengurusan Maklumat
- Bahagian Akaun

SEKTOR PENGURUSAN











Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)

Pengenalan

Bahagian Khidmat Pengurusan telah diwujudkan selaras dengan penubuhan Kementerian Perpaduan Negara pada 10 Mac 2020 untuk memberikan perkhidmatan sokongan agar fungsi teras utama Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawahnya beroperasi dengan lancar. Bahagian ini berfungsi dengan empat (4) Seksyen seperti yang berikut:

i. Seksyen Sumber Manusia
ii. Seksyen Kewangan dan Perolehan
iii. Seksyen Pentadbiran dan Aset
iv. Seksyen Pembangunan

Objektif

Untuk memberi bantuan khidmat nasihat dan sokongan yang efisien dan cekap dalam aspek pengurusan sumber manusia, kewangan, pentadbiran dan aset serta pembangunan di peringkat Kementerian Perpaduan Negara.

Fungsi

i. Merancang, membangun dan menyelaras urusan pembangunan organisasi yang meliputi pewujudan, pengreddan semula, pemansuhan jawatan serta penyusuan semula struktur organisasi Kementerian dan agensi di bawahnya;

ii. Menguruskan hal ehwal perkhidmatan warga kerja di Kementerian dan agensi di bawahnya merangkumi urusan pelantikan, penempatan, pembayaran gaji, pengesahan lantikan, kenaikan pangkat, peletakan jawatan dan pesaraan;

iii. Menyelaras urusan pembangunan kerjaya melalui penganjuran kursus/ latihan/ bengkel kepada warga kerja Kementerian dan agensi di bawahnya;

iv. Melaksanakan program pembangunan modal insan berdasarkan pendekatan psikologi merangkumi aspek pembangunan, pencegahan, pemulihan dan intervensi;

v. Menyediakan Anggaran Belanjawan Pembangunan Tahunan bagi projek-projek di bawah Kementerian dan agensi di bawahnya;

vi. Mengurus hal ehwal belanjawan mengurus, perolehan, pembayaran dan penyelengaraan akaun Kementerian mengikut peraturan kewangan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dengan cekap, ekonomik dan berkesan;

vii. Menyediakan khidmat pengurusan hal ehwal pentadbiran am, pengurusan aset dan rekod, keselamatan dan penyelenggaraan bangunan bagi memastikan objektif Kementerian tercapai dengan jayanya;

viii. Merancang, mengurus dan melaksanakan majlis utama kementerian dengan teratur dan sempurna serta berkualiti mengikut protokol dan garis panduan yang telah ditetapkan memastikan perjalanan majlis berjalan lancar dan teratur;

ix. Merancang, menyelaras dan memantau prestasi projek-projek pembangunan kementerian dan agensi di bawahnya; dan

x. Pengurusetiaan Jawatankuasa Penyelaras/ Induk dan mesyuarat berkaitan dengan fungsi sumber manusia, kewangan, pembangunan dan pentadbiran Kementerian.

SEKSYEN SUMBER MANUSIA

PELAPORAN PERJAWATAN TAHUN 2023

Sepanjang tahun 2023, Seksyen Sumber Manusia (SSM), Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) telah selesai melaksanakan urusan pembangunan organisasi dan perjawatan yang meliputi perkara-perkara berikut seperti berikut:

Pelaporan Perjawatan Tahun 2023

PEMBANGUNAN ORGANISASI

- Pengukuhan perjawatan di Unit Komunikasi Korporat (UKK), KPN dengan penambahan sebanyak tujuh (7) jawatan baharu melalui berkuat kuasa **1 Ogos 2023**.
- Pemindahan fungsi Unit Transformasi Masyarakat India dari JPM ke KPN berkuat kuasa pada **12 Disember 2023**.
- Pemindahan fungsi Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang dari JPM ke KPN berkuat kuasa pada **12 Disember 2023**.
- Penyelesaian permohonan penstrukturan semula KPN yang telah dikemukakan kepada JPA pada **18 Disember 2023**.




Pengisian Perjawatan Tahun 2023 (sehingga Disember 2023)
(merangkumi perjawatan tetap dan JSKT)

	Kumpulan	Perjawatan			
		Jumlah	Isi	Kos	
1	Anggota Pentadbiran	3	3	0	100.00
2	Pengurusan Tertinggi	14	14	0	100.00
3	Pengurusan & Profesional	542	499	43	92.07
4	Sokongan 1	4794	4094	700	85.40
5	Sokongan 2	2585	2434	151	94.16
	JUMLAH	**7938**	**7044**	**894**	**88.73**

PELAKSANAAN KURSUS TAHUN 2023

Pada tahun 2023, Unit Latihan, Seksyen Sumber Manusia telah diperuntukkan sebanyak RM250,000.00 untuk pelaksanaan kursus kompetensi generik dan fungsian bagi warga Kementerian berdasarkan kepada Pelan Operasi Latihan yang telah dirancang. Sebanyak 55 kursus telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 merangkumi 29 kursus kompetensi generik dan 26 kursus kompetensi fungsian dengan perbelanjaan sebanyak RM347,190.99 dengan perincian seperti berikut:

Perbelanjaan



Antara kursus-kursus yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 adalah seperti berikut:

I. PROGRAM TRANSFORMASI MINDA










2. KURSUS PENGURUSAN SUMBER MANUSIA





MAJLIS BERSAMA JABATAN TAHUN 2023 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA


Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) merupakan mesyuarat yang berperanan sebagai platform hubungan dua hala antara pegawai dan kakitangan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) untuk berkomunikasi dengan pihak Pengurusan KPN dalam menyuarakan pandangan, menyampaikan hasrat dan mencapai satu kata persetujuan untuk menyelesaikan isu-isu yang dihadapi oleh pegawai dan kakitangan di KPN.



Mesyuarat MBJ telah dilaksanakan sebanyak tiga kali pada tahun 2023 mengikut Ceraian PO.4.2.1 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Dasar Hubungan Majikan-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam – Majlis Bersama Jabatan. MBJ Kementerian juga telah berjaya menyelesaikan 30 daripada 31 usul (97%) yang telah dibangkitkan pada tahun 2023. Baki 1 usul masih dalam tindakan pihak Kementerian dan akan dibawa ke tahun 2024 untuk perbincangan lanjut.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2022 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan penghargaan Kerajaan kepada pegawai perkhidmatan awam yang telah memberi perkhidmatan cemerlang disamping pengiktirafan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahunan pegawai. Pada tahun 2023, Majlis APC Tahun 2022 telah diadakan sebanyak 2 kali iaitu di peringkat Zon Semenanjung (417 orang) dan Zon Borneo (71 orang) melibatkan penerima-penerima APC dari Kementerian, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Muzium Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia dan Arkib Negara Malaysia.



Kesemua 488 orang penerima APC telah dianugerahkan Sijil APC yang disampaikan oleh YB Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang dan insentif berbentuk wang tunai sebanyak RM1,000.00.

MAJLIS SANJUNGAN BUDI TAHUN 2023 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Majlis Sanjungan Budi telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Azman Bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara pada 10 November 2023 bertempat di Pulse Grande Hotel, Putrajaya. Majlis ini diadakan sebagai salah satu bentuk penghargaan kepada penjawat awam yang telah menabur bakti sepanjang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam. Majlis ini juga merupakan satu platform pengiktirafan kepada para pesara di samping memupuk contoh dan teladan kepada pegawai-pegawai yang masih berkhidmat. Pada tahun 2023, terdapat 107 orang pegawai yang telah bersara di Kementerian Perpaduan Negara termasuk jabatan di bawahnya seperti berikut:



SEMAKAN DATA HRMIS DAN SEMAKAN BUKU REKOD PERKHIDMATAN KERAJAAN DI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Seksyen Sumber Manusia telah mengadakan Hari Bertemu Pelanggan bagi membolehkan warga Kementerian menyemak Buku Rekod Perkhidmatan dan ketepatan data dalam sistem HRMIS agar tepat dan sentiasa dikemaskini. Program ini telah berlangsung selama empat (4) hari bermula 10, 11, 12 dan 13 Julai 2023.

INISIATIF KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI WARGA KPN

Sepanjang tahun 2023, lima (5) inisiatif kesejahteraan psikologi utama telah dilaksanakan melalui Siri Program Bicara Positif secara atas talian, Program Interaktif Psikologi secara bersemuka, hebahan Poster Sejahtera Psikologi@ KPN secara berkala, Pameran Interaktif Psikologi dan penyelidikan berkaitan isu psikologi warga KPN serta agensi. Inisiatif-inisiatif yang dijalankan ini dapat membantu warga KPN memperkembangkan potensi diri seterusnya mempertingkatkan produktiviti bekerja di KPN.



Sekitar program-program yang telah dilaksanakan di bawah Inisiatif Kesejahteraan Psikologi Warga KPN

PROGRAM WELLNESS@WORK

Program Wellness@Work telah diadakan buat pertama kali bagi tahun 2023 dengan kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Audit Negara (JAN). Program ini diadakan bagi memberi peluang lebih ramai warga KPN mendapat pendedahan dalam aspek motivasi kendiri dan kesihatan mental di tempat kerja. Dengan tema 3S: Sejahtera, Sukses dan Sempurna, program kali ini telah menyentuh aspek kesejahteraan seimbang dalam pelbagai aspek dan Terapi Ketawa (*Laugh Therapy*) sebagai alternatif pengurusan emosi yang turut menampilkan pakar dalam bidang tersebut.



Sekitar program Wellness@Work

RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB)

Pelaksanaan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) KPN pada tahun 2023 yang bermatlamat untuk membantu warga KPN mencapai tahap kesejahteraan psikologikal yang lebih baik terus dipergiatkan. Melalui penggabungan AKRAB dari JMM, PNM dan ANM, bilangan keseluruhan dan kapasiti AKRAB KPN telah meningkat dalam menyediakan khidmat dengar dan bantu rakan sekerja di KPN serta agensi. Hari Terbuka AKRAB telah diadakan pada 25 Oktober 2023 bagi mempromosi aspek kesejahteraan mental warga KPN.



Sekitar program-program yang telah dijalankan oleh Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)

SEKSYEN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

PERUNTUKAN PERBELANJAAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TAHUN 2023

LATAR BELAKANG


Pengurusan Bajet merupakan satu aspek penting dalam pengurusan kewangan untuk memastikan sumber yang diluluskan dirancang dan diagih secara teratur mengikut kepentingan dan hala tuju Kementerian selaras dengan hala tuju yang ditetapkan oleh Kerajaan. Kawalan operasi dan pengurusan prestasi Kementerian dilaksanakan bagi mencapai objektif iaitu dengan memastikan bajet yang disediakan mengambil kira dasar semasa kerajaan, memenuhi keperluan sebenar dan keutamaan perbelanjaan bagi mengelakkan pembaziran dengan kaedah perbelanjaan secara optimum.

Pada tahun 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah diluluskan peruntukan sebanyak RM571,341,500 yang merangkumi Peruntukan Mengurus berjumlah RM541,595,300 dan Peruntukan Pembangunan berjumlah RM29,746,200.

PERUNTUKAN MENGURUS

Prestasi perbelanjaan Peruntukan Mengurus 2023 adalah 100%.

Prestasi Perbelanjaan Mengurus 2023



PERUNTUKAN PEMBANGUNAN


Kementerian Perpaduan Negara telah diperuntukkan sejumlah RM29,746,200 di bawah Peruntukan Pembangunan (P14). Berikutan sekatan peruntukan kementerian oleh Kementerian Kewangan, Peruntukan Pembangunan Kementerian diselaraskan semula kepada RM26,659,700.00.

Ringkasan Bajet Pembangunan 2023 adalah seperti berikut:

Pengisian Jawatan Tahun 2023

Peruntukan Pembangunan Asal (RM)	Waran Sekat (RM)	Peruntukan Kemas kini (RM)	Perbelanjaan 2023 (RM)	Baki Peruntukan (RM)
29,746,200.00	3,086,500.00	26,659,700.00	25,111,399.63	1,548,300.37

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan 2023



PROGRAM SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2024 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (KPN)

Kementerian Perpaduan Negara telah mengadakan Sesi Libat Urus Belanjawan 2024 dengan pihak berkepentingan (stakeholders) pada 14 September 2023 di Kuching, Sarawak.

Sesi libat urus ini diadakan bagi mendapatkan input daripada berbilang pemegang taruh dan pihak berkepentingan dalam membantu penyediaan Belanjawan 2024 dengan lebih inklusif dan mencapai visi dan misi Kementerian ke arah Membangunkan Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian.












Sekitar Sesi Libat Urus Belanjawan 2024

LAPORAN ePEROLEHAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TAHUN 2023

Sehingga 31 Disember 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah mencapai sebanyak 98.74% penggunaan Sistem ePerolehan dengan perbelanjaan berjumlah RM41,469,436.15 daripada peruntukan sebanyak RM42,000,000.00.

Prestasi Penggunaan ePerolehan 2023



SEKSYEN PENTADBIRAN DAN ASET

LATAR BELAKANG

Seksyen Pentadbiran dan Aset berperanan dalam memberikan bantuan khidmat sokongan dalam bidang pengurusan, pentadbiran dan aset di Kementerian di samping turut berperanan dalam menyediakan perkhidmatan logistik dalam menjayakan program-program di Kementerian.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN SEKSYEN PENTADBIRAN DAN ASET SEPANJANG TAHUN 2023

I. MAJLIS AMANAT 2023 YB MENTERI PERPADUAN NEGARA BERSAMA WARGA KEMENTERIAN

Majlis Amanat 2023 YB Perpaduan Negara bersama warga Kementerian telah diadakan pada 12 Januari 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangasa Putrajaya (PICC) sebagai platform bagi YB Menteri Perpaduan menyampaikan hasrat serta hala tuju 2024 Kementerian di samping berinteraksi bersama warga Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah KPN.

Majlis ini juga merupakan platform untuk berkongsi inti pati keseluruhan pelaksanaan program perpaduan tahun 2022 dan perancangan program perpaduan pada tahun 2023 melalui Jentera Perpaduan serta kerjasama antara Kementerian dengan agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan. Semasa majlis ini, turut diadakan Sesi Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah dan Penyerahan Ikrar Bebas Rasuah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Seramai lebih 500 orang warga Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara telah menghadiri majlis amanat ini.






Majlis Amanat 2023 YB Perpaduan Negara bersama warga Kementerian Perpaduan Negara

II. PROGRAM BERSAMA YB MENTERI PERPADUAN NEGARA SEMPENA SAMBUTAN HARI WANITA 2023

Program Bersama YB Menteri Perpaduan Negara sempena Sambutan Hari Wanita 2023 telah diadakan pada 7 Mac 2023 di Dewan Serbaguna, Blok F9, Kompleks F, Putrajaya. Penganjuran program ini memberi peluang kepada warga KPN, Jabatan dan Agensi beramah mesra secara lebih dekat dengan YB Menteri Perpaduan Negara. Turut disertakan segmen Bicara Inspirasi Bersama Ikon Respek Wanita "Kepentingan Sokongan Lelaki Dalam Memperkasakan Wanita". Program ini berjaya dilaksanakan dengan kehadiran seramai lebih 120 orang warga Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara.








Program Bersama YB Menteri Perpaduan Negara Sempena Sambutan Hari Wanita 2023

III. MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG TAHUN 2023

Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang Tahun 2023 Kementerian Perpaduan Negara (KPN) sempena sambutan Bulan Kebangsaan dan kibar Jalur Gemilang telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang Menteri Perpaduan Negara pada 2 Ogos 2023 di Lobi Utama Blok F9, Kompleks F, Putrajaya. Majlis ini telah berjaya dilaksanakan dengan kehadiran seramai 300 orang warga Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian serta turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran Pengurusan Tertinggi dan Warga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) yang mana merupakan agensi yang sama-sama berkongsi bangunan dan ruang kerja di Blok F9, Kompleks F.

Antara aktiviti pada majlis ini adalah sesi penyerahan Jalur Gemilang kepada Pengurusan Tertinggi KPN, Jabatan dan Agensi, simbolik pemasangan Jalur Gemilang pada Kenderaan KPN serta sesi kibar Jalur Gemilang oleh semua jemputan yang hadir.









Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang Tahun 2023

IV. PROGRAM KECERIAAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN 2023

Program Keceriaan Kementerian Perpaduan Negara Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2023 telah diadakan berdasarkan saranan Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia mengenai pemakluman pelaksanaan Program Bulan Keceriaan Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2023 mulai pada 15 Julai 2023 sehingga 16 September 2023 yang berkonsepkan penghargaan dalam bentuk penarafan bintang di setiap Kementerian. Program ini merupakan penganjuran ketiga KPN dan merupakan salah satu pengisian aktiviti sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2023. Ia dilaksanakan bertujuan untuk menggelorakan semangat cintakan negara dalam kalangan warga Kementerian dan agensi di bawahnya.

Penilaian bagi Program Keceriaan Kementerian Perpaduan Negara sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2023 telah diadakan pada 10 Ogos 2023 (Khamis). Panel Penilai program ini terdiri daripada Jabatan Penerangan Malaysia, Perbadanan Putrajaya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Jabatan Landskap Negara dan Fakulti Seni Reka, Universiti Putra Malaysia. Kementerian Perpaduan Negara telah berjaya memperoleh penarafan lima (5) bintang dalam Program Keceriaan Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2023.













Program Keceriaan Kementerian Perpaduan Negara Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2023

V. SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA TAHUN 2023 PERINGKAT KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Sambutan Hari Sukan Negara 2023 Kementerian Perpaduan Negara telah diadakan pada 14 Oktober 2023 bertempat di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur bersekali dengan pelaksanaan Karnival UNITI Pestabola Merdeka dengan pelbagai pengisian aktiviti seperti UNITI *Fun Run*, UNITI *Penalty Challenge*, *Street Soccer Under* 12 dan *Football Fun Zone*.

Dianggarkan seramai 200 orang warga Kementerian Perpaduan Negara telah menyertai acara UNITI Fun Run. Acara *flag-off* telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara. Selain gerai jualan dan pameran, pengunjung turut berpeluang menyertai aktiviti 'Stadium Tour' dan bergambar kenangan bersama Piala Pesta Bola Merdeka yang dipertontonkan kepada pengunjung.









Sambutan Hari Sukan Negara Tahun 2023 Peringkat Kementerian Perpaduan Negara

VI. PENYERTAAN KONTINJEN PERPADUAN MALAYSIA MADANI BAGI ACARA PERBARISAN DAN PERARAKAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2023

Kontinjen Perpaduan Malaysia MADANI diterajui oleh YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Dasar), Kementerian Perpaduan Negara dengan dianggotai oleh seramai 400 orang peserta dari pelbagai kaum dan etnik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kontinjen ini telah menggayakan busana berkonsepkan perpaduan dalam kepelbagaian sebagai salah satu keunikan yang menjadi sumber kekuatan dan tunjang utama lambang perpaduan negara.

Selain pakaian Melayu, Cina dan India, peserta kontinjen turut memperagakan pakaian yang berbeza dari kebiasaannya di Semenanjung Malaysia seperti pakaian Baba Nyonya, Siam, Bugis, Portugis dan Orang Asli. Selain itu, pakaian etnik di Sabah seperti Sulu, Idahan, Orang Sungai dan Murut serta pakaian etnik Sarawak antaranya Iban, Orang Ulu, Melanau dan Bidayuh turut sama diperagakan. Kontinjen Perpaduan Malaysia MADANI telah berjaya meraih tempat ketiga dalam acara perbarisan dan perarakan sempena Sambutan Hari Kebangsanaan Tahun 2023.









Kontinjen Perpaduan Malaysia MADANI

VII. PERARAKAN DAN PERHIMPUNAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL S.A.W. PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1445 H / 2023 M

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah menyertai perarakan dan perhimpunan sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul S.A.W. Peringkat Kebangsaan Tahun 1445 H / 2023 M yang bertemakan "Perpaduan Teras Malaysia Madani". Kontinjen KPN dianggotai oleh seramai 30 orang peserta lelaki dan 20 orang peserta wanita pelbagai gred dan skim perkhidmatan di KPN.

Peserta lelaki Kontinjen KPN telah menyertai perarakan bersama-sama dengan 131 kontinjen lain yang mewakili kementerian, badan berkanun dan agensi swasta yang mengambil bahagian dengan berarak sejauh 1.1 kilometer dari Jambatan Seri Gemilang Putrajaya ke PICC. Kontinjen ini telah berjaya mendapat naib johan bagi kategori Kontinjen Kementerian dalam perarakan sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul S.A.W. Peringkat Kebangsaan Tahun 1445 H / 2023 M.









Perarakan dan Perhimpunan sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul S.A.W. Peringkat Kebangsaan Tahun 1445 H / 2023 M


KURSUS DAN LATIHAN YANG DIANJURKAN OLEH SEKSYEN PENTADBIRAN DAN ASET SEPANJANG TAHUN 2023

I. BENGKEL PELAKSANAAN DDMS 2.0 KEPADA PENGGUNA DI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Bengkel ini telah dilaksanakan pada 14 dan 15 Februari 2023 yang bertujuan untuk melaksanakan sistem pengurusan rekod yang menguruskan rekod rasmi dan rahsia rasmi kerajaan bagi keseluruhan kitaran hayatnya iaitu daripada proses pewujudan, penawanan, penyimpanan, penyelenggaraan, pengedaran dan pelupusan rekod secara digital dan sistematik melalui *Digital Document Management System* (DDMS) 2.0.

Bengkel ini telah melibatkan seramai 87 orang peserta dan urus setia warga Kementerian Perpaduan Negara yang terdiri daripada Pemilik Sistem DDMS 2.0 (Seksyen Pentadbiran dan Aset dan Bahagian Pengurusan Maklumat), Pegawai Rekod Jabatan, Pembantu Tadbir Rekod Jabatan, Pendaftar Rahsia, Pendaftar Rahsia Kecil serta Wakil Bahagian/ Unit di KPN di Kementerian Perpaduan Negara.






Bengkel Pelaksanaan DDMS 2.0 kepada pengguna di Kementerian Perpaduan Negara

II. BENGKEL MIGRASI KLASIFIKASI FAIL KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Bengkel Migrasi Klasifikasi Fail Kementerian Perpaduan Negara diadakan bertujuan untuk melaksanakan sistem pengurusan rekod yang menguruskan rekod rasmi dan rahsia rasmi kerajaan bagi keseluruhan kitaran hayatnya iaitu daripada proses pewujudan, penawanan, penyimpanan, penyelenggaraan, pengedaran dan pelupusan KPN.

Bengkel ini telah diadakan pada 28 hingga 30 Mac 2023 yang melibatkan seramai 60 orang peserta dan urus setia warga Kementerian Perpaduan Negara yang terdiri daripada Pegawai Rekod Jabatan (PRJ), Pembantu Rekod Jabatan (PTRJ) Pendaftar Rahsia, Pendaftar Rahsia Kecil serta Wakil Bahagian/ Unit di Kementerian Perpaduan Negara.










Bengkel Migrasi Klasifikasi Fail Kementerian Perpaduan Negara

III. KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA RASMI DI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Kursus Kawalan Dokumen Rasmi dan Dokumen Rahsia Rasmi di Kementerian Perpaduan Negara telah diadakan pada 4 dan 5 Julai 2023 yang bertujuan untuk memastikan keselamatan dokumen diuruskan sebagaimana yang digariskan dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Buku Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).

Kursus ini telah melibatkan seramai 58 orang peserta dan urus setia warga Kementerian Perpaduan Negara yang terdiri daripada Pendaftar Rahsia, Pendaftar Kecil Rahsia, Pegawai Jawatan Keselamatan Berjadual serta Setiausaha Pejabat/ Pembantu Setiausaha Pejabat di Kementerian Perpaduan Negara.









Kursus Kawalan Dokumen Rasmi Dan Dokumen Rahsia Rasmi di Kementerian Perpaduan Negara

IV. MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JKPAK) TAHUN 2023


Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) diadakan setiap suku tahun bagi melaporkan kedudukan semasa pengurusan aset alih Kerajaan, pemeriksaan aset yang telah dibuat, pelupusan aset suku semasa, kes-kes kehilangan aset yang dilaporkan dan hapus kira yang diluluskan serta laporan pengurusan stor. Mesyuarat ini wajib dilaksanakan setiap suku tahun bagi membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan aset dan stor dan tindakan-tindakan lanjut yang akan dilaksanakan bagi mematuhi keperluan Pekeliling Perbendaharaan AM1.1: Pengurusan Aset Kerajaan. Bagi tahun 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah berjaya mematuhi pelaksanaan Mesyuarat JKPAK setiap tahun seperti perincian berikut:

Pelaksanaan Mesyuarat JKPAK Kementerian Perpaduan Negara Tahun 2023

Bil.	Suku Tahun	Mesyuarat	Tarikh
1.	Pertama	Mesyuarat JKPAK Bil. 1/2023	11 Mei 2023
2.	Kedua	Mesyuarat JKPAK Bil. 2/2023	4 Ogos 2023
3.	Ketiga	Mesyuarat JKPAK Bil. 3/2023	2 November 2023
4.	Keempat	Mesyuarat JKPAK Bil. 4/2023	7 Februari 2024


SEKSYEN PEMBANGUNAN

Prestasi Projek / Program DE Tahun 2023



Jumlah Projek/Program DE KPN
33 PROJEK

Agihan Peruntukan DE Tahun 2023



AKTIVITI DAN PENCAPAIAN SEKSYEN PEMBANGUNAN SEPANJANG TAHUN 2023

I. LAWATAN INTERVENSI PROJEK PEMBANGUNAN

Lawatan intervensi merupakan salah satu usaha dalam memastikan pelaksanaan projek pembangunan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dipantau dengan lebih mendalam bagi menyelesaikan isu-isu berbangkit dalam pelaksanaan projek pembangunan.

20 kali lawatan tapak telah diadakan pada tahun 2023 melibatkan:

i. 4 lawatan turun padang oleh YB Menteri
ii. 8 lawatan turun padang oleh KSU KPN
iii. 8 lawatan tapak oleh pegawai-pegawai KPN bagi setiap projek



Sekitar lawatan turun padang dan lawatan tapak

II. PELAKSANAAN MESYUARAT UTAMA PEMBANGUNAN

Arahan No. 1 / 2023: Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara

10 Mesyuarat Utama Pembangunan Kementerian Perpaduan Negara telah diadakan pada tahun 2023 merangkumi:

i. 1 Mesyuarat MTPK yang dipengerusikan oleh YB Menteri
ii. 9 Mesyuarat JTPK yang dipengerusikan oleh KSU



Sekitar Mesyuarat Utama Pembangunan

II. KAJIAN PENILAIAN *OUTCOME*

Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012 (Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program / Projek Pembangunan Melalui Penilaian Outcome

Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Outcome (JKPO) di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) telah diadakan pada 22 Mac 2023 melibatkan projek pembangunan di bawah JPNIN iaitu:

i. Pembinaan Pusat Rukun Tetangga Taman Indah Tampin, Negeri Sembilan
ii. Pembinaan Pusat Rukun Tetangga Sungai Rambai Timur, Jasin, Melaka



LAPORAN PENCAPAIAN OUTCOME PROGRAM/PROJEK JAWATANKUASA KERJA PENILAIAN OUTCOME (JKPO) 2022 ICU JPM

Sukacita dimaklumkan bahawa Laporan Pencapaian *Outcome* Program/Projek Pembangunan yang telah dinilai oleh JKPO 2022 bagi **Kementerian Perpaduan Negara** adalah seperti berikut:

BIL	TAJUK KERTAS	PEMATUHAN METODOLOGI	PENCAPAIAN OUTCOME
1	PENILAIAN TERHADAP PROJEK PEMBINAAN PUSAT RUKUN TETANGGA SUNGAI RAMBAI TIMUR, JASIN, MELAKA	87.00	92.40
2	PENILAIAN TERHADAP PROJEK PEMBINAAN PUSAT RUKUN TETANGGA TAMAN INDAH TAMPIN, NEGERI SEMBILAN	88.16	92.32

PENCAPAIAN JKPO 2022 **90.0%**

14/09/23
Tarikh

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan Bin Haji Abdul Aziz
Ketua Pengarah
Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri

Laporan Pencapaian Outcome Program/Projek Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome (JKPO) ICU JPM

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

Pengenalan

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) berperanan sebagai peneraju program pendigitalan Kementerian dan jabatan/ agensi. BPM berfungsi untuk memastikan pembangunan, pengurusan, dan pemantauan bagi infrastruktur dan infostruktur ICT KPN bagi memenuhi keperluan pemegang taruh serta mematuhi piawaian, amalan terbaik ICT dan arahan agensi pusat.

Objektif

i. Menentukan hala tuju, menyelaras dan memantau pelaksanaan inisiatif ICT melalui Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPN;

ii. Menyediakan sistem aplikasi ICT yang memenuhi keperluan pelanggan, efektif dan efisien;

iii. Melengkapkan Kementerian, Jabatan/ Agensinya dengan infrastruktur dan kemudahan ICT yang selamat, dipercayai dan tersedia serta selari dengan Kerajaan Digital;

iv. Memberikan khidmat nasihat dan sokongan teknikal ICT yang efisien.

Fungsi

i. Menyelaras pembangunan, pelaksanaan, penambahbaikan, latihan dan penyelenggaraan Sistem Aplikasi;

ii. Mengurus dan mentadbir Pangkalan Data KPN;

iii. Mengurus dan menyelenggara Portal Rasmi KPN;

iv. Mengurus dan menyelenggara perkhidmatan emel KPN;

v. Memantau infrastruktur rangkaian dalaman dan perkhidmatan MyGov*Net;

vi. Merancang keperluan Pusat Data, infrastruktur rangkaian dan keselamatan ICT KPN;

vii. Membangun, memantau dan menguatkuasakan Polisi Keselamatan Siber (PKS);

viii. Mengurus perolehan, agihan, pinjaman, penyelenggaraan dan pelupusan peralatan dan perisian ICT;

ix. Mengurus dan menyelaras khidmat bantuan teknikal kepada pengguna ICT;

x. Mengurus tugas-tugas keurusetiaan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT), Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) dan Mesyuarat Koordinasi ICT;

xi. Mengurus perancangan dan pengurusan kewangan Bahagian;

xii. Mengurus dan menyelaras kontrak-kontrak ICT;

xiii. Membangun dan menyelaras Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) KPN bagi tempoh lima (5) tahun;


xiv. Memantau pelaksanaan projek-projek ICT agensi di bawah KPN; dan

xv. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh pihak pengurusan atasan dari semasa ke semasa.

Pencapaian

1. TADBIR URUS PENDIGITALAN KEMENTERIAN

Pelaksanaan tadbir urus Pendigitalan di Kementerian adalah sebagai satu usaha untuk memastikan perancangan, pembangunan dan pelaksanaan pendigitalan dapat dijalankan secara holistik. Bagi memperkasakan tadbir urus sedia ada, Garis Panduan Tadbir Urus Pendigitalan Kementerian telah dibangunkan dan telah diluluskan di dalam Mesyuarat JPICT Bil. 5/2023.



Garis Panduan Tadbir Urus Pendigitalan Kementerian Perpaduan Negara

Garis Panduan yang dibangunkan ini bertujuan untuk menjelaskan tadbir urus Pendigitalan sebagai mekanisme pengurusan dan pelaksanaan program-program pendigitalan di Kementerian Perpaduan Negara (KPN) selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa. Tadbir Urus Pendigitalan merangkumi garapan struktur kepimpinan dan organisasi serta prosedur supaya organisasi sentiasa berdaya saing dalam menerajui strategi dan objektif melalui sokongan komponen seperti berikut:

i. Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Perpaduan Negara; dan
ii. Polisi Keselamatan Siber (PKS) Kementerian Perpaduan Negara.

Garis Panduan Tadbir Urus Pendigitalan ini diwujudkan dengan merujuk kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan dan juga peraturan-peraturan sedia ada yang masih berkuat kuasa.

1.1 Keurusetiaan Mesyuarat dan Kelulusan Teknikal Perolehan ICT

Kekerapan mesyuarat yang diadakan berserta bidang tugas/peranan jawatankuasa berkenaan adalah seperti berikut:

1.1.1. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) KPN

Mesyuarat JTICT berperanan untuk menyemak dan menilai skop teknikal semua permohonan perolehan sebelum diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan oleh Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT). Jawatankuasa ini juga berperanan dalam membincangkan isu-isu teknikal, pembaikan, strategi ICT, dan perkara-perkara berkaitan dengan pengurusan teknologi terkini yang di Kementerian dan agensi.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak lima (5) sesi mesyuarat telah dilaksanakan dan 31 kertas kelulusan telah dibentangkan. Daripada jumlah tersebut 25 kertas kelulusan telah dipersetujui untuk dibentangkan di dalam mesyuarat JPICT Kementerian.

Bil.	Mesyuarat	Jumlah Kertas Kelulusan yang diangkat	Jumlah Kertas Kelulusan yang dipertimbangkan
1.	JTICT Bil. 1/2023 9 Februari 2023	8	5
2.	JTICT Bil. 2/2023 23 Mac 2023	1	1
3.	JTICT Bil. 3/2023 23 Mei 2023	8	7
4.	JTICT Bil. 4/2023 2 Jun 2023	12	12
5.	JTICT Bil. 5/2023 15 November 2023	2	2

1.1.2. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPN

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) berperanan untuk menyelaras dan memantau permohonan perolehan, pembangunan dan pelaksanaan projek ICT Kementerian dan Agensi di bawahnya.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak lima (5) sesi mesyuarat telah diadakan dan sebanyak 27 kertas permohonan projek ICT telah diangkat untuk kelulusan. Daripada permohonan tersebut, 26 kertas kelulusan telah diluluskan manakala satu (1) lagi dimohon untuk dipertimbangkan semula. Satu (1) kertas permohonan telah diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Sektor Awam (JTISA) berdasarkan had nilai kelulusan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 – Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT dan kesemua permohonan telah diperakukan oleh JTISA.

Ringkasan Perolehan ICT Tahun 2023 KPN mengikut pecahan Jabatan

Bil.	Mesyuarat	Jumlah Kertas Kelulusan yang diangkat					Jumlah Kertas Kelulusan yang dipertimbangkan				
		KPN	JPNIN	ANM	JMM	PNM	KPN	JPNIN	ANM	JMM	PNM
1.	JPICT Bil. 1/2023 16 Feb 2023	3	1	1			3	1	1		
2.	JPICT Bil. 2/2023 27 Mac 2023	1					1				
3.	JPICT Bil. 3/2023 1 Jun 2023	3		4			3		4		
4.	JPICT Bil. 4/2023 27 Jun 2023	1	1			10	1	1			10
5.	JPICT Bil. 5/2023 22 Nov 2023	1		1			1		1		

1.1.3. Jawatankuasa Keselamatan ICT (JKICT) KPN

Sepanjang tahun 2023, JKICT telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan ICT sebanyak dua (2) kali iaitu pada 31 Oktober 2023 dan 11 November 2023. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh ICTSO Kementerian dan telah dihadiri oleh ahli jawatankuasa di kalangan pegawai ICT di Kementerian dan Agensi. Mesyuarat ini berperanan untuk mengurus, menilai, dan memberikan gambaran mengenai keadaan keselamatan ICT, pengurusan risiko, cadangan pembaikan, dan langkah-langkah yang diambil untuk melindungi maklumat dan infrastruktur ICT. Status insiden keselamatan ICT turut dibentangkan di dalam mesyuarat JPICT Kementerian.

1.1.4. Jawatankuasa Computer Security Insiden Response Team (CSIRT) Kementerian Perpaduan Negara (KPN)

Pasukan CSIRT Kementerian telah dilantik semula berikutan pertambahan Jabatan/ Agensi di bawah KPN. Buat pertama kalinya, pasukan CSIRT KPN yang dipengerusikan oleh ICTSO Kementerian telah bersidang pada 11 Disember 2023 membincangkan mengenai tatacara pengurusan pengendalian insiden keselamatan ICT diperingkat Jabatan sehingga Kementerian.


2. BENGKEL KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP) KEMENTERIAN DAN AGENSI 2021-2025

Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) bagi Kementerian dan Agensi untuk tempoh 2021-2025 menggariskan haluan dan perancangan kementerian yang merangkumi matlamat, strategi, dan tindakan berkaitan dengan program-program pendigitalan dalam memodenkan dan menyediakan panduan dan rangka kerja bagi pengembangan dan pelaksanaan inisiatif pendigitalan. Ia memberi penekanan kepada kecekapan, produktiviti dan inovasi pendigitalan bagi tujuan mengoptimumkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pemegang taruh. Terdapat 3 teras strategik, 13 strategi dan 51 program telah digariskan dalam pelan ini.

Bengkel Semakan Semula PSP KPN dan Agensi 2021-2025 telah diadakan pada 1 dan 2 November 2023 dan menggariskan objektif seperti berikut:

i. Menilai dan mengkaji kembali program yang telah disusun bagi memastikan program tersebut relevan, sesuai dengan perkembangan teknologi semasa dan keperluan organisasi;
ii. Memperbaharui visi dan misi digitalisasi penyampaian kementerian selaras dengan perubahan struktur dan Pelan Strategik Kementerian; dan
iii. Mengenal pasti keperluan baru seiring perubahan struktur kementerian dan perkembangan teknologi semasa supaya program yang dibangunkan memberi impak yang positif kepada warga.

Dalam tempoh kajian semula, semua program yang dirancang berada pada prestasi yang baik dan kekal relevan untuk terus dilaksanakan. Sebagai tambah nilai kepada perancangan semasa, terdapat program baharu yang diperkenalkan bagi memastikan kesemua kumpulan sasaran mendapat manfaat darinya. Status pelaksanaan PSP KPN dan Agensi adalah seperti berikut :



Keterangan :
Teras 1 : Pemantapan perkhidmatan digital yang bersepadu dan berpacukan data
Teras 2 : Pemerkasaan infrastruktur digital terkini, selamat dan mampan
Teras 3 : Pemantapan tadbir urus dan keupayaan ICT secara holistik dan bersepadu



3. PEMBANGUNAN DAN PEMANTAPAN APLIKASI KEMENTERIAN


BPM bertanggungjawab dalam pembangunan dan pemantapan aplikasi bagi menyokong ekosistem perkhidmatan pendigitalan kementerian. Berikut ialah sistem aplikasi yang disediakan sepanjang tahun 2023:

Senarai Aplikasi Yang dilaksanakan Sepanjang 2023

Nama Sistem	Pemilik Sistem
PEMBANGUNAN BAHARU	
Sistem Pengesahan Peruntukan	SKP
Sistem eNaziran Tabika Perpaduan	BPBM
PEMANTAPAN SISTEM DAN PORTAL	
Portal Rasmi Kementerian	UKK
Sistem Pengurusan ICT	BPM
Sistem Pemantauan Kontrak	SKP
Sistem Personel Perpaduan	SSM

3.1. SISTEM PENGESAHAN PERUNTUKAN KEWANGAN

Sistem Pengesahan Peruntukan Kewangan membantu di dalam menguruskan kewangan/bajet dan membolehkan pengesahan peruntukan dana atau sumber untuk tujuan tertentu. Sistem yang dibangunkan secara dalaman ini bertujuan untuk memastikan bahawa peruntukan dana atau sumber yang diberikan disahkan dan digunakan mengikut matlamat yang ditetapkan.




Sistem Peruntukan Kewangan

Pembangunan sistem ini adalah salah satu inisiatif untuk mengautomasikan proses kerja sedia ada dan membantu dalam pengurusan permohonan dengan lebih efisien.

3.2 SISTEM eNAZIRAN TABIKA PERPADUAN


Sistem eNaziran bagi Tabika Perpaduan dibangunkan secara dalaman bagi membantu Bahagian Pembangunan Masyarakat dalam mengendalikan naziran di 480 buah Tabika Perpaduan seluruh Malaysia. Pembangunan sistem ini adalah salah satu medium pemudahcara pengurusan dan penilaian tahap ketersediaan dan pematuhan prosedur Tabika Perpaduan.



Sistem eNaziran Tabika Perpaduan

3.3 PERKHIDMATAN DIGITAL KPN *END TO END*

Perkhidmatan End-To-End (E2E) KPN merangkumi perkhidmatan di Kementerian dan jabatan/ agensi di bawahnya. Sehingga Disember 2023, daripada 297 jumlah perkhidmatan keseluruhan di KPN, 275 atau 92.59 peratus perkhidmatan telah disediakan secara E2E sepenuhnya. Ringkasan Perkhidmatan E2E KPN dan jabatan/ agensi 2023 adalah seperti berikut:



4. PENGUKUHAN KESELAMATAN SIBER KEMENTERIAN

Memahami betapa pentingnya pengetahuan keselamatan siber dalam era pendigitalan, BPM telah melaksanakan beberapa langkah bagi meningkatkan tahap kesedaran keselamatan siber di kalangan warga kementerian dan agensi seperti berikut :

4.1. HARI DIGITAL PERPADUAN

KPN telah menganjurkan Hari Digital Perpaduan Tahun 2023 pada 18 hingga 19 Oktober 2023 bertemakan "Digital Inklusif, Perpaduan Mampan" di Dewan Serbaguna Blok F9, Kompleks F dengan objektif untuk menyemarakkan pembudayaan digital secara holistik bagi meningkatkan kecekapan proses kerja dan produktiviti selain memupuk amalan beretika dalam penggunaan teknologi digital selaras dengan Polisi Keselamatan Siber (PKS) KPN.

Pelbagai program menarik disediakan seperti sesi perkongsian maklumat berkaitan ICT dan pendigitalan oleh penceramah jemputan iaitu ASP Rahmat Fitri bin Abdullah dari Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Encik Nurul Haszeli bin Ahmad dari SIRIM Berhad. Selain itu terdapat juga reruai pameran yang disertai oleh 10 pemain teknologi luar yang dijemput antaranya adalah Statworks, TM Unifi dan CelcomDigi. Program yang dilaksanakan kepada warga KPN dan agensi di bawahnya dari pelbagai peringkat skim, jawatan dan gred melibatkan 1187 penyertaan. Pecahan peserta yang dianggarkan adalah seramai 187 peserta fizikal (termasuk tetamu khas, penceramah dan urus setia) dan 1000 peserta yang hadir bagi program DigitalTalk secara atas talian.





Sekitar Hari Digital Perpaduan 2023

Selain itu, aktiviti Explorace ICT juga diadakan sebagai salah satu inisiatif untuk merapatkan jurang digital dikalangan warga dan meningkatkan literasi digital yang meluas bagi memupuk semangat kerjasama dan meningkatkan pengetahuan berkaitan teknikal ICT dikalangan warga.



Sekitar Program Explorace ICT 2023

4.2. HEBAHAN KESELAMATAN SIBER

BPM telah melaksanakan hebahan keselamatan siber secara bulanan kepada warga kementerian dan agensi. Isi kandungan hebahan mencakupi pemahaman tentang ancaman siber, prosedur keselamatan yang jelas dan langkah-langkah pencegahan yang perlu di ketahui oleh warga. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 14 hebahan keselamatan siber telah dilaksanakan.



Antara hebahan keselamatan siber sepanjang tahun 2023

4.3. NAZIRAN ICT

Pihak BPM juga melaksanakan pemantauan secara berterusan bagi menilai keberkesanan langkah-langkah keselamatan yang telah diambil di kalangan warga kementerian dan agensi. Naziran ICT dilaksanakan secara tahunan bagi mengenal pasti ruang yang boleh diperbaiki dan potensi ancaman dalam mengukuhkan keselamatan siber kementerian. Daripada 10 item yang ditinjau, 90% daripadanya dipatuhi oleh warga kementerian. 10% lagi akan ditambahbaik dari semasa ke semasa.

5. PELAKSANAAN PEMBUDAYAAN ICT

Pelaksanaan Pembudayaan ICT mencerminkan keupayaan untuk mengintegrasi dan mengadaptasi teknologi terkini dalam tugasan harian. Bagi mendorong kemampuan pegawai ICT dalam menangani perubahan teknologi yang pantas beberapa siri latihan dan pemindahan teknologi telah dilaksanakan.

5.1. KURSUS PEMBANGUNAN LAMAN WEB PROFESIONAL CMS JOOMLA


Kursus ini telah dilaksanakan pada 25 – 27 Julai 2023 dan dihadiri oleh 16 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai ICT KPN, JPNIN, ANM dan PNM. Encik Mohamad Zaki bin Mohamad Yusof dari Adlina Resources telah dijemput sebagai penceramah bagi kursus ini.



Sekitar Kursus Pembangunan Laman Web Profesional CMS Joomla

5.2. LATIHAN VISUALISASI DATA MENGGUNAKAN PERISIAN POWER BI

Menyedari pentingnya data dalam sesebuah organisasi, BPM telah menganjurkan kursus Visualisasi Data menggunakan perisian Power BI pada 5, 6 dan 13 Julai 2023 bagi meningkatkan kepakaran pegawai dalam mengelola dan memanfaatkan data. Kursus ini dihadiri oleh enam (6) orang pegawai ICT yang terlibat dalam pembangunan papan pemuka sistem.





Sekitar Kursus Visualisasi Data Menggunakan Perisian Power BI

5.3. SESI TRANSFER OF TECHNOLOGY

Beberapa siri pemindahan teknologi telah dilaksanakan untuk menyediakan personel ICT Kementerian dan Agensi dengan teknologi baru yang berlegar di pasaran. Selain itu, sesi-sesi ini juga turut dihadiri oleh Champion ICT setiap bahagian. Berikut adalah sesi pemindahan teknologi yang telah dilaksanakan sepanjang 2023.


Bil.	Tajuk	Tarikh
1.	Dell Technologies	8 Februari 2023
2.	Pembangunan Dashboard Analitik Data	1 April 2023
3.	Czur Starryhub Dan Czur Overheas Scanner	21 Julai 2023
4.	Data Center Services from Data Center Specialist	4 September 2023
5.	Kesedaran Keselamatan Siber	7 Disember 2023
6.	Rujie Network	

6. KHIDMAT SOKONGAN


6.1. MEL ELEKTRONIK

Penambahan dan pengurangan akaun e-mel dapat memberikan indikator tentang dinamika penggunaan e-mel di sesebuah organisasi. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 70 akaun e-mel baru telah diwujudkan manakala 30 akaun e-mel telah dinyahaktifkan (*delete*).

Corak penambahan akaun baru pengguna adalah seperti di bawah




Pecahan status akaun e-mel Kementerian adalah seperti berikut :




6.2. BANTUAN TEKNIKAL

BPM telah menyediakan khidmat sokongan teknikal ICT kepada 36 program anjuran KPN dengan menyediakan kemudahan merangkumi komputer riba, pencetak dan talian internet. Manakala 52 bantuan teknikal diberikan dalam mengendalikan mesyuarat atau program yang memerlukan sidang video.






Selain itu, sepanjang 2023, BPM juga telah menyelesaikan 87 aduan yang diterima dari warga kementerian seperti di bawah :



Bahagian Akaun (BA)

Pengenalan

Bahagian Akaun telah ditubuhkan pada 1 Mac 2021 selaras dengan dasar kerajaan dan Pekeliling Perbendaharaan PS 1.2 yang menghendaki setiap kementerian mempunyai Bahagian Akaun bagi melaksanakan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan. Dengan perjawatan seramai 5 orang pegawai ketika ini, Bahagian Akaun bertanggungjawab dalam memastikan perakaunan akruan dilaksanakan dan penyata kewangan kementerian disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Kerajaan.

Objektif

i. Melaksanakan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan dengan cekap dan berkesan;

ii. Menyediakan Penyata Kewangan Kementerian yang tepat dan boleh dipercayai kepada pemegang taruh;

iii. Memastikan transaksi kewangan diperakaunkan dengan tepat dan mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa;

iv. Memberi khidmat nasihat yang berkualiti dan berkesan dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan selaras dengan amalan terbaik; dan

v. Menyediakan maklumat dan laporan pengurusan perakaunan bagi membantu Pengurusan Atasan dalam pembuatan keputusan.

Fungsi

i. Membuat analisis perakaunan iaitu analisis maklumat Penyata Kewangan untuk kegunaan pengurusan atasan;

ii. Bertanggungjawab ke atas pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian;

iii. Melaksana perakaunan kos dan pengurusan;

iv. Memberi khidmat nasihat berkaitan sistem JANM yang digunapakai;

v. Menyelesaikan isu berkaitan perakaunan termasuk berkaitan pelaksanaan perakaunan akruan;

vi. Menjalankan latihan berkaitan perakaunan kepada pegawai perakuanan dan kewangan;

vii. Melakukan naziran bayaran dan terimaan kepada PTJ;

viii. Menyemak Perakaunan Terimaan oleh PTJ (KKWT);

ix. Menjalankan fungsi Pejabat Perakaunan bagi perkhidmatan perakaunan dan bayaran;

x. Mengurus pembayaran gaji kakitangan kementerian;

xi. Menyemak Penyata Penyesuaian Vot Mengurus, Vot Pembangunan, Amanah dan Hasil yang dikemukakan oleh Pusat Tanggungjawab;

xii. Mengurus proses mewujudkan dan mengemaskini akaun pukal;

xiii. Menguruskan sistem LMS bagi KPN;

xiv. Mengurus perakaunan harta modal dan inventori;

xv. Menyediakan Penyata Kewangan Kementerian, Pentadbiran dan Kewangan; dan

xvi. Menguruskan Dana bagi tujuan pembayaran.

Pencapaian

MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN (JPPA) KPN TAHUN 2023

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan (JPPA) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) telah diadakan sebanyak dua (2) kali setahun bagi tahun 2023 seperti perincian berikut:

Bil.	Mesyuarat	Tarikh
1.	JPPA Bil. 1/2023	31 Mei 2023
2.	JPPA Bil. 2/2023	25 Oktober 2023



Mesyuarat JPPA Bilangan 1 Tahun 2023



Mesyuarat JPPA Bilangan 2 Tahun 2023

MESYUARAT BERSAMA BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

Bahagian Akaun telah mengadakan Mesyuarat bersama Bank Muamalat Malaysia Berhad selaku bank rasmi KPN bagi mengeratkan kerjasama kedua-dua pihak. Mesyuarat ini telah membincangkan perkara-perkara berbangkit berkaitan isu bank agar operasi harian KPN dapat berjalan dengan lancar. Bank Muamalat juga memperkenalkan kaedah baru bagi Pindahan Dana Telegraf Luar Negara (*Telegrafic Transfer*) yang menggunakan *Visa B2B Connect* berbanding S.W.I.F.T yang lebih pantas kepada pegawai Bahagian Akaun KPN.





Mesyuarat Bersama Bank Muamalat Malaysia Berhad Pada 26 Oktober 2023

TAKLIMAT PENUTUPAN AKHIR TAHUN (PAT) 2023 KEPADA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) KPN

Selaras dengan penutupan Akaun kerajaan Persekutuan setiap tahun, Taklimat Penutupan Akhir Tahun 2023 telah diadakan pada 30 November 2023 kepada PTJ KPN. Taklimat telah dihadiri oleh wakil Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional, Arkib Negara Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia serta wakil Seksyen Kewangan dan Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan, KPN.

Taklimat ini berkaitan proses penutupan akaun iaitu tarikh-tarikh yang perlu dipatuhi oleh PTJ berdasarkan Arahan Kementerian Kewangan dan SPANM Bil. 7 Tahun 2023 yang menjadi rujukan utama PTJ untuk memastikan proses Penutupan Akaun tahun 2023 dapat dilaksanakan dengan tepat dan lancar.



Taklimat Penutupan Akhir Tahun (PAT) Kepada PTJ KPN Pada 30 November 2023

KURSUS DAN BENGKEL PERAKAUNAN DAN KEWANGAN ANJURAN

Secara keseluruhan, Bahagian Akaun telah menganjurkan sebanyak sembilan (9) kursus sepanjang tahun 2023 bagi meningkatkan kompetensi pegawai perakaunan dan kewangan di PTJ KPN.

Bil.	Kursus/Taklimat/Bengkel	Tarikh	Tempat	Jumlah Peserta
1.	Bengkel Pemantapan MyCost Siri 1/2023	13 - 15 Februari 2023	Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Sarawak	20 orang
2.	Bengkel Pemantapan MyCost Siri 2/2023	8 - 10 Mac 2023	Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Perlis	23 orang
3.	Klinik Naziran Perakaunan Akruan	22 Mac 2023	KPN	24 orang
4.	Kursus Pemantapan iGFMAS Modul Accounts Payable (AP)	9 - 10 Mei 2023	KPN	25 orang
5.	Kursus Pemantapan iGFMAS Modul Asset Accounting (AA) Siri 1/2023	16 - 18 Mei 2023	Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Terengganu	23 orang
6.	Kursus Pemantapan iGFMAS Modul Asset Accounting (AA) Siri 2/2023	23 - 25 Mei 2023	Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Kedah	21 orang
7.	Bengkel Pemantapan MyCost Siri 3/2023	7 - 9 Jun 2023	Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Sabah	20 orang
8.	Bengkel Pemantapan MyCost Siri 4/2023	24 - 25 Julai 2023	KPN	22 orang
9.	Kursus Pematuhan Pengurusan Terimaan dan Hasil Kerajaan	2 - 3 Oktober 2023	KPN	32 orang





Bengkel Pemantapan MyCost Siri 1/2023





Bengkel Pemantapan MyCost Siri 2/2023





Bengkel Pemantapan MyCost Siri 3/2023






Bengkel Pemantapan MyCost Siri 4/2023





Klinik Naziran Perakaunan Akruan





Kursus Pemantapan IGFMAS Modul Accounts Payable (AP)





Kursus Pemantapan IGFMAS Modul Asset Accounting (AA) Siri 1/2023





Kursus Pemantapan IGFMAS Modul Asset Accounting (AA) Siri 2/2023





Kursus Pematuhan Pengurusan Terimaan dan Hasil Kerajaan

4.2. LAPORAN NAZIRAN PEMATUHAN PERAKAUNAN AKRUAN

Selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 138, pelaksanaan naziran adalah untuk mengenal pasti isu dan masalah yang berlaku serta menilai prosedur pematuhan Perakaunan Akruan oleh PTJ. Naziran telah dijalankan di lapan (8) buah PTJ sepanjang tahun 2023 sepertimana berikut:



4.3. LAPORAN NAZIRAN KHAS TERIMAAN HASIL

Naziran dilaksanakan bagi memastikan pegawai yang bertanggungjawab sentiasa peka dan cakna dengan tatacara pengurusan terimaan Kerajaan persekutuan. Naziran telah dijalankan di 12 buah PTJ sepanjang tahun 2023 sepertimana berikut:



LAPORAN JABATAN & AGENSI

- Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional
- Jabatan Muzium Malaysia
- Arkib Negara Malaysia
- Perpustakaan Negara Malaysia
- Yayasan Sukarelawan Siswa
- Yayasan Tunku Abdul Rahman
- Yayasan Tun Razak











Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN)

Pengenalan

Pencapaian JPNIN bermula Januari sehingga Disember 2023 merekodkan pelbagai aktiviti berjaya dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus, program perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan komuniti.

Pencapaian

Program ini memanfaatkan ribuan kumpulan sasaran dan pemegang taruh di seluruh negara menerusi penyertaan di peringkat ibu pejabat, negeri, daerah, Kawasan Rukun Tetangga, Sekretariat Rukun Tetangga, Kelab Rukun Tetangga, Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan.

Bagi memperkasakan lagi usaha-usaha tersebut, JPNIN berjaya mengadakan satu bengkel kajian perancangan Pelan Strategik Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional 2021-2025 agar selari dengan hasrat Kementerian Perpaduan Negara.

Hasil perancangan strategik gerak kerja tersebut, JPNIN mempraktiskan formula Gerak Kerja 5P iaitu Penggalakan, Pencegahan, Pencelahan, Pemulihan dan Pembina Upaya. Gerak Kerja 5P ini dijadikan panduan kepada perancangan program-program JPNIN agar lebih berimpak tinggi.




Di samping itu, menerusi tiga Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Indicator (KPI) kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara memperuntukkan tiga bidang utama yang perlu dilaksanakan oleh JPNIN iaitu:

I. PENINGKATAN TAHAP KEHARMONIAN MASYARAKAT

KPI ini merujuk kepada isu-isu melibatkan perpaduan masyarakat dan keharmonian yang perlu dikesan, dipantau dan diurus melalui kaedah 5P penggalakan, pencegahan, pencelahan, pemulihan dan pembina upaya untuk memelihara dan meningkatkan tahap keharmonian masyarakat.

Kaedah pengukuran adalah melalui skor Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) berdasarkan jumlah bilangan kes/insiden yang dilaporkan dalam setahun. IKM dijana berasaskan pengesanan dan pengumpulan isu-isu semasa perpaduan melalui pegawai-pegawai JPNIN di peringkat Daerah, Negeri dan Ibu Pejabat menggunakan sistem e-sepakat.





II. PENGUKUHAN HUBUNGAN SOSIAL RENTAS ETNIK DALAM KALANGAN RAKYAT

KPI ini merujuk kepada pengukuhan hubungan sosial rentas etnik dalam kalangan rakyat Malaysia meliputi Program Tabika Perpaduan dan Jaringan Rakan Perpaduan melibatkan individu, keluarga dan komuniti secara kolektif. Kaedah pengukuran yang diguna pakai adalah melalui soal selidik kajian keberbesanan terhadap program-program yang dilaksanakan di peringkat kementerian dan jabatan.

III. PENGUKUHAN JATI DIRI DAN SEMANGAT PATRIOTISME DALAM KALANGAN RAKYAT

KPI ini merujuk kepada peningkatan pengetahuan dan kefahaman rakyat berhubung sejarah Malaysia, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara ke arah pengukuhan jati diri dan semangat patriotisme. Bagi mengenal pasti kejayaan pelaksanaan KPI ini, kaedah pengukuran dilakukan melalui soal selidik terhadap program-program yang dianjurkan berkaitan sejarah, perlembagaan, persekutuan dan Rukun Negara.

Secara keseluruhan, JPNIN mempunyai tanggungjawab besar dalam menyusun strategik yang baharu, lebih menyeluruh serta memberi impak dalam memenuhi KPI ini.

Sehubungan itu, JPNIN mengamalkan kod etika sebagai penjawat awam antaranya melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab, mengamalkan nilai-nilai keluhuran dalam semua urusan, berakauntabiliti dalam menjalankan tugas tanpa menyalahgunakan kuasa dan kedudukan untuk faedah diri dan pihak yang berkepentingan.

Bagi menguar-uarkan pelaksanaan dan kejayaan program JPNIN kepada masyarakat, JPNIN secara aktif menggunakan platform media sosial antaranya Tik Tok, Facebook dan Instagram.

Gerak Tugas JPNIN



Sekitar aktiviti gerak tugas JPNIN

Jabatan Muzium Malaysia (JMM)

Pengenalan

Jabatan Muzium Malaysia bertanggungjawab dalam menyelidik, mengumpul, memelihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam semulajadi negara selain menguruskan muzium-muzium di bawah pentadbiran Persekutuan dan memberi khidmat kepakaran dan nasihat kepada muzium-muzium negeri, jabatan kerajaan dan swasta. Perkhidmatan teras JMM merangkumi pengurusan koleksi,pengurusan konservasi, penyebaran ilmu pengetahuan melalui aktiviti penyelidikan, pameran, pengembangan dan pendidikan muzium.

Program dan Pencapaian JMM 2023



Pameran

Bil.	Pameran	Lokasi	Tarikh
1	Pameran Sisipan Acuan Kuih Tradisional	Muzium Negara	1 April - 1 Mei 2023
2	Pameran Sinema 100 Tahun	Galeri 2, JMM	22 Mei - 6 Ogos 2023
3	Pameran Wira Tak Didendang: Bidan	Galeri 1, JMM	1 Mei - 4 September 2023
4	Pameran Artifak Terpilih 165 Tahun Kota Ngah Ibrahim	Muzium Matang	8 September 2023 - 31 Disember 2024
5	Pameran Rahsia Kebaya	Muzium Tekstil Negara	19 Oktober - 31 Disember 2023
6	Pameran Tanahairku	Galeri 2, JMM	31 Ogos - 31 Oktober 2023
7	Pameran 60 Tahun Muzium Negara: Retrospektif	Muzium Negara	29 Ogos - 30 September 2023
8	Pameran Timbang & Sukat	Galeri 2, JMM	31 Oktober - 31 Disember 2023
9	Pameran Setitis Tinta Selaut Karya	Muzium Kota Kayang	1 Ogos - 31 Disember 2023
10	Pameran Malaysia Era Perang Dunia Ke II	Muzium Perak	15 Ogos - 20 November 2023
11	Pameran Taksidermi	Muzium Perak	20 Disember 2023 - 31 Mei 2024
12	Pameran Dyeco Textile Exploration of Natural Eyes (MTN /UITM)	Muzium Tekstil Negara	18 Februari – 18 Mac 2023
13	Pameran Warna Warni Busana Malaysia (MTN/PARADIGM MALL)	Muzium Galeri Mini (Paradigm Mall)	16 - 17 Ogos 2023
14	Pameran Ritma Muzik Malaysia (JMM / MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS BERHAD)	KLIA 1 & 2	25 Ogos - 16 September 2023

CITRA NUSA@MUZIUM

Bil.	Program	Lokasi	Tarikh
1	Citra Nusa Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan	Sarawak	31 Julai - 5 Ogos 2023
2	Citra Nusa Program Sambutan 60 Tahun Muzium Negara	Muzium Negara	31 Ogos - 3 September 2023
3	Citra Nusa Pameran Bergerak Malaysia Tanah Airku	Sarawak, Muzium Matang & Muzium Kayang	Ogos - Disember 2023
4	Citra Nusa@Muzium Matang	Muzium Matang	8 - 10 September 2023
5	Citra Nusa@Muzium Kota Kayang	Muzium Kayang	4 - 6 November 2023
6	Citra Nusa@Muzium Magis Belantara	Dataran Muzium Negara, JMM	27 - 28 Oktober 2023
7	Citra Nusa@Muzium: Nostalgia Anak Kampung	Dataran Muzium Negara, JMM	24 - 26 November 2023

SIGNATURE PROGRAM

Bil.	Program	Tarikh
1.	Semarak@Muzium Marin; Sambutan 20 Tahun	15 - 16 Julai 2023
2.	Semarak Muzium "Malaysia Era Perang Dunia II"	19 - 20 Ogos 2023
3.	Bermalam di Muzium	22 - 23 September 2023
4.	Semarak@Muzium Kota Kuala Kedah	14 - 15 Oktober 2023
5.	Semarak@Muzium Adat	21-22 Oktober 2023
6.	Semarak@Muzium Sungai Lembing	11 - 12 November 2023

PENGEMBANGAN MUZIUM

Bil.	Program	Jumlah
1.	Bicara@Muzium	33
2.	Inreach Program	75
3.	Outreach Program	18
4.	Hubungan Antarabangsa	2

PAMERAN


PAMERAN ZOOLOGI: SENI TAKSIDERMI

Pameran Zoologi: Seni Taksidermi menarik perhatian masyarakat untuk mengetahui sejarah perkembangan dan pencapaian bidang taksidermi di negara ini khususnya Muzium Perak. Bidang ini mula dipelopori oleh E.J. Keilich seorang ahli zoologi yang pakar dalam menyamak dan membentuk kulit haiwan yang bertugas di Muzium Perak ketika itu hingga tertubuhnya Pusat Latihan Taksidermi yang pertama di negara ini pada tahun 1903. Beliau banyak mengumpulkan pelbagai spesimen zoologi sehingga banyak spesimen yang telah diawet dihantar ke muzium-muizum di luar negara seperti Muzium British di London, Muzium Culcutta di India dan Muzium Raffles di Singapura. Kepakaran E.J.Keilich dalam bidang taksidermi menyebabkan Muzium Perak sering dikunjungi staf muzium-muzium dan institusi pendidikan dari dalam dan luar negara untuk mempelajari teknik dan kaedah taksidermi dari beliau.

Justeru, pameran ini memperlihatkan perkembangan taksidermi di negara ini yang bermula dari Muzium Perak menerusi pameran pelbagai koleksi spesimen yang menarik hasil sentuhan pakar taksidermi luar negara dan tempatan disamping perkongsian pengalaman bekas ahli taksidermi muzium dalam mengimbau kembali kisah belakang tabir yang penuh inspirasi.








PAMERAN ERA PERANG DUNIA KE II

Pameran Malaysia Era Perang Dunia II telah diadakan dari 15 Ogos 2023 sehingga 30 September 2023 bersempena sambutan Bulan Kebangsaan Malaysia Tahun 2023, di Galeri A, Muzium Perak. Pameran ini menjurus kepada peristiwa dan pengalaman semasa zaman pendudukan Jepun khususnya di Taiping (1941-1945) dan zaman ini dapat dianggap sebagai 'silent years' serta tidak banyak rekod serta dokumentasi yang dapat dirujuk, khususnya yang berkisar tentang bandar Taiping. Kandungan pameran terdiri dari dua komponen iaitu pameran digital secara realiti maya dan pameran fizikal yang memaparkan zaman pendudukan Jepun di negara ini.









PAMERAN RAHSIA KEBAYA

Pameran Rahsia Kebaya telah dibuka untuk lawatan kepada orang ramai dari 19 Oktober sehingga 31 Disember 2023 bertempat di Galeri Saindera, Muzium Tekstil Negara. Pameran ini disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Hajah Norashikin, Tengku Permaisuri Selangor pada 25 Oktober 2023 (Rabu) yang lalu. Turut hadir bersama ialah YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara (KPN), YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia (JMM) serta barisan Ahli Pengurusan Tertinggi Kementerian Perpaduan Negara dan Jabatan Muzium Malaysia.

Pameran ini secara eksklusif memperagakan sebanyak 60 koleksi baju kebaya yang sebahagian besarnya milik Jabatan Muzium Malaysia dan rakan-rakan kerjasama pameran ini. Menariknya, pameran ini turut diperagakan koleksi peribadi kebaya Selangor milik DYMM Tengku Permaisuri Selangor, kebaya Perlis

koleksi peribadi DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis, kebaya labuh milik DYMM Almarhuman Tuanku Ampuan Najihah, YMM Tengku Anis dan Almarhumah Che Menjelara.








PAMERAN BIDAN

Pameran Bidan ini merupakan julung-julung kalinya diadakan oleh Jabatan Muzium Malaysia. Konsep yang diketengahkan menerusi pameran ini bukan hanya sekadar mempamerkan artifak dan bahan-bahan berkaitan dengan dunia perbidanan tetapi turut menonjolkan kepelbagaian budaya dalam dunia perbidanan. Pameran ini turut memperlihatkan suatu perbandingan budaya dalam dunia perbidanan tradisional dan moden di Malaysia. Majlis Perasmian Pameran Bidan telah berlangsung pada 11 Mei 2023 di Dataran Muzium Negara dan disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.









PAMERAN TIMBANG DAN SUKAT: KEARIFAN METROLOGI

Pameran Timbang dan Sukat: Kearifan Metrologi memaparkan mengenai sejarah awal penggunaan timbang dan sukat secara tradisional di Alam Melayu sehingga kepada perubahan yang berlaku dengan penguatkuasaan sistem timbang dan sukat yang lebih seragam melalui penggunaan sistem metrik. Pameran yang bertempat di Galeri 1, Jabatan Muzium Malaysia ini telah bermula pada 31 Oktober 2023 sehingga 21 Januari 2024. Terdapat pelbagai segmen dikongsikan bermula daripada pengenalan kepada konsep fungsi timbang dan sukat, sejarah awal, unit sukatan di Alam Melayu seterusnya perubahan dan perkembangan kepada sistem timbang & sukat tradisional kepada sistem yang diguna pakai pada masa kini. Terdapat 108 koleksi yang dipamerkan seperti leng, kepul, gantang, dacing dan sebagainya.





CITRA NUSA@MUZIUM

NOSTALGIA ANAK KAMPUNG 2023 "RENTAP: ADU & LAGA"

Program Nostalgia Anak Kampung, sebuah program *'signature'* oleh Muzium Negara kembali memeriahkan pekarangan Muzium Negara pada 24 hingga 26 November 2023 yang lalu. Dengan mengangkat tema "Rentap: Adu & Laga", program ini mengetengahkan elemen kepintaran, kelincahan, kekuatan dan daya kreativiti pemain yang beradu dalam pelbagai jenis permainan tradisional pelbagai kaum di Malaysia. Konsep nostalgia yang dibawakan ini adalah sebagai inisiatif untuk memperkenalkan budaya dan cara hidup orang kampung kepada warga kota Kuala Lumpur. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.









PROGRAM SEMARAK @ MUZIUM KOTA KUALA KEDAH

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) melalui Muzium Kota Kuala Kedah telah menganjurkan Program Semarak @ Muzium Kota Kuala Kedah. Program yang berlangsung selama tiga (3) hari bermula dari 13 hingga 15 Oktober 2023 merupakan inisiatif JMM ke arah memperkukuhkan perpaduan seluruh masyarakat Malaysia menerusi kerangka "Membangun Negara MADANI melalui Prinsip Perpaduan Dalam Kepelbagaian".









PROGRAM LIVING MUSEUM DAY@MSKOA 2023

Muzium Seni Kraf Orang Asli (MSKOA) sekali lagi meneruskan penganjuran PROGRAM *LIVING MUSEUM DAY*@MSKOA 2023 pada tahun ini. Seperti pada tahun - tahun sebelumnya, program ini telah dirancang khas dan merupakan salah satu acara tahunan bagi MSKOA dan telah dimasukkan dalam Kalendar Acara Tahunan 2023, Jabatan Muzium Malaysia.

Program *Living Museum Day*@MSKOA 2023 ini telah diadakan pada 25 November 2023 (Sabtu) bermula jam 09.00 pagi hingga 5.00 petang, bertempat di dalam galeri dan perkarangan luar MSKOA. Satu kelainan dalam acara pada tahun ini ialah penambahan slot aktiviti iaitu reruai jualan di dalam galeri MSKOA dan acara cabutan bertuah yang diadakan setiap satu jam. Program Living Museum Day ini juga diadakan bersempena dengan Program Nostalgia Anak Kampung di Muzium Negara yang bermula dari 24 – 26 November 2023. Seramai 10 orang komuniti Orang Asli yang telah terlibat dalam program ini yang terdiri dari Suku Kaum Semai, Pahang dan Temiar, Kelantan.









PROGRAM CITRA NUSA@MUZIUM MATANG

YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Program Citra Nusa@Muzium Matang anjuran Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang berlangsung dari 8 hingga 10 September 2023.

Penganjuran program ini merupakan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara ke arah mencapai hasrat kerajaan bagi memperkukuh perpaduan masyarakat Malaysia menerusi kerangka 'Membangun Negara MADANI melalui Prinsip Perpaduan Dalam Kepelbagaian'. Program yang berteraskan warisan seni dan budaya berkonsep 'karnival' atau 'fiesta' ini mensasarkan penyertaan dari pelbagai lapisan masyarakat khususnya di sekitar daerah Matang.













PROGRAM CITRA NUSA@MUZIUM: MAGIS BELANTARA 2023

Program Citra Nusa@Muzium: Magis Belantara 2023 telah berjaya dianjurkan oleh Muzium Seni Kraf Orang Asli (MSKOA). Program ini dahulunya dikenali dengan nama Semarak Muzium@MSKOA memberi fokus kepada keunikan sosio-budaya di belantara dalam kosmologi kehidupan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Ini kerana, masyarakat Orang Asli diketahui sebagai komuniti yang mempunyai keistimewaan dan keunikan yang tersendiri dalam kehidupan sejagat, malahan ada keunikan tersebut tidak diketahui oleh masyarakat umum pada hari ini.

Program ini telah berlangsung dari 28 hingga 29 Oktober 2023 selama 2 hari (Sabtu dan Ahad) bermula pada jam 10.00 pagi sehingga 5.00 petang bertempat Dataran Muzium Negara.













CITRA NUSA@MUZIUM KOTA KAYANG

SEMARAK UTARA: MENYEMAI PERPADUAN YANG TIADA TARA

Program Citra Nusa@Muzium Kota Kayang merupakan program yang dianjurkan Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Muzium Malaysia yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam semua lapisan masyarakat.

Program Citra Nusa@Muzium Kota Kayang yang telah diadakan dari 3 hingga 5 November 2023 merupakan program permuziuman berteraskan warisan seni dan budaya yang berkonsepkan 'karnival' atau 'fiesta' yang mensasarkan penyertaan seluruh masyarakat dari pelbagai latar belakang budaya dan kaum. Komponen utama aktiviti ialah Pameran Malaysia Tanah Airku, Program *Edutainment* dan Semarak Muzium.









PROGRAM PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

PERSIDANGAN ANTARABANGSA ICOFOM 2023 KUALA LUMPUR

Encik Shahlin bin Ali, Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelarasan (enam dari kiri) dan Puan Siti Hawiyah binti Manan, Ketua Seksyen Rujukan dan Akses (lima dari kanan) bersama para peserta dari negara ASEAN pada Workshop on the Formation of ASEAN's Archives Road to the Register of Memory of the World Committee for Asia and the Pacific (MOWCAP) di Pejabat Sekretariat ASEAN, Jakarta, Indonesia, 25 - 28 Julai 2023.



YBhg. Dato' Jaafar Sidek bin Hj. Abdul Rahman, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia (kiri) bersama sebahagian daripada ketua institusi kearkiban negara-negara Islam semasa Preliminary Meeting of The National Archives of Islamic Countries Cooperation Forum, Arsip Nasional Republik Indonesia (ANRI), 11 - 14 Julai 2023.

II. PENGANJURAN PROGRAM/AKTIVITI

A. Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2023

Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa telah diadakan pada 9 - 16 Jun 2023 di seluruh negara bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya generasi muda terhadap peranan dan kepentingan institusi arkib dan bahan sejarahnya. Pada asalnya, sambutan ini dikenali sebagai Hari Arkib Antarabangsa yang diadakan pada 9 Jun setiap tahun selaras dengan keputusan Mesyuarat Agung Tahunan International Council on Archives (ICA) pada tahun 2007. Pada 2019, Sambutan Hari Arkib Antarabangsa ditukar kepada Minggu Arkib Antarabangsa untuk memberi peluang kepada institusi arkib seluruh dunia melaksanakan program/aktiviti selama seminggu. Mengangkat tema *'Archives United'*, penganjuran sambutan oleh ANM ini juga adalah selari dengan inisiatif 'Ini Warisan Kita' yang digagaskan oleh Kementerian Perpaduan Negara dalam usaha memelihara dan melestarikan bahan arkib sebagai khazanah warisan negara di samping menyemai dan memupuk serta menyemarakkan rasa cinta kepada negara.



YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara; YBhg. Dato' Indera Noridah Abdul Rahim, Ketua Setiausaha KPN dan YBhg. Dato' Jaafar Sidek Hj. Abdul Rahman, Ketua Pengarah ANM bergambar bersama penyumbang bahan Arkib Persendirian sempena Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2023 di Auditorium Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audiovisual Negara (PPPAV), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 14 Jun 2023.

B. Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2023

Sambutan Hari Warisan Audiovisual Sedunia (World Day for Audiovisual Heritage) telah dicadangkan oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) dalam Persidangan Agung UNESCO pada tahun 2005. Tarikh yang ditetapkan untuk sambutan ini adalah pada 27 Oktober setiap tahun. Tujuan Sambutan Hari Warisan Audiovisual ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan dan risiko pemeliharaan bahan audiovisual. Mengangkat tema *'Your Window to The World'* untuk sambutan pada tahun 2023, penganjuran sambutan oleh ANM ini adalah selari dengan inisiatif 'Ini Warisan Kita' yang digagaskan oleh Kementerian Perpaduan Negara dalam usaha memelihara dan melestarikan bahan arkib sebagai warisan khazanah negara di samping menyemai dan memupuk serta menyemarakkan perpaduan melalui rasa cinta kepada negara.

Majlis Perasmian Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2023 telah diadakan pada 31 Oktober 2023 (Selasa) di Grand Ballroom, Hotel Premiera, Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara. Pada majlis ini juga diadakan Simbolik Penyerahan Koleksi Bahan Audiovisual oleh agensi kerajaan, pertubuhan dan orang perseorangan kepada ANM, iaitu:

i. Dokumentari Khas Tekad Tunku Abdul Rahman: Perpaduan Negara yang telah memenangi Anugerah *Best Historical Film di New York International Film Awards* (NYIFA) daripada Radio Televisyen Malaysia (RTM);
ii. Koleksi video korporat daripada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA);
iii. Koleksi berkaitan filem animasi dan iklan-iklan karya Encik Hassan bin Mutalib, Tokoh Anugerah Merdeka dan Sejarawan Filem; dan
iv. Koleksi Pendokumentasian & Pengkomersilan Audiovisual Digital Tapak Warisan Dunia UNESCO-MELAKA oleh Tuan Ts. Azharul Azmir bin Kamarulzaman, Pengarah World Heritage Moving Image Centre (WHMIC).

Sempena dengan Sambutan Hari Warisan Audiovisual Sedunia ini juga diadakan Wacana Ilmu bertemakan "Mengabadikan Legasi Bangsa: Pelestarian Audiovisual di Masa Hadapan" (sesi pagi) dan "Audiovisual Wadah Pendokumentasian Aspirasi Bangsa" (sesi petang). Sambutan Hari Warisan Audiovisual ini diakhiri dengan "Seminar Pelestarian Audiovisual: Warisan Khazanah Negara" yang diadakan pada 7 - 8 November 2023 di Auditorium Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audiovisual (PPPAV), ANM.



YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara (tiga dari kanan), menyempurnakan gimik perasmian Sambutan Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2023 dengan memainkan alat pemain piring hitam, gramofon di Grand Ballroom, Hotel Premiera, Kuala Lumpur, 31 Oktober 2023. Turut bersama adalah YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, KSU KPN (dua dari kiri), YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, TKSU KPN (kanan), YBhg. Dato' Jaafar Sidek bin Hj. Abdul Rahman, Ketua Pengarah ANM (dua dari kanan) dan YBhg. Tan Sri Dato' Haji Alimuddin bin Mohd. Dom, Pengerusi Lembaga Penasihat ANM (kiri).




YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara bergambar kenangan bersama tetamu kehormat dan peserta Majlis Perasmian Sambutan Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2023 di Grand Ballroom, Hotel Premiera, Kuala Lumpur, 31 Oktober 2023.


Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

Pengenalan

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) adalah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) yang bermula pada 9 Disember 2022. PNM diketuai oleh Ketua Pengarah dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah dan Ketua Bahagian. Struktur organisasi PNM terbahagi kepada tiga (3) aktiviti dan 10 subaktiviti yang diketuai oleh Ketua Pengarah seperti berikut:




Di samping itu, terdapat 20 bahagian yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Kanan dan Timbalan Pengarah sebagai ketua bahagian. Bahagian-bahagian ini menjalankan pelbagai fungsi yang berlainan ke arah mencapai objektif, visi dan misi PNM. Pada tahun 2023, PNM telah mengadakan pelbagai program untuk meningkatkan produktiviti perkhidmatan kepada rakyat Malaysia agar seiring dengan perkembangan semasa bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti setanding dengan perkhidmatan perpustakaan di negara-negara maju. Selain itu, kerjasama bersama jabatan lain juga merancakkan lagi program-program yang dilaksanakan.


RINGKASAN
PENCAPAIAN PERKHIDMATAN
PNM BAGI TAHUN 2023
KEAHLIAN PNM
11,221
KEAHLIAN U-PUSTAKA
42,538
53,759
PENGUNJUNG FIZIKAL
103,033
PENGUNJUNG DALAM TALIAN
750,267
853,300
PENGGUNA FIZIKAL
129,814
PENGGUNA DALAM TALIAN
8,542,346
8,672,160
PEMINJAMAN BAHAN FIZIKAL
245,935
PEMINJAMAN BAHAN DALAM TALIAN
307,598
553,533
BAHAN DIRUJUK FIZIKAL
133,046
BAHAN DIRUJUK DALAM TALIAN
3,979,055
4,112,101

Pencapaian

PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2023

Bersempena dengan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada tarikh 23 April setiap tahun, PNM telah melaksanakan program "Jom Baca Bersama untuk 10 Minit 2023". Program ini merupakan satu daripada kegiatan utama gerakan Dekad Membaca Kebangsaan 2020-2030 dengan slogan #MalaysiaMembaca. Program ini merupakan program kolaborasi di antara PNM dan Majlis Pengarah-pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM). Program ini merupakan simbolik kepada amalan membaca yang dicetuskan menerusi pembacaan serentak selama 10 minit di seluruh negara. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk menyokong pelaksanaan *Sustainable Development Goals* (SDG) UNESCO iaitu pembelajaran sepanjang hayat, menggalakkan minat membaca dalam kalangan komuniti setempat dan menggalakkan pembacaan walau di mana jua berada.



Para hadirin sedang membaca buku bagi sesi bacaan senyap 10 Minit.



Tetamu jemputan bersama-sama meraikan program Jom Baca Bersama 10 Minit dengan memegang plakad membaca.

KEMBARA ILMU SEMPENA SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2023

PNM telah melaksanakan Program Kembara Ilmu sempena Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2023. Program Kembara Ilmu merupakan program berkonsepkan info hunt di mana para peserta yang terlibat dalam kembara ilmu akan mengembara di beberapa lokasi terpilih bagi mendapatkan sesuatu maklumat dan petunjuk untuk menyelesaikan tugasan yang diberikan. Program ini bertujuan mempromosikan budaya membaca walau di mana berada serta memperkenalkan tempat-tempat menarik dan bersejarah di seluruh negeri. Di samping itu, program seperti ini dapat mengeratkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Peserta yang menyertai program ini juga akan didedahkan dengan kaedah pencarian maklumat yang tepat dan berkesan sebelum memulakan pengembaraan ilmu.

1. PROGRAM KEMBARA ILMU KUCHING, SARAWAK

Program Kembara Ilmu di Kuching, Sarawak telah diadakan sempena Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2023 pada 20 Mei 2023. Ia dilaksanakan dengan kolaborasi Pustaka Negeri Sarawak, Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dan Jabatan Muzium Sarawak (JMS). Seramai 74 orang peserta telah menyertai pogram ini di mana YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan sesi flag off Program Kembara Ilmu yang berlangsung di Dataran Waterfront Kuching, Sarawak. Antara lokasi pengembaraan program Kembara Ilmu di Kuching, Sarawak adalah Tugu Pahlawan, Muzium Sejarah Semulajadi, Muzium Warisan Islam dan Borneo Cultures Museum.

2. PROGRAM KEMBARA ILMU, PULAU PINANG

PNM telah mengadakan program Kembara Ilmu, Pulau Pinang pada 26 Mei 2023 dengan kerjasama daripada Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Pulau Pinang. Kembara Ilmu di Pulau Pinang telah disertai oleh seramai 100 orang peserta dan YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM telah menyempurnakan sesi flag off program yang berlangsung di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang. Antara lokasi pengembaraan di Pulau Pinang adalah Kampung Terus, Robina Eco Park dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang.











Gambar sekitar Program Kembara Ilmu Kuching, Sarawak



Gambar sekitar Program Kembara Ilmu Butterworth, Pulau Pinang

MAJLIS PELANCARAN KLIK eUSAHAWAN@PD

PNM telah berkolaborasi bersama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) untuk Majlis Pelancaran Klik eUsahawan@PD yang diadakan di Perpustakaan Desa (PD) Kampung Panching, Sungai Lembing Pahang. Program yang dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri KPN pada 13 Julai 2023 bertujuan untuk melahirkan usahawan muda dan membantu peserta menggunakan platform media sosial untuk mempromosikan produk-produk keluaran mereka. Program ini turut dilaksanakan di 506 buah PD seluruh negara secara berkala bagi melahirkan usahawan tempatan melalui pembelajaran sepanjang hayat dengan menggunakan fasiliti kemudahan PD.



YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri KPN bergambar bersama Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM dan wakil-wakil yang terlibat dalam menjayakan program ini.



YB Datuk Aaron Ago Dagang, bersama YBg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim melihat buku-buku di salah satu reruai yang ada.



YB Datuk Aaron Ago Dagang diiringi oleh kanak-kanak yang berpakaian tarian tradisional etnik Orang Asli untuk masuk ke dewan perasmian.



Antara tetamu yang hadir terdiri daripada semua golongan usia.

FESTIVAL SASTERA KANAK-KANAK (FSK) 2023

FSK 2023 telah dilaksanakan pada 23 hingga 24 Ogos 2023 di PNM berkonsepkan santai ilmu dan didik hibur yang lebih santai dan mudah diterima oleh kanak-kanak melalui perkongsian cerita, ilustrasi dan aktiviti interaktif secara fizikal. Festival ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha KPN. Tema FSK pada tahun ini adalah 'Cerita Kita, Warisan Kita', pelbagai aktiviti interaktif dan menarik yang telah diadakan antaranya;

- Bengkel/Sesi Diskusi Ilmu, Sesi Bercerita
- Aktiviti interaktif kanak-kanak bersama keluarga
- Pameran Perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia
- Pameran agensi kerajaan dan bukan kerajaan
- Jualan Buku dan Kit Pembelajaran Kanak-Kanak

Seramai 2,667 pengunjung telah hadir secara bersemuka dan dalam talian telah memanfaatkan program FSK 2023 yang berkonsepkan didik hibur ini.



Gambar-gambar aktiviti sepanjang program FSK.

PROGRAM JOM BACA@CHADAK

Pada 3 - 4 September 2023, PNM telah menganjurkan Program Jom Baca@Chadak yang telah diadakan di Kampung Chadak, Ulu Kinta, Perak. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Norihan binti Mohamed Naim, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), Kementerian Perpaduan Negara yang mewakili Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mendedahkan masyarakat orang asli kepada teknologi semasa dengan cara mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran secara praktikal serta memupuk kesedaran budaya menuntut ilmu dalam kalangan komuniti setempat.

Program ini turut memfokuskan kepada aspek pendidikan, penjagaan kesihatan dan peningkatan ekonomi, di mana ketiga-tiga aspek ini penting dalam kelangsungan hidup komuniti orang asli pada masa akan datang. Pelbagai aktiviti menarik seperti pameran agensi, sukan rakyat, pemeriksaan kesihatan, aktiviti kraftangan, jualan RAHMAH dan lain-lain telah diadakan pada program yang berlangsung selama dua (2) hari ini. Seramai 1,472 orang telah menyertai program ini yang terdiri dari komuniti setempat dan penduduk perkampungan orang asli yang berdekatan.



YBrs. Puan Norihan binti Mohamed Naim, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan KPN) menyampaikan bahan bacaan kepada Encik Leman bin Pandak, Tok Batin Kampung Chadak sebagai gimik perasmian.



YBrs. Puan Norihan binti Mohamed Naim melawat pameran agensi yang menyertai program Jom Baca@Chadak.



Aktiviti berwarna yang disertai oleh kanak-kanak dengan diteman oleh ibu bapa.



YBrs. Puan Norihan binti Mohamed Naim mencuba aktiviti mewarna kain rentang putih.

PROGRAM SEHARI BERSAMA ORANG KURANG UPAYA (OKU) PENGLIHATAN

Program Sehari Bersama Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan, dengan kerjasama Persatuan Orang-orang Buta Islam Malaysia (PERTIS) telah diadakan pada 25 September 2023 di PNM dan dirasmikan oleh YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah, PNM. Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif PNM untuk memperkaya perkhidmatan kepada rakyat Malaysia. PNM menyediakan pelbagai aktiviti dan perkhidmatan rujukan khas kepada OKU Penglihatan dan ketidakupayaan cetakan dengan memperkaya koleksi bagi mereka.

Ini sejajar dengan Pelan Strategik PNM 2019-2023 untuk meningkatkan perkhidmatan kepada semua lapisan masyarakat selain menyebarkan peranan PNM sebagai Entiti Diberi Kuasa di bawah Triti Marrakesh. Di samping itu, program ini juga bertujuan untuk menggalakkan kerjasama antara NGO dan Persatuan OKU dengan PNM, terutamanya dalam aktiviti yang berkaitan dengan golongan OKU penglihatan dan ketidakupayaan cetakan. Semua usaha ini bertujuan untuk meningkatkan koleksi, infrastruktur, dan kemudahan inklusif bagi perkhidmatan perpustakaan di Malaysia secara umumnya.



Peserta Pertandingan Membaca Braille Bahasa Melayu.



Sesi Bual Bicara Peranan Masyarakat Dalam Memperkasa OKU Penglihatan Ke Arah Masyarakat Berinformasi.



Para Pemenang Pertandingan Membaca Braille Bahasa Melayu.



Antara buku Braille dan peralatan membuat tulisan Braille yang dipamerkan.

KARNIVAL SEMARAK JAWI@PAHANG 2023

Karnival Semarak Jawi@Pahang 2023 telah berlangsung selama dua (2) hari pada 7 – 8 Oktober 2023 di Kuantan Parade, Kuantan, Pahang. Ia merupakan program signature Pembudayaan Tulisan Jawi PNM. Karnival ini telah dilaksanakan oleh PNM dengan kerjasama Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang. Hari Bersama Pelanggan turut diadakan bersekali dengan karnival ini oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. Majlis Perasmian Karnival Semarak Jawi@Pahang telah disempurnakan oleh Yang Hormat Dato' Ahmad Hairi bin Hussain, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.

Karnival Semarak Jawi ini bertujuan untuk memperkasa pembudayaan tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat, mendekatkan masyarakat kepada budaya penulisan dan penggunaan tulisan Jawi, mendedahkan masyarakat dengan inovasi terkini tulisan Jawi serta memasyarakatkan budaya membaca terutama dalam komuniti tempatan.



Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Yang Hormat Dato' Ahmad Hairi bin Hussain, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.



YBrs. Prof. Madya Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz, Pensyarah Universiti Putra Malaysia dan YBrs. Dr. Asmadi bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MUIP membicarakan berkenaan tulisan Jawi dalam segmen Bicara Jawi: Warisan Kegemilangan Bangsa.



Seorang pegawai sedang menerangkan perkhidmatan PNM kepada pengunjung.



Manuskrip Hang Tuah adalah antara manuskrip yang dipamerkan sepanjang program dijalankan.

PROGRAM SANGGAR PUISI 2023: RIMA MENGIKUT SUKMA

Sanggar Puisi 2023: Rima Mengikat Sukma merupakan program yang bertujuan untuk menyemarak dan membugarkan budaya membaca menerusi wahana sastera dan budaya. Genre puisi dipilih kerana puisi merupakan wadah bagi pembentukan identiti, budaya dan jati diri bagi sesuatu bangsa. Dalam konteks ini KPN telah mengangkat puisi sebagai elemen dalam memupuk perpaduan. Di samping itu, ia satu usaha tuntas yang bukan sahaja memelihara cabang kesusasteraan malahan berupaya mempromosi puisi sebagai alat perpaduan dan silaturahim dalam keluarga MADANI.

Hasrat ini telah diterjemahkan melalui usaha yang dimanifestasikan oleh PNM menerusi program Sanggar Puisi 2023: Rima Mengikat Sukma yang telah diadakan pada 17 Oktober 2023. Program ini diadakan di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan dirasmikan oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha, KPN. Program ini menyokong agenda inisiatif 'Ini Warisan Kita – Melestarikan Perpaduan' di bawah KPN melalui pelaksanaan pelbagai program bagi melestari dan menyemarakkan perpaduan, warisan sejarah, kebudayaan dan kesenian. Program ini turut dihasratkan untuk mengikat kesatuan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, adat dan budaya sebagai pemangkin dalam menyemarakkan rasa cinta, kekitaan dan kesepunyaan dalam kalangan khalayak umum. Inisiatif ini mampu memberi impak yang besar dan sekali gus dapat melahirkan masyarakat MADANI yang beracuankan Malaysia.



YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha, KPN sedang memberi ucapan perasmian. Majlis Program Sanggar Puisi 2023: Rima Mengikat Sukma.



Antara pameran yang dipamerkan semasa program



Deklamasi Puisi yang disampaikan oleh YBrs. Dr. Lim Swee Tin.



Peserta Pertandingan Mendeklamasi Puisi 2023 Peringkat Sekolah Menengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)

Pengenalan

Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) adalah sebuah entiti milik penuh kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Perpaduan Negara. YSS dilancarkan pada tahun 2012 melalui Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang dulu dikenali sebagai Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan dipindahkan fungsi ke Kementerian Perpaduan Negara pada 3 Disember 2022. YSS komited untuk membudayakan kesukarelawanan melalui perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sejak penubuhan pada 2012, YSS telah menjayakan 60 misi kesukarelawanan berimpak tinggi sebagai program teras yang dijalankan terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak serta negara-negara di Asia Tenggara seperti Indonesia, Lao PDR dan Vietnam. YSS juga menjalankan projek-projek yang melibatkan komuniti bersama-sama rakan kerjasama strategik YSS dengan mensasarkan penerima manfaat dalam kalangan golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) dan lain-lain golongan yang kurang bernasib baik.

1,796 Sukarelawan Siswa telah dilatih sehingga kini melalui persekitaran yang inklusif dan imersif apabila sukarelawan makan, tinggal dan duduk bersama penduduk tempatan melalui pembelajaran berdasarkan pengalaman ketika menjalani misi. Sebagai Alumni, mereka mendapat akses kepada peluang yang berterusan untuk membentuk diri menjadi individu serba boleh seterusnya memimpin komuniti setempat.

Tema 'Kesukarelawanan Tunjang Perpaduan', mencerminkan aspirasi YSS dalam membangunkan mahasiswa yang holistik dan seimbang yang sentiasa bermotivasi untuk melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan untuk kebaikan sejagat. YSS juga berhasrat melahirkan belia yang prihatin, bertanggungjawab dan empati terhadap isu kemanusiaan domestik dan global.

VISI

Menjadi hab global kepimpinan sukarelawan siswa ke arah perpaduan negara

MISI

Menjadi pusat kecemerlangan kepimpinan sukarelawan bagi mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi dan komuniti dalam memupuk perpaduan negara dan kelestarian

Matlamat

Dalam usaha untuk menjadi hab global kepimpinan sukarelawan siswa, YSS juga bertujuan untuk mencapai matlamat seperti berikut;

Pemimpin Sukarelawan Yang Berimpak Tinggi

Untuk melahirkan pemimpin sukarelawan siswa melalui pembelajaran berdasarkan pengalaman yang berimpak tinggi

Perpaduan Negara

Untuk mencapai perpaduan negara melalui kesukarelawanan

Kerjasama Strategik

Untuk menggiatkan usaha kerjasama strategik dengan badan awam dan korporat untuk pembangunan negara

Pengantarabangsaan

Untuk mengukuhkan jaringan dengan organisasi kesukarelawanan antarabangsa

NILAI

Akronim

I.M.M.E.R.S.E

I - *Inclusiveness* / **Keterangkuman**
M - *Mutual* / **Kebersamaan**
M - *Meaningful* / **Bermakna**
E - *Empowerment* / **Pemerkasaan**
R - *Right Volunteer for the Right Job* / **Sukarelawan yang Tepat untuk Tugas yang Tepat**
S - *Sustainability* / **Keberlangsungan**
E - *Exemplary* / **Teladan**

TERAS KESUKARELAWANAN YSS

Kesemua projek YSS adalah berdasarkan 6 Teras Kesukarelawan YSS yang mendukung Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN SDG). Semua projek dan aktiviti dilaksanakan bersama-sama komuniti tempatan yang tinggal di kawasan lokasi projek, pihak berkuasa tempatan serta melalui sokongan rakan kerjasama strategik YSS di Malaysia dan juga luar negara.

TERAS 1: PERPADUAN DAN PEMERKASAAN KOMUNITI

Teras ini memfokuskan pelbagai projek yang meliputi penambahbaikan taraf hidup komuniti, bukan sahaja kerja penambahbaikan infrastruktur komuniti tetapi juga menambahbaik kualiti hidup komuniti tempatan dari segi emosi dan juga ekonomi.

TERAS 2: PENAMBAHBAIKAN PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI

Teras ini memfokuskan program pendidikan untuk murid sekolah dan pelajar Institusi Pendidikan Tinggi. Program yang dijalankan juga termasuk program pembangunan kapasiti yang berfokus untuk melatih belia dengan kemahiran yang relevan dan kesedaran mengenai isu global.

TERAS 3: KETAHANAN TERHADAP IMPAK PERUBAHAN IKLIM DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Teras ini memfokuskan program pendidikan mengenai iklim termasuk program kesedaran dan pembangunan kapasiti untuk menghadapi kesan perubahan iklim dan usaha ke arah kelestarian alam sekitar melalui gerakan setempat.

TERAS 4: KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN

Teras ini memfokuskan penambahbaikan tahap kesihatan serta mengekalkan kesejahteraan komuniti. Program dibawah teras ini dijalankan bergandingan bersama Kementerian Kesihatan serta NGO kesihatan untuk melaksanakan program kesedaran penyakit berjangkit serta program-program membudayakan gaya hidup sihat termasuk kesejahteraan mental.

TERAS 5: TRANSFORMASI DIGITAL

Teras ini memfokuskan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (S.T.E.A.M) untuk komuniti termasuk projek yang bertujuan untuk menaiktaraf amalan tradisional kepada digital serta membentuk komuniti celik IT yang bersedia untuk masa depan.

TERAS 6: MOBILISASI IMPAK SOSIAL

Mobilisasi Impak Sosial merupakan teras YSS yang berfokuskan untuk menggalakkan komuniti yang mampu untuk menyara kehidupan sendiri melalui latihan pemerkasaan komuniti tempatan dengan aktiviti keusahawanan. Projek termasuk penjenamaan atau memperbaiki status perniagaan tempatan untuk menjana lebih pendapatan dan pembangunan kapasiti komuniti untuk kelestarian lokaliti tersebut.

Pencapaian

1. PROGRAM INI WARISAN KITA: MISI SUKARELAWAN SISWA KE SABAH 2023

Seramai 94 orang Pemimpin Sukarelawan Siswa dari pelbagai Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menyertai Program Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah 2023 pada 1 hingga 18 September 2023. Sukarelawan Siswa telah dihantar ke enam Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Daerah Kudat (KRT Limbuak dan KRT Terongkongan Laut), Kota Marudu (KRT Pangkalan Bandau dan KRT Singgahmata), dan Papar (KRT BiPiSi dan KRT Seri Serbang). Sebanyak 153 aktiviti telah dilaksanakan dan memberikan manfaat kepada 11,572 penduduk kampung dan warga sekolah.






2. PROGRAM INI WARISAN KITA: MISI SUKARELAWAN SISWA KE SARAWAK 2023

Seramai 95 orang Pemimpin Sukarelawan Siswa dari pelbagai Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menyertai Program Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa ke Sarawak 2023 pada 3 hingga 19 November 2023. Sukarelawan siswa telah dihantar ke enam lokasi iaitu Kampung Sungai Maong (Kuching), Nanga Machan (Kanowit), Kampung Daha (Serian), Ba'akelalan (Lawas), Long Laput (Telang Usan) dan Long Kevok (Telang Usan). Sebanyak 177 aktiviti telah dijalankan dan memberikan manfaat kepada 5,555 penduduk kampung dan warga sekolah.






3. PERSIDANGAN INTERNATIONAL VOLUNTEER COOPERATION ORGANIZATIONS (IVCO) MALAYSIA 2023

Tema: 'Generasi Baru Sukarelawan Sebagai Pemangkin Perubahan'

Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dengan kerjasama International Forum for Volunteering in Development (Forum) telah menganjurkan Persidangan International Volunteers Cooperation Organisation (IVCO) pada 22 - 26 Oktober 2023 di Aloft Kuala Lumpur Sentral. Persidangan ini telah menghimpunkan pemimpin agensi-agensi kesukarelawanan antarabangsa dan organisasi dari seluruh dunia untuk mengupas lanjut mengenai tema persidangan 'Generasi Baru Sukarelawan Sebagai Pemangkin Perubahan. Ucaptama IVCO 2023 telah disempurnakan oleh DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Pemangku Raja Perlis.

IVCO 2023 di Kuala Lumpur menandakan kali pertama setelah lebih sedekad persidangan berprestij ini berlangsung di Asia Tenggara. Persidangan ini bertujuan untuk mencapai beberapa objektif utama:

- Memahami kepentingan generasi baharu sukarelawan dan peranan mereka dalam kesukarelawanan dalam pembangunan
- Menghubungkan cara pembangunan dan pelaksanaan program agar sesuai dengan keperluan generasi baharu sukarelawan sekaligus menggalakkan penyertaan dan kepimpinan sukarelawan belia
- Merancang pendekatan kolektif dengan golongan muda untuk bersedia dan menangani cabaran pembangunan yang akan datang

IVCO 2023 menghasilkan 'Kuala Lumpur Call to Action' sekaligus bersama laporan penuh persidangan pada awal tahun hadapan bagi menunjukkan komitmen dalam menyediakan ruang yang membolehkan belia untuk memimpin dan membentuk impak.

180 PESERTA	68 ORGANISASI	51 NEGARA







4. PROGRAM IQRA *TH* PLUS - TUISYEN KAMI YSS

Program IQRA TH Plus - Tuisyen KAMI merupakan anjuran Yayasan Sukarelawan Siswa dan Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Lembaga Tabung Haji untuk memberikan kelas tuisyen percuma kepada pelajar Asnaf dan menyediakan Bengkel Teknik Menjawab Soalan SPM kepada calon SPM dari SMK Gombak Setia, Selangor; SMK Dato' Onn, Johor; SMKA Al-Irshad, Pulau Pinang; SMK Lajau, Wilayah Persekutuan Labuan; dan SMK Sentul Utama, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 2023/2024.

684
CALON SPM

484
PELAJAR ASNAF

10
BENGKEL TEKNIK MENJAWAB SOALAN SPM





5. PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI KOMUNITI SABAH 2023/2024

Program Pembangunan Ekonomi Komuniti Sabah 2023 anjuran Yayasan Sukarelawan Siswa dengan kerjasama Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera dan UiTM Cawangan Sabah merupakan program yang memberikan latihan keusahawanan merangkumi pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan, etika perniagaan dan pemasaran selama 6 bulan kepada peserta dan seterusnya akan dipantau dalam tempoh 6 bulan lagi untuk memastikan perniagaan semua peserta berdaya saing dan berdaya maju.

360
USAHAWAN

5 DAERAH
PULAU BANGGI, MATUNGGONG, KUNDASANG, SOOK DAN SEMPORNA






6. FESTIVAL ARENA UNITI

Yayasan Sukarelawan Siswa mempromosikan perpaduan menerusi aktiviti sukan melalui pelaksanaan aktiviti Festival Arena Uniti di seluruh Malaysia sepanjang tahun 2023. Festival ini telah menarik minat 95,000 peserta untuk acara larian dan berbasikal dan juga mendapat sambutan daripada 917 mahasiswa untuk acara pertandingan sukan (Bola Keranjang, Bola Tampar, Bola Jaring dan Futsal) antara Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia mengikut Zon merangkumi Zon Utara, Zon Timur, Zon Selatan, Zon Tengah, Zon Sarawak & Zon Sabah.






7. KARNIVAL SAMA-SAMA KITA

Karnival Sama-Sama Kita telah menarik perhatian 20,000 peserta untuk acara larian dan berbasikal yang diadakan di Dataran Wawasan, Putrajaya. Yayasan Sukarelawan Siswa dan Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Jom Run telah mengadakan karnival tersebut pada 23 dab 24 Disember 2023. Karnival ini juga telah mendapat pengiktirafan daripada The Malaysia Book of Records dengan pencapaian "*Most Participants in a "*MADANI *Logo" Formation*".





8. PROGRAM PENANAMAN POKOK BERSAMA UMW DAN AEON

Inisiatif Program Penanaman Pokok anjuran UMW Holding Berhad dan Yayasan AEON dengan kerjasama Yayasan Sukarelawan Siswa berjaya menanam 3,000 pokok bakau dengan penglibatan 610 sukarelawan siswa yang diadakan sepanjang tahun 2023 di Sungai Acheh, Nibong Tebal, Pulau Pinang; Pusat Penyelidikan Kecil Hutan Paya Laut, Parit Buntar, Perak; dan Stesen Penyelidikan FRIM, Bidor, Perak.





9. PROGRAM YSS - AEON CSR COASTAL CLEAN UP COMMUNITY

Program YSS - AEON CSR Coastal Clean Up Community anjuran Yayasan AEON dan Yayasan Sukarelawan Siswa melibatkan 640 sukarelawan untuk aktiviti pembersihan pantai pada bulan Ogos dan September 2023. Program ini telah memberikan manfaat kepada pengunjung dan penduduk sekitar Pantai Cempaka, Kuantan, Pahang; Pantai Tanjung Balau, Desaru, Johor; Pantai Kampung Santubong, Kuching, Sarawak; Pantai Bersih, Butterworth, Pulau Pinang; Pantai Bagan Lalang, Sepang, Selangor; dan Pantai ODEC UMS, Kota Kinabalu, Sabah untuk menikmati kawasan pantai yang bersih dan menyumbang kepada ekosistem pelancongan negara. Sebanyak 4 tan sampah telah dikutip sepanjang program tersebut dan 1.2 tan sampah terdiri daripada bahan yang boleh dikitar semula.





10. SINCERELY SETIA, #VOLUNTEERWEEKEND

300 penduduk Orang Asli di Kampung Bukit Tampoi dan Kampung Kolam Air Bangkong telah melibatkan diri dalam Program Sincerely Setia, #VolunteerWeekend anjuran Setia Foundation dengan kerjasama Yayasan Sukarelawan Siswa, Jabatan Kemajuan Orang Asli dan Institut Jurutera Malaysia pada 18 dan 19 Mac 2023 di Sekolah Kebangsaan Bukit Tampoi. Antara aktiviti yang diadakan ialah Forum Bicara Komuniti, Back to School, Slot Perkongsian Kepentingan Bidang Kejuruteraan dan Karnival Rakyat dengan penglibatan seramai 108 sukarelawan daripada korporat dan pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia.





11. MISI BANTUAN PASCA BANJIR

YSS juga aktif dalam menjalankan Misi Bantuan Pasca Banjir dengan mengagihkan bakul rahmah melalui program jalinan kerjasama dengan Kementerian Perpaduan Negara dalam usaha membantu meringankan beban penduduk yang terkesan dengan banjir. YSS juga membantu untuk membersihkan kawasan perumahan dan sekolah yang terkesan dengan banjir sepanjang tahun 2023.

900
BAKUL RAHMAH

- **BUKIT PAYONG DAN KUALA NERUS, TERENGGANU**
- **NIBONG TEBAL, PULAU PINANG**
- **PARIT SULONG DAN YONG PENG, JOHOR**





Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR)

Pengenalan

Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) telah ditubuhkan melalui Akta Parlimen pada tahun 1966 sebagai tanda penghormatan kepada Perdana Menteri pertama iaitu Almarhum Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj – Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia. YTAR beroperasi sepenuhnya atas pembiayaan swasta dan memegang status pengecualian cukai. Seperti yang diamanatkan oleh akta, YTAR kini berada di bawah naungan Kementerian Perpaduan Negara.

YTAR ditubuhkan dengan misi untuk menyokong belia melanjutkan pelajaran tinggi. Pada awalnya YTAR memberi pinjaman bernilai sehingga RM20 juta untuk menyokong misi tersebut. Pada tahun 2006, sebuah program biasiswa ijazah bagi belia berpotensi tinggi iaitu Biasiswa Tunku Abdul Rahman (BTAR) diperkenalkan.

Mulai tahun 2019, YTAR telah merombak visinya untuk membina masyarakat Malaysia yang maju, saksama dan inklusif di mana setiap individu mempunyai peluang untuk mencapai potensi mereka dan menyumbang kepada negara. Untuk mencapai visi ini, YTAR fokus terhadap pemerkasaan golongan belia yang berpotensi tinggi tetapi kurang diwakili seperti golongan berpendapatan rendah untuk membentuk masa depan diri sendiri, masyarakat dan Malaysia.

YTAR komited untuk menyokong golongan belia melalui tiga (3) fasa kehidupan:

FASA 1: PERALIHAN KE PENDIDIKAN TINGGI

YTAR menyerap program Closing The Gap (CTG), sebuah program mentoring untuk membimbing pelajar sekolah menengah berpendapatan rendah dan berpotensi tinggi, digelar CTG Scholars, untuk mencapai aspirasi melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara.

FASA 2: KEJAYAAN DALAM PERINGKAT PENDIDIKAN TINGGI

YTAR telah merombak Biasiswa Tunku Abdul Rahman (BTAR) sebagai program biasiswa holistik yang menggunakan pendekatan penilaian menyeluruh di mana latar belakang, cabaran dan keadaan kehidupan calon turut diambil kira.

Selain itu, program pembangunan kepimpinan berstruktur dua tahun diperkenalkan bagi melengkapkan penerima BTAR, digelar Tunku Scholars, dengan kemahiran, nilai dan penetapan minda yang diperlukan untuk menjadi pemimpin masa depan dan negara.

FASA 3: KEJAYAAN DALAM ALAM PEKERJAAN DAN MASYARAKAT

YTAR memperkenalkan inisiatif seperti program FutureReady, kolaborasi bersama Accenture Malaysia. Program FutureReady menyediakan program kebolehpasaran. Selain itu, FutureReady juga memberi fokus kepada penajaan pendidikan vokasional bagi meningkatkan keupayaan golongan belia untuk berjaya dalam masyarakat.

Dasar yang Dilaksanakan

Dalam usahasama untuk memberi impak positif kepada belia Malaysia, Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) mempunyai visi dan misi tersendiri.

VISI

Membangunkan masyarakat Malaysia yang berdaya saing, saksama dan inklusif di mana setiap rakyatnya mampu mencapai potensi sebenar mereka untuk diri sendiri dan negara.

MISI

Melaksanakan visi kami dengan memperkasakan belia-belia yang berpotensi tinggi dan berkelayakan dengan kemahiran, sumber dan daya saing untuk membentuk masa depan yang lebih baik untuk diri mereka sendiri, masyarakat dan Malaysia.

Dasar YTAR bertanjakan tiga fokus utama iaitu:

i. PEMBERIAN BIASISWA DAN BANTUAN KEWANGAN

YTAR ingin membantu pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi dan menyediakan mereka dengan kemahiran, penetapan minda, nilai dan sumber untuk mencapai potensi mereka.

ii. PEMBANGUNAN BAKAT DAN KEPIMPINAN

YTAR menyediakan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan penetapan minda untuk berjaya dalam pelajaran tinggi dan membangun diri sebagai pemimpin muda komuniti sendiri.

iii. PEMBINA KOMUNITI PENYAYANG BERNILAI MURNI

YTAR yakin dan percaya dengan membina komuniti peserta dan alumni YTAR yang pelbagai, penyayang dan berpegang teguh kepada nilai-nilai yang diilhamkan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman komuniti tersebut turut bersedia untuk berkhidmat bukan sahaja kepada komuniti YTAR, tetapi untuk masyarakat awam.

CLOSING THE GAP (CTG)

Sebahagian daripada inisiatif di Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) adalah memastikan para belia menerima bimbingan sepenuhnya apabila beralih ke alam pengajian tinggi. Closing The Gap (CTG) adalah program yang membantu peralihan tersebut dengan memastikan pelajar-pelajar daripada golongan yang kurang diwakili menghadapi cabaran untuk mengakses pendidikan tinggi.

Sebagai program bebas pada mulanya, Closing The Gap (CTG) diserapkan ke dalam YTAR pada tahun 2019 untuk merapatkan jurang akses ke pendidikan tinggi. Program CTG menyokong pelajar-pelajar sekolah menengah berpendapatan rendah melalui bimbingan berstruktur, bengkel dan pendedahan yang melengkapkan mereka dengan pemikiran, kemahiran dan pengetahuan untuk mencapai aspirasi pendidikan tinggi.

Dengan menggunakan modal dimana YTAR membantu pelajar-pelajar dibawah tajaan YTAR mencapai potensi sebenar mereka melalui bimbingan mentor, bengkel, kem simulasi kediaman universiti, dan bimbingan kerjaya. Setiap pelajar tajaan YTAR perlu melalui satu program khas selama dua hingga tiga tahun yang terbahagi kepada empat fasa. Program intervensi berstruktur jangka panjang ini memastikan pelajar tajaan kami menerima sokongan terkhusus yang penting bagi perkembangan diri mereka serta menyediakan mereka untuk berjaya di universiti kelak.



96 orang Closing The Gap Scholar



Closing The Gap Scholar melakukan eksperimen di Kem Residensi

BIASISWA TUNKU ABDUL RAHMAN (BTAR)

Program Biasiswa Tunku Abdul Rahman (BTAR) yang merupakan biasiswa holistik Ijazah Sarjana Muda yang terbuka kepada semua warganegara Malaysia - terutamanya belia dari komuniti yang kurang diwakili dan komited untuk menyumbang kepada Malaysia. Melalui pemilihan holistik yang mengutamakan kepelbagaian dan cabaran kehidupan pelajar, program pembangunan kepimpinan dan pakej elaun yang komprehensif, BTAR memperkasa Tunku Scholars untuk berjaya di universiti dan merealisasi masa depan yang diimpikan untuk sendiri dan negara Malaysia.

Biasiswa Tunku Abdul Rahman berasaskan dan dibina atas tiga (3) tunjang utama.

i. pendekatan inklusif biasiswa ini memberi penekanan untuk mengenal pasti, memilih dan memperkasakan pelajar yang berasal daripada pelbagai latar belakang di Malaysia, terutamanya mereka yang daripada komuniti kurang bernasib baik untuk membentuk komuniti pemegang biasiswa Tunku yang bersatu-padu;
ii. elaun komprehensif biasiswa ini menyediakan sokongan penuh merangkumi yuran pengajian, elaun bulanan dan tahunan untuk mengurangkan sekatan kepada pelajar dan memastikan pelajar untuk terus maju di university;dan
iii. pembangunan holistik dimana pemegang biasiswa akan menjalani program pembangunan kepimpinan selama 2 tahun untuk mempersiapkan diri sebagai duta bagi nilai kami dan berkhidmat kepada Malaysia.

Dari segi sokongan kewangan, BTAR menyediakan sembilan jenis elaun iaitu tajaan yuran universiti sepenuhnya, elaun sara hidup, elaun buku, elaun kertas projek, elaun komputer riba, elaun pakaian formal, elaun tiket penerbangan, kos tesis dan akhirnya dana pembangunan dan perkembangan diri.

Selain daripada elaun, BTAR juga memberi tumpuan kepada pembangunan holistik dan kecemerlangan berasaskan nilai dalam pengalaman, penerima Biasiswa Tunku Abdul Rahman akan menjalani program kepimpinan selama 2 tahun untuk memulakan perubahan sebagai pemimpin muda dalam komuniti dan negara.

Pemohon Biasiswa Tunku Abdul Rahman juga boleh memohon biasiswa ini dengan kerjasama rakan kongsi kami dari universiti swasta dan juga rakan korporat. Biasiswa rakan kongsi termasuklah Biasiswa AHAM - YTAR, Biasiswa Towards Inclusion and Equity (TIE) - YTAR bekerjasama dengan Asia Philanthropy Circle, Biasiswa Yayasan Universiti Teknologi PETRONAS (YUTP) - YTAR, Biasiswa Yayasan Universiti Multimedia (YUM) - YTAR, Biasiswa Universiti Nottingham Malaysia (UNM) - YTAR, dan Biasiswa Heriot-Watt University Malaysia (HWUM) - YTAR.



Tunku Scholars berkumpul untuk Kem Induksi



Semangat perpaduan daripada Tunku Scholars

FutureReady

Program ini memperkasa golongan belia daripada komuniti yang kurang diwakili untuk berjaya dalam alam pekerjaan yang kompetitif. Dengan kerjasama Accenture Malaysia, FutureReady meningkatkan kemahiran pelajar supaya dapat menjamin kerjaya yang unggul dalam industri perkhidmatan profesional. Program FutureReady direka untuk menyokong pelajar dalam mengasah kemahiran profesional melalui bengkel, bimbingan mentor dan membentangkan pelan penyelesaian.

FutureReady adalah sebuah program intensif selama tiga (3) bulan yang perlu dilalui oleh para peserta merangkumi tiga (3) bengkel secara fizikal bagi memastikan para peserta bersedia menghadapi segala cabaran di masa hadapan. Para peserta akan melalui tiga (3) aspek iaitu mengetahui cara menganalisis, berinovasi, berkomunikasi dan menyelesaikan masalah, seterusnya membina rangkaian lebih luas dengan menghadiri bengkel dan kem untuk belajar, berkongsi dan berhubung dengan para pelajar dan juga pekerja profesional. Akhir sekali, mengambil langkah kehadapan dengan memenangi hadiah, menerima bimbingan dan juga peluang pekerjaan oleh penganjur.



Peserta FutureReady bersama Accenture Malaysia di Final Pitch



Peserta FutureReady memberi pembentangan di FutureReady 3.0 Finale Conference

ANUGERAH PINGAT TUNKU (APT)

Anugerah Pingat Tunku (APT) ini telah dilaksanakan sejak tahun 1979 dan dianugerahkan setiap tahun kepada graduan universiti awam yang cemerlang dan yang menampilkan ciri-ciri kepimpinan serta nilai-nilai murni Bapa Kemerdekaan (Almarhum Tunku Abdul Rahman). Penerima APT dipilih melalui ciri holistik dimana graduan menunjukan kemampuan mereka untuk memimpin, memberi inspirasi kepada masyarakat dan menggerakkan perubahan untuk komuniti serta negara Malaysia.

Para penerima Anugerah Pingat Tunku (APT) mempunyai semangat Tunku Abdul Rahman apabila menunjukkan komitmen tinggi dalam membina Malaysia yang lebih progresif, inklusif dan bersatu. Penerima APT menggunakan pembiayaan geran yang dimenangi untuk memperkasakan komuniti melalui pelbagai inisiatif positif. Selain daripada projek komuniti, pemenang APT juga turut memberi sokongan kepada program- program anjuran YTAR sebagai mentor dan memberi bimbingan kepada penerima Biasiswa Tunku Abdul Rahman dan juga pelajar sekolah menengah melalui program Closing The Gap.



Durra, penerima anugerah emas APT



Penerima APT bersama YBM Aaron Ago Dagang, KSU Datuk Azman bin Mohd Yusuf, Datin Sri Sharifah Menyalara Hussein dan Ida Thien

Pencapaian Positif Program Utama YTAR

Sepanjang empat program utama YTAR dilaksanakan pada tahun 2023, YTAR telah menerima jumlah peserta, penerima biasiswa dan juga penerima anugerah dalam bilangan yang positif.

- **Program Closing The Gap 2023:** seramai 96 penerima telah berjaya ditawarkan program ini;
- **Biasiswa Tunku Abdul Rahman:** seramai 26 orang penerima yang terdiri daripada pelajar universiti awam dan juga universiti swasta termasuklah penerima Biasiswa Rakan Kongsi;
- **FutureReady:** seramai 40 pelajar daripada sekitar universiti di Malaysia menjadi peserta program ini dan memberi komitmen sepenuhnya selama 3 bulan yang amat produktif
- **Anugerah Pingat Tunku:** seramai 3 orang penerima APT telah diberikan geran pembiayaan untuk melaksanakan projek komuniti.

SAMBUTAN ULANG TAHUN YTAR KE-57

Pada tahun 2023, Yayasan Tunku Abdul Rahman telah menyambut ulang tahun yang ke-57 sejak tahun 1966. Selaras dengan sambutan tersebut, YTAR menyambut ulang tahun yang ke-57 dengan meraikan para penyumbang kepada legasi Tunku Abdul Rahman sepanjang 57 tahun yang lepas. Majlis minum petang yang dihadiri lebih 150 orang terdiri daripada lembaga pemegang amanah, rakan kongsi korporat dan universiti, rakan korporat yang berpotensi dan penerima biasiswa serta para penyumbang kepada YTAR secara langsung ataupun tidak langsung.

Majlis yang bertemakan *Legacy Remembered; Hope Renewed* melambangkan legasi yang telah ditinggalkan oleh Tunku Abdul Rahman masih segar digunakan sebagai tunjang harapan baru kepada belia, masyarakat dan juga negara Malaysia. Sambutan ini menyaksikan beberapa detik yang bermakna termasuklah perkongsian daripada Closing The Gap Scholar, Bernie dan juga Tunku Scholar, Razman yang menceritakan impak YTAR terhadap kehidupan mereka bukan sahaja dari segi individu tetapi juga dari segi keluarga. Yayasan Tunku Abdul Rahman telah menyokong lebih daripada 9,000 belia melalui biasiswa, pinjaman, bantuan kewangan, program bimbingan akses pendidikan tinggi, anugerah dan program kebolehpasaran. Alumni kami berada di setiap pelosok Malaysia dengan misi untuk memberi impak di dalam pelbagai sektor seperti pendidikan, perniagaan, sektor kesihatan, teknologi dan juga seni.

Dalam majlis yang sama,buat julung kalinya turut diadakan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) antara YTAR dan rakan startegik iaitu Yayasan OSK bagi program Closing The Gap dan MOU bersama Asia Philanthropy Circle, AHAM Asset Management Berhad, Yayasan Universiti Teknologi PETRONAS, Heriot-Watt University Malaysia, University of Nottingham Malaysia dan Yayasan Universiti Multimedia bagi Biasiswa Tunku Abdul Rahman dan Accenture Malaysia bagi program FutureReady.



Rakan Kongsi YTAR



Ucapan Utama oleh Ketua Eksekutif YTAR, Ida Thien

Yayasan Tun Razak (YTR)

Pengenalan

Yayasan Tun Razak (YTR) telah ditubuhkan pada tahun 1976 di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976 (Akta 178) bagi mengenang jasa-jasa Allahyarham Tun Abdul Razak yang begitu banyak kepada agama, bangsa dan negara.

Sebagai Badan Berkanun Persekutuan (BBP), YTR diletakkan di bawah seliaan Kementerian Kewangan sejak penubuhannya. Pada tahun 2023, YTR telah diletak di bawah Kementerian Perpaduan Negara. YTR dikategorikan sebagai agensi biaya sendiri kerana aktiviti serta pengurusan dibiayai melalui pendapatan janaan sendiri. YTR juga tidak dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan.

Objektif Penubuhan

i. Mengekalkan nama baik Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak;
ii. Mencapai hasrat dan mengekalkan jasa baik Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak;
iii. Menanam dan menggalakkan saling persefahaman antara kumpulan-kumpulan kaum dan manusia;
iv. Menggalakkan keamanan dan persefahaman antara bangsa-bangsa; dan
v. Memperbaiki standard pelajaran dalam semua lapangan dan untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat.

Aktiviti

Fokus utama aktiviti YTR adalah pembangunan modal insan dan dalam masa yang sama mengenang Tun Abdul Razak sebagai negarawan ulung.

PROGRAM KEPIMPINAN TUN RAZAK (PKTR)

Program yang diadakan sejak 1993 ini mengambil inspirasi daripada ciri kepimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak yang terkenal sebagai pemimpin bijak mengenalpasti bakat muda berkebolehan sebagai pemimpin masa depan.

PKTR kali ke 28 telah diadakan pada 13-25 Jun 2023 di Kuala Lumpur dan Melaka. Pelajar cemerlang lepasan SPM pelbagai kaum dipilih melalui temuduga setelah dicalonkan oleh sekolah masing-masing. Selama 2 minggu peserta berpeluang berdiskusi dengan pemimpin politik, korporat dan usahawan dan professional muda, selain menyelesaikan beberapa projek kemasyarakatan.





Peserta berpeluang bersama YAB Timbalan Perdana Menteri dan YB Menteri Perpaduan




Antara pengisian modul perpaduan dan inisiatif sosial



Majlis Penutup PKTR di Grand Hyatt Kuala Lumpur

AKTVITI MEMPERINGATI NEGARAWAN TUN ABDUL RAZAK - BAPA PEMBANGUNAN

Bicara Negarawan Tun Abdul Razak sempena Minggu Perpaduan Nasional

Tarikh : 24 Mei 2023
Panel : Tan Sri Leonard Linggi Tun Jugah & Prof. Dr Mohd Samsudin (UKM)
Penyertaan : 350 Mahasiswa & Pelajar Tingkatan 4

Bicara Citra Merdeka 'Tun Abdul Razak Bapa Pembangunan' sempena sambutan Hari Malaysia

Tarikh : 20 September 2023
Panel : Tan Sri Harris Salleh & Dato' Dr Ramzah Dambul
Penyertaan : 300 Mahasiswa IPT





Majlis Bicara Negarawan Tun Abdul Razak diadakan di Borneo Cultures Museum Kuching dan Le Meridien Kota Kinabalu dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia.

ANUGERAH TUN RAZAK BAGI GRADUAN TERBAIK UNIVERSITI

Bagi memupuk budaya kecemerlangan di kalangan mahasiswa universiti serta memperingati Tun Abdul Razak sebagai tokoh utama merencanakan perkembangan pendidikan tinggi negara, Anugerah Tun Abdul Razak bagi graduan terbaik diteruskan pada tahun 2023 dengan 3 penerima seperti berikut :

i. Keng Qing Le (Universiti Sains Malaysia)
ii. Sharifah Umairah Syed Mustaffa (Universiti Kebangsaan Malaysia)
iii. Nur Fatihah Ahmad (Universiti Putra Malaysia)

Setiap pemenang menerima wang tunai RM5,000 dan pingat.



DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj menyampaikan Anugerah Tun Abdul Razak kepada Nur Fatihah Ahmad di Majlis Konvokesyen UPM.



DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir menyampaikan Anugerah Tun Abdul Razak kepada Sharifah Umairah Syed Mustaffa di Majlis Konvokesyen UKM.

RINGKASAN KEWANGAN
&
KERATAN AKHBAR











RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN DUA (2) TAHUN (2022-2023)

KOMPONEN PENYATA KEWANGAN	2023 RM	2022 RM
Aset Semasa	13,497,629	615,488
Aset Bukan Semasa	2,671,392,898	191,627,948
Jumlah Aset	**2,684,890,527**	**192,243,436**
Liabiliti Semasa	31,311,982	1,067
Liabiliti Bukan Semasa	16,111,198	115,658
Jumlah Liabiliti	**47,423,180**	**116,725**
Jumlah Nilai Bersih	**2,637,467,347**	**192,126,711**

KOMPONEN PENYATA KEWANGAN	2023 RM	2022 RM
Hasil	3,007,910	3,877,531
Perbelanjaan	580,695,587	494,461,534
Lebihan / (kurangan) bagi tahun (sebelum pindahan dana dan pindahan aset)	**(577,687,677)**	**(490,584,003)**
Pindahan Dana Bersih	563,188,041	490,444,734
Pindahan Aset	16,962,503	150,331
Lebihan / (kurangan) bagi tahun (selepas pindahan dana dan pindahan aset)	**2,462,867**	**11,062**

NISBAH KEWANGAN	2023 %	2022 %
Liabiliti/Aset	**1.77**	**0.06**
Perbelanjaan/Nilai Bersih	**22.02**	**257.36**

*Penyata Kewangan Kementerian yang masih belum diaudit ini tidak memberi gambaran sepenuhnya memandangkan Kementerian masih dalam tempoh pra peralihan untuk pelaksanaan perakaunan akruan.

PELAPORAN PENYATA KEWANGAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA – PRA PERALIHAN TAHUN 2023

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN*
PRA PERALIHAN
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2023

Penyata Pembukaan Seperti Pada 1 Januari 2023 RM		31 Disember 2023 RM	31 Disember 2022 RM
	Aset Semasa		
-	Tunai dan Kesetaraan Tunai	56,114	24,150
-	Aset Kewangan	7,900,000	-
-	Penghutang	5,203,264	-
-	Perbelanjaan Terdahulu	338,251	591,338
-	**Jumlah Aset Semasa**	**13,497,629**	**615,488**
	Aset Bukan Semasa		
-	Penghutang	96,725	-
64,072,939	Hartanah, Loji dan Peralatan	2,663,268,794	191,433,283
171,882	Aset Tak Ketara	8,027,379	194,665
64,244,821	**Jumlah Aset Bukan Semasa**	**2,671,392,898**	**191,627,948**
64,244,821	**Jumlah Aset**	**2,684,890,527**	**192,243,436**
	Liabiliti Semasa		
-	Pemiutang	-	1,067
-	Pajakan Kewangan	586,113	-
-	Liabiliti Lain	30,725,869	-
-	**Jumlah Liabiliti Semasa**	**31,311,982**	**1,067**
	Liabiliti Bukan Semasa		
-	Pajakan Kewangan	2,061,568	-
-	Pendapatan Terdahulu dan Tertunda	2,550	-
-	Deposit	1,706,342	115,658
-	Akaun Amanah Am	12,340,738	-
-	**Jumlah Liabiliti Bukan Semasa**	**16,111,198**	**115,658**
-	**Jumlah Liabiliti**	**47,423,180**	**116,725**
64,244,821	**JUMLAH ASET BERSIH**	**2,637,467,347**	**192,126,711**
	Nilai Bersih		
64,244,821	Dana Terkumpul	2,637,467,347	192,126,711
64,244,821	**JUMLAH NILAI BERSIH**	**2,637,467,347**	**192,126,711**

*Penyata Kewangan Kementerian yang masih belum diaudit ini tidak memberi gambaran sepenuhnya memandangkan Kementerian masih dalam tempoh pra peralihan untuk pelaksanaan perakaunan akruan

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PENYATA PRESTASI KEWANGAN*
PRA PERALIHAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	31 Disember 2023 RM	31 Disember 2022 RM
HASIL		
Hasil Cukai	-	-
Hasil Bukan Cukai	1,071,944	375,461
Terimaan Bukan Hasil	1,935,966	3,502,070
Jumlah Hasil	**3,007,910**	**3,877,531**
PERBELANJAAN		
Gaji, Upahan Dan Manfaat Pekerja	338,376,597	227,924,538
Perkhidmatan Dan Bekalan	124,668,136	45,969,304
Aset Tidak Dipermodalkan	14,775,751	597,951
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	79,374,792	214,126,404
Susut Nilai, Pelunasan Nilai Dan Penjejasan Nilai	17,464,003	1,516,735
Pindahan	4,080,517	3,060,388
Kos Kewangan	49,532	903
Perbelanjaan Lain	1,906,259	1,265,311
Jumlah Perbelanjaan	**580,695,587**	**494,461,534**
Lebihan / (kurangan) bagi tahun (sebelum pindahan dana dan pindahan aset)	**(577,687,677)**	**(490,584,003)**
Pindahan Dana Bersih	**563,188,041**	**490,444,734**
Pindahan Aset	**16,962,503**	**150,331**
Lebihan / (kurangan) bagi tahun (selepas pindahan dana dan pindahan aset)	**2,462,867**	**11,062**

*Penyata Kewangan Kementerian yang masih belum diaudit ini tidak memberi gambaran sepenuhnya memandangkan Kementerian masih dalam tempoh pra peralihan untuk pelaksanaan perakaunan akruan

KERAJAAN PERSEKUTUAN
PENYATA PERUBAHAN NILAI BERSIH
PRA PERALIHAN
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2023

	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul atau Sumbangan Dana		
	Dana Am (Debit)/Kredit RM	Akaun Amanah Kerajaan (Debit)/Kredit RM	Jumlah (Debit)/Kredit RM
Baki pada 1 Januari 2023	5,830,323	186,296,388	192,126,711
Perubahan Aset Bersih / Nilai Bersih bagi tahun 2023			
Item Yang Diiktiraf Secara Langsung Dalam Nilai Bersih:	*14,423,484*	*2,428,454,285*	*2,442,877,769*
Transaksi data migrasi tempoh pra peralihan	660,493	63,584,328	64,244,821
Transaksi yang dicaj terus ke dalam nilai bersih	13,762,991	2,364,869,957	2,378,632,948
Lebihan / (Kurangan) bagi tahun	*(2,087,497)*	*4,550,364*	*2,462,867*
Rizab:	-	-	-
Perubahan Nilai Saksama Pelaburan dan Aset Kewangan	-	-	-
Perubahan Penilaian Semula Atas Perubahan Nilai Mata Wang Asing	-	-	-
Penambahan siling Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	-	-	-
Jumlah Perubahan Aset Bersih/ Nilai Bersih bagi tahun 2023	12,335,987	2,433,004,649	2,445,340,636
Baki pada 31 Disember 2023	18,166,310	2,619,301,037	2,637,467,347

	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul atau Sumbangan Dana		
	Dana Am (Debit)/Kredit RM	Akaun Amanah Kerajaan (Debit)/Kredit RM	Jumlah (Debit)/Kredit RM
Baki pada 1 Januari 2022	4,272,674	111,283,734	115,556,408
Perubahan Aset Bersih / Nilai Bersih bagi tahun 2022			
Item Yang Diiktiraf Secara Langsung Dalam Nilai Bersih:	*1,202,155*	*75,357,086*	*76,559,241*
Transaksi data migrasi tempoh pra peralihan	1,209,592	76,733,086	77,942,678
Transaksi yang dicaj terus ke dalam nilai bersih	(7,437)	(1,376,000)	(1,383,437)
Lebihan / (Kurangan) bagi tahun	*355,494*	*(344,432)*	*11,062*
Rizab:	-	-	-
Perubahan Nilai Saksama Pelaburan dan Aset Kewangan			-
Perubahan Penilaian Semula Atas Perubahan Nilai Mata Wang Asing			-
Penambahan siling Kumpulan Wang Amanah Kerajaan			-
Jumlah Perubahan Aset Bersih/ Nilai Bersih bagi tahun 2022	1,557,649	75,012,654	76,570,303
Baki pada 31 Disember 2022	5,830,323	186,296,388	192,126,711

KERATAN AKHBAR

astro AWANI

TERKINI VIDEO ENGLISH MALAYSIA DUNIA POLITIK HIBURAN BISNES SUKAN RAN

Bahasa kolokial, etnik perlu dipertahankan

Bernama
Julai 13, 2023 14:06 MYT



Aaron berkata bahasa tersebut merupakan sebahagian daripada seni dan budaya pelbagai masyarakat Malaysia yang penggunaannya melambangkan jati diri selain sebagai lambang perpaduan. - Gambar FB Aaron Ago Anak Dagang

KUANTAN: Bahasa kolokial iaitu bahasa yang bersifat percakapan atau bahasa basahan (bukan bahasa baku) dan bahasa etnik merupakan khazanah negara yang perlu terus dipelihara dan dimartabatkan.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata, bahasa tersebut merupakan sebahagian daripada seni dan budaya pelbagai masyarakat Malaysia yang penggunaannya melambangkan jati diri selain sebagai lambang perpaduan.

"Cabaran kita adalah bahasa seperti ini tidak mungkin digunakan ramai golongan muda kerana banyak menggunakan bahasa rojak...ini yang menjadi cabaran kita dan kita mahu selamatkan bahasa seperti ini sebagai warisan kita," katanya.

Aaron berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program *Bicara Bahasa Kolokial: Melestarikan Keberdayaan Bahasa Komuniti* yang bertemakan *'Menghilir Sungai Pahang'* di sini hari ini, yang turut dihadiri Ketua Pengarah Arkib Negara Datuk Jaafar Sidek Abdul Rahman.

Arkib Negara juga, menurut Aaron, memainkan peranan penting sebagai pusat pengumpulan sumber rujukan mengenai bahasa selain bertindak mengesan dan mengetengahkan ahli akademik atau individu yang aktif memperjuangkan bahasa kolokial dan bahasa etnik.

BH ONLINE

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

Jauhi sifat ektremis, semarak api perkauman dalam negara

Oleh Irwan Shafrizan Ismail - Julai 20, 2023 @ 5:10pm
bhnews@bh.com.my



Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Fadillah Yusof. - Foto fail NSTP

Cadangan lafaz penuh ikrar Rukun Negara antara dibincangkan dalam mesyuarat MPPN

Bernama
Julai 20, 2023 21:17 MYT



KPN berkata mesyuarat juga memfokuskan kepada pelaporan mengenai pelaksanaan program yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kementerian itu di bawah flagship Kembara Perpaduan. - Gambar FB Fadillah Yusof

PUTRAJAYA: Cadangan pelaksanaan lafaz penuh ikrar Rukun Negara dalam majlis rasmi kerajaan, di sekolah dan institut pengajian tinggi serta Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI adalah antara yang dibincangkan dalam mesyuarat pertama Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) hari ini.

Mesyuarat yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof selaku Pengerusi MPPN itu turut membincangkan hasil kajian Indeks Perpaduan Nasional dan cadangan pemerkasaan Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

"Mesyuarat ini juga mendapatkan maklum balas daripada ahli-ahli MPPN mengenai usaha dan inisiatif baharu yang telah dilaksanakan dalam memperkasa agenda perpaduan nasional," menurut kenyataan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) yang dikeluarkan sempena mesyuarat itu.

KPN berkata mesyuarat juga memfokuskan kepada pelaporan mengenai pelaksanaan program yang sedang dan akan dilaksanakan

Lafaz Rukun Negara akan dibaca penuh dengan mukadimah

BERNAMA



AARON Ago Dagang (tengah) melafazkan ikrar Rukun Negara sebelum merasmikan Pelancuran Eksplorasi Rukun Negara, hari ini. FOTO Bernama

Kuala Lumpur: Lafaz ikrar Rukun Negara kini akan diselaraskan bermula dengan bacaan penuh mukadimah (preamble) diikuti lima prinsip berkenaan di semua peringkat sekolah dan program rasmi kerajaan di seluruh negara sebagai usaha menyemai taat setia dan rasa cintakan negara.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata cadangan untuk dikembalikan lafaz Rukun Negara dibaca penuh itu telah diluluskan Kabinet pada 25 Julai lalu.

"Dengan kelulusan itu, sekarang kita menggerakkan aktiviti Eksplorasi Rukun Negara dengan bermulanya majlis pelancuran pada hari ini.

"Selepas ini semua aktiviti membabitkan program Rukun Negara yang akan digerakkan ke seluruh negara dengan kerjasama kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dalam meningkatkan usaha ini.

"Kita juga mencadangkan supaya lafaz Rukun Negara turut dilakukan pada setiap kali majlis pembukaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara," katanya pada Majlis Pelancuran Eksplorasi Rukun Negara di sini, hari ini.

Konvoi Perpaduan Malaysia MADANI sebar patriotisme

Jelajah berakhir di Melaka serah Jalur Gemilang di setiap KRT untuk semarakkan Bulan Kebangsaan

Oleh Ahmad Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Konvoi Perpaduan Malaysia MADANI yang bertujuan menghidup dan menyemarakkan Bulan Kebangsaan mampu memupuk semangat patriotisme dalam jiwa setiap lapisan masyarakat.

Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Datuk Che Roslan Che Daud, berkata konvoi yang disertai 66 orang itu melambangkan 66 tahun kemerdekaan negara akan mengagihkan Jalur Gemilang dan menyantuni rakyat di sepanjang laluan.

"Konvoi bertujuan menyemarakkan Bulan Kebangsaan dan sentiasa menghidupkan (suasana) dengan mengibarkan Jalur Gemilang.

"Kita akan serahkan Jalur Gemilang di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) supaya dapat bersama-sama mengibarkan Jalur Gemilang sering hasrat kerajaan menyemarakkan Bulan Kebangsaan dengan pengibaran Jalur Gemilang," katanya kepada media pada majlis pelepasan konvoi itu di sini, semalam.

Pelbagai aktiviti diisi sepanjang program dan hari disertai 20 penunggang motosikal berkuasa tinggi itu antaranya kempen budi bicara #sakapahkbak, penyampaian bakul Rahmah dan gotong-royong.

Bermula di Putrajaya, konvoi berkenaan akan melalui Sepang di Selangor, Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan berakhir di Alor Gajah, Melaka.

Kredit yang munasabah

Sementara itu, di Tangkak, semangat patriotik dan cintakan negara yang berkonsepkan Malaysia MADANI menjadi pencetus semangat kepada seorang pendudukh untuk menyedarkan diri dan keluarganya dengan menghiasi halaman rumah dengan Jalur Gemilang dan binaan kreatif menjelang bulan kemerdekaan.

Omar Arif, 63, atau lebih mesra dipanggil Omar Patriotik dari Kampung Solok di sini, tidak mahu melepaskan peluang kemasan memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan tahun ini, menghias halaman rumahnya dengan Jalur Gemilang.

"Tahun ini, saya menggunakan tema 'pengerbenan' pada hiasan di halaman rumah dengan membina empat elemen iaitu Pendok Merdeka, Beca Merdeka, Meriam, Galeri Warisan Sejarah dan Menara Berkembar PETRONAS.

"Semua hiasan itu dibina daripada bahan terbuang dan terpakai dengan bantuan ahli keluarga yang turut menyumbangkan idea dalam menanjakkan perjuangan mengisi kemerdekaan bagi memastikan maruahsabah diri tanpa sebarang penjajahan hala tuju atau minda," katanya ketika ditemui di kediamannya semalam.

Hakiskan pemotoran

Di Melaka, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) terbuka kepada sebarang perbincangan untuk meningkatkan sukan pemotoran di negeri ini, kata Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abdul Halim.

Beliau berkata, Melaka berpotensi menjadi hab sukan pemotoran bukan sahaja di Utar; malah acara berkonvoi berikutan negeri ini sering menjadi tumpuan penunggang motosikal dari dalam dan luar negara melakukan aktiviti terbabit.

"Perbincangan itu bukan sekadar mewujudkan hab, tetapi soal program dan penganjuran yang lebih banyak dilaksanakan di bawah Rakan Khala, semua ini boleh dilakukan di bawah program Litar Pemotoran membabitkan motosikal dan kereta," katanya.

Beliau ditemui selepas Pro-



Pelepasan peserta konvoi Perpaduan Malaysia MADANI di Putrajaya, semalam. (Foto B



Omar hiasi halaman rumah dengan Jalur Gemilang dan binaan kreatif semarakkan Bulan Kebangsaan di Kampung Solok, Tangkak. (Foto Ahmad Ismail/BH)



Mohd Ali diiringi Adam Adli melepaskan peserta Program Konvoi Kembara Merdeka Seri Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Melaka di Dataran Bandaraya MB semalam. (Foto B

Isnin, 8 Januari 2024, 8:38am

Ikrar Rukun Negara dibaca penuh dengan mukadimah

Ogos 13, 2023 @ 7:31pm



Antara pengisian majlis Pelancuran Eksplorasi Rukun Negara oleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, di ibu negara, hari ini. - Foto Facebook Kementerian Perpaduan Negara

KUALA LUMPUR: Lafaz ikrar Rukun Negara kini akan diselaraskan bermula dengan bacaan penuh mukadimah, diikuti lima prinsip berkenaan di semua peringkat sekolah dan program rasmi kerajaan di seluruh negara sebagai usaha menyemai taat setia dan rasa cintakan negara.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata cadangan untuk dikembalikan lafaz Rukun Negara dibaca penuh itu diluluskan Kabinet pada 25 Julai lalu.

"Dengan kelulusan itu, sekarang kita menggerakkan aktiviti Eksplorasi Rukun Negara dengan bermulanya majlis pelancuran pada hari ini.

"Selepas ini, semua aktiviti membabitkan program Rukun Negara akan digerakkan ke seluruh negara dengan kerjasama kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dalam meningkatkan usaha ini.

KRT gerakkan pusat tuisyen bantu pelajar kurang mampu

Ogos 13, 2023 @ 7:20pm



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (tiga dari kiri) menerima sumbangan dana daripada Lembaga Tabung Haji bagi pelaksanan tuisyen KAMI. - Foto Facebook Kementerian Perpaduan Negara

KUALA LUMPUR: Pusat Tuisyen KAMI di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Sri Serdang, Petaling, Selangor hari ini dilancarkan oleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, untuk menyediakan pendidikan tambahan percuma kepada pelajar kurang

TAR Foundation helped over 9,000 youths since 1966, aims for 1,000 more over next five years - Aaron

23 Sep 2023 08:06pm



The Tunku Abdul Rahman Foundation (YTAR) has empowered over 9,000 youths across Malaysia through various higher education financial assistance and programmes since its establishment in 1966. - Facebook

KUALA LUMPUR - The Tunku Abdul Rahman Foundation (YTAR) has empowered over 9,000 youths across Malaysia through various higher education

BORNEO POST online
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

Malaysia, China join forces to study country's historical materials, says national unity minister

POSTED ON SEPTEMBER 4, 2023, MONDAY AT 11:29 PM NATION



Aaron said the history of ancient Malay was widely recorded by a Chinese figure, Bujannga Yi-Jing who had once set foot in the Bujang Valley in the 7th century. — Bernama photo

BEIJING (Sept 4): Malaysia will work with China's history experts to collect and sort out more historical materials related to the country's history in general and the Old Kedah civilisation in particular.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said the history of ancient Malay was widely recorded by a Chinese figure, Bujannga Yi-Jing who had once set foot in the Bujang Valley in the 7th century.

He said it was based on many historical materials of Malaya that need to be researched and studied from Chinese sources.

theSun LOG IN

'Ini Warisan Kita' a platform for students to explore Malaysia's culture and heritage

06-09- 2023 07:51 PM



BERNAMApix

Pestabola Merdeka Unity Carnival to be held in October



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang with FAM secretary-general Datuk Noor Azman Rahman (left) at the launch of the Pestabola Merdeka Unity Carnival. - Photo: Bernama

Tengku Permaisuri Selangor rasmi Pameran Rahsia Kebaya

Oktober 25, 2023 @ 11:29pm



Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin (tengah) berkenan merasmikan Pameran Rahsia Kebaya di Muzium Tekstil Negara, di bu negara hari ini.

KUALA LUMPUR: Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin hari ini berkenan merasmikan Pameran Rahsia Kebaya yang berlangsung di Muzium Tekstil Negara, di sini.

Pameran Rahsia Kebaya dianjurkan Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dibuka kepada orang ramai sejak 19 Oktober lalu hingga 31 Disember ini.

Ia memaparkan keunikan, keanggunan dan kepelbagaian busana kebaya yang menjadi identiti nasional rakyat Malaysia.

Tengku Permaisuri Norashikin turut berkenan meminjamkan sepersalinan baju kebaya labuh milik baginda diperbuat daripada kain Tenun Pahang Diraja yang dikurniakan oleh Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Arkib Negara sasar 50 peratus bahan diubah kepada digital 2025

Oleh Azhar Shahrulnizam - Oktober 31, 2023 @ 3:12pm
bhnews@bh.com.my



Aaron Dagang (tengah) bersama Jaafar Sidek (kiri) melawat pameran selepas melancarkan simbolik perasmian Sambutan Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2023. - NSTP/ HAZREEN MOHAMAD

KUALA LUMPUR: Lebih 50 peratus daripada bahan yang berada dalam simpanan Arkib Negara Malaysia (ANM) disasarkan dapat ditukar kepada bentuk digital, sekali gus boleh diakses masyarakat menjelang 2025.

Justeru, Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, pihaknya bersama dan ANM perlu memberikan penekanan terhadap pengukuhan infrastruktur pendigitalan membabitkan bahan audiovisual.

"Saya menyeru rakyat Malaysia untuk menyumbang atau menyerahkan koleksi audiovisual kepada ANM bagi melengkapkan pelbagai peristiwa sejarah negara supaya dapat ditonton dan dijadikan rujukan generasi akan datang.

"Diharapkan ANM dapat meningkatkan lagi pembabitan dengan rakan strategik dalam aspek

Alumni YSS diiktiraf Duta Perpaduan mulai tahun depan - Aaron



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang. - Foto fail BERNAMA

KUALA LUMPUR: Sukarelawan alumni Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) akan diiktiraf sebagai Duta Perpaduan mulai tahun depan kerana peranan penting mereka dalam memupuk perpaduan melalui pelbagai aktiviti seperti program pasca bencana, budaya masyarakat dan pusat tuisyen bersama masyarakat.

Perkara ini diumumkan oleh Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang di program International Volunteer Co-operation Organizations (IVCO) 2023, di sini malam ini.

"Kini Kerajaan Selangor dan Johor telah pun melaksanakan inisiatif Duta Perpaduan dalam kalangan belia. Duta Perpaduan ini memainkan peranan penting untuk mengurangkan ketegangan agama dan etnik dalam masyarakat setempat," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis itu.

Beliau berkata Malaysia bukan sahaja berkembang maju dalam aspek kepelbagaian, malah merupakan sebuah negara yang secara aktif menyokong dan menggalakkan kesukarelawanan, mewujudkan impak yang berkekalan.

Exco kerajaan negeri perlu terus sokong program perpaduan



Aaron mempengerusikan Majlis Mesyuarat bersama Menteri Perpaduan Sabah dan Sarawak serta Exco Perpaduan Negeri kedua bagi 2023 di Kuala Lumpur, 16 Okt 2023 - Facebook Aaron Ago Dagang

KUALA LUMPUR: Barisan Exco kerajaan-kerajaan negeri diharap terus menyokong pelaksanaan program mengikut kerangka perpaduan yang dibangunkan bagi memperkukuh penyatupaduan masyarakat pelbagai kaum selari dengan hasrat Kerajaan Perpaduan masa kini.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Seri Aaron Ago Dagang dalam kenyataan berkata usaha pemantapan tadbir urus perpaduan terutamanya di peringkat negeri yang melibatkan pentadbiran daerah perlu diperkasakan agar misi perpaduan dapat dibawa secara bersepadu untuk kepentingan rakyat dan negara.

Beliau semalam mempengerusikan Majlis Mesyuarat bersama Menteri Perpaduan Sabah dan Sarawak serta Exco Perpaduan Negeri (MExUnity) kedua bagi 2023.

MExUnity dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dengan keanggotaannya terdiri daripada barisan Exco Perpaduan Negeri dan Exco Hal Ehwal Agama selain Islam.

Dilaksanakan bermula 2020, MExUnity adalah platform perbincangan antara Menteri Perpaduan dan barisan Exco kerajaan negeri mengenai usaha penyatupaduan termasuk perancangan dan pelaksanaan program perpaduan di peringkat negeri bagi memastikan perpaduan negara terus dipelihara dan diperkukuh.

Mesyuarat semalam membincangkan mengenai beberapa perkara utama seperti cadangan pemerkasaan Rukun Tetangga sebagai penggerak masyarakat progresif, pemantauan dan pengurusan isu-isu perpaduan melalui sistem

Harian Metro | Selasa 31.10.2023 @hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 11
lokal

Simbol warisan budaya negara

Kementerian Perpaduan Negara himpun 11 nasi lemak popular Lembah Klang

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) berjaya menghimpunkan 11 gerai nasi lemak popular di Lembah Klang menerusi Program Food Unites: Ini Warisan Kita bertemakan 'Makan Sama-Sama' di I-City di sini.

Nasi Lemak Village Park, Nasi Lemak Suri 223, Nasi Lemak Warung Rindu Pak Ya, Nasi Lemak Chef Fauzey, Nasi Lemak Ru Yi Vegetarian, Nasi Lemak Ayoh, Nasi Lemak Bang-Sudu, Nasi Lemak Pak Nasser, Nasi Lemak Mok Teh, Nasi Lemak Akka dan Nasi Lemak Tamparuli antara 11 gerai yang mengambil bahagian dalam program itu.

Program yang berjaya mencatatkan rekod dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai *The most nasi lemak sold in a day* itu disempurnakan oleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

"Nasi lemak dilihat sebagai makanan ruji yang amat digemari oleh rakyat Malaysia dari pelbagai kaum serta menjadi salah satu identiti makanan Malaysia yang terkenal dalam kalangan pelancong dari luar negara.

"Menerusi program ini, 11 gerai menonjolkan keunikan dan kreativiti masing-masing dalam menghasilkan nasi lemak yang terbaik.

"Tema 'Makan Sama-Sama' simbolik kepada kebersamaan rakyat mencipta peluang untuk perhubungan antara warisan budaya yang berbeza di Malaysia serta membentuk pemahaman, sikap toleransi dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Program Food Unites: Ini Warisan Kita bertemakan Makan Sama-Sama Edisi Nasi Lemak di I-City di sini, petang kelmarin.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa berusaha mengangkat identiti makanan Malaysia sebagai simbol khazanah warisan negara.

"Salah satu usaha itu adalah dengan menghantar pencalonan Budaya Sarapan Malaysia ke Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

"Saya berharap usaha seperti ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat khususnya dalam mengenali warisan melalui makanan, sekali gus mengiktiraf dan menghargai keunikan adat budaya warisan setiap kaum," katanya.

Program yang berlangsung selama dua hari turut menyediakan pelbagai pengisian dan aktiviti menarik seperti Pertandingan Mewarna Perpaduan, Persembahan Unity, Pertandingan Membungkus Nasi Lemak Daun Pisang, serta Jualan Food Truck.

Mengulas lanjut katanya, program Ini Warisan Kita yang dilancarkan pada Jun lalu adalah satu inisiatif kementerian untuk melestarikan warisan dan khazanah negara yang kaya merangkumi kepelbagaian adat dan budaya etnik serta kemajmukan dari segi kepercayaan dan latar bahasa.

"Program ini mengetengahkan elemen etnisiti, bahasa, permainan tradisi, kesenian, alat muzik, budaya dan adat resam serta kepelbagaian makanan warisan rakyat Malaysia," katanya.

Selain itu, katanya, kementerian turut melaksanakan Program Citarasa Menu KAMI yang menghimpunkan 4 detik-detik perpaduan melalui variasi hidangan pilihan makanan rakyat Malaysia.

"Sebanyak tiga premis makanan di setiap negeri yang mencerminkan perpaduan akan diberikan sijil serta plak 'Citarasa Menu Kami'," katanya.



AARON (dua dari kanan) diiringi Pengerusi i-Berhad, Tan Sri Lim Kim Hong (dua dari kiri) menerima sijil *Malaysia Book of Records* daripada wakil MBR, Edwin Yeoh Tiong Chin (kiri) sebagai pengiktirafan *The Most Nasi Lemak Sold In a Day* pada perasmian Penutup Program Food Unites: Ini Warisan Kita Edisi Nasi Lemak dengan tema 'Makan Sama-Sama' di I-City Shah Alam. - Gambar NITPFAIZ ANUAR

"Tema 'Makan Sama-Sama' simbolik kepada kebersamaan rakyat mencipta peluang untuk perhubungan antara warisan budaya yang berbeza di Malaysia serta membentuk pemahaman, sikap toleransi dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat"



PENGUNJUNG yang hadir menikmati hidangan nasi lemak bersama ahli keluarga.



PENIAGA menyiapkan tempahan nasi lemak pelanggan.

KPN rangka gerak kerja perkasa, iktiraf Kawasan Rukun Tetangga

Astro Awani
November 5, 2023 16:52 MYT



Aaron Ago (dua,kanan) hadir merasmikan Konvensyen Perdana Rukun Tetangga Peringkat Kebangsaan 2023, di Bangi pada Ahad. - Foto/KPN

KPN, Astro AWANI anjur Road Tour Perpaduan, semai rasa cinta negara dan kebersamaan

Astro Awani
November 4, 2023 20:00 MYT



Mohamad Sobri (dua dari kiri) menyempurnakan majlis penyampaian hadiah dan cabutan bertuah kepada pengunjung program Road Tour Perpaduan hari ini - Foto/Facebook Kementerian Perpaduan Negara

RM20 juta bagi inisiatif KRT Penggerak Masyarakat Progresif



Pelbagai program dan inisiatif akan dilaksanakan KPN bagi menyemarakkan keharmonian dan perpaduan rakyat.

Kuala Lumpur: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerima peruntukan sebanyak RM635 juta, iaitu RM547 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM88 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan menerusi Belanjawan 2024.

Jumlah itu meningkat sebanyak 11.29 peratus berbanding peruntukan diterima pada Belanjawan 2023.

Selaras agenda Malaysia MADANI, KPN akan terus melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi menyemarakkan keharmonian dan perpaduan di Malaysia.

Melalui belanjawan itu juga, sejumlah RM20 juta diperuntukkan untuk memperkasa peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai rujukan sosial yang menyediakan perkhidmatan dan penyebaran maklumat serta memupuk perpaduan dalam komuniti.

Peranan KRT dilihat bukan sahaja dalam aspek penyatuan masyarakat, malah KRT mengorak langkah lebih jauh ke hadapan untuk memperkukuh kewujudan serta sumbangannya dalam pembangunan komuniti.

Anggota KRT yang juga adalah jentera perpaduan negara wajar diperkasa supaya dapat menyumbang kepada pelaksanaan Ekonomi MADANI yang bertujuan menstruktur semula ekonomi supaya rakyat dapat menikmati limpahan hasil negara.

Perluas akses komuniti

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Seri Aaron Ago Dagang, berkata kementerian memperkasakan peranan dan memperluaskan akses komuniti dalam KRT menerusi pewujudan enam kelompok komuniti mengikut perkembangan zaman, berimpak tinggi dan bersasar mengikut umur.

Katanya, platform itu, termasuk penubuhan Jiran Muda, Jiran Wanita, Jiran Warga Emas, Tunas Jiran, Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Skuad Uniti di bawah Jawatankuasa KRT.

"KPN komited menjadikan KRT sebagai Penggerak Masyarakat Progresif yang dapat memberi manfaat terus kepada komuniti.

"Tumpuan diberikan kepada lapan aspek yang perlu diterap dan diperkukuhkan dalam komuniti, iaitu keselamatan komuniti, pendidikan sepanjang hayat, ekonomi dan sara hidup, daya cipta, alam sekitar, kepimpinan, kesejahteraan komuniti serta warisan dan budaya," katanya.



Aaron Ago Dagang

Katanya, KRT harus diiktiraf sebagai penggerak masyarakat yang utama peringkat komuniti yang bukan sahaja membantu mengukuhkan perpaduan, tetapi juga menjana ekonomi melalui pendekatan 5C, iaitu *Communicator* (Penghubung), *Coordinator* (Penyelaras), *Conciliator* (Pendamai), *Collaborator* (Rakan Usahasama) dan *Capacity Builder* (Pembina Upaya).

"KPN yakin dan percaya pembentangan belanjawan ini selaras hasrat dan strategi kementerian dalam membangunkan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 sebagai hala tuju agenda perpaduan nasional," katanya.

Terdahulu, KPN turut menyambut baik dan menyokong Belanjawan 2024 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang bertemakan Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat.

Belanjawan 2024 keseluruhan berjumlah RM393.8 bilion itu menunjukkan komitmen kerajaan dalam memperkasa hala tuju perpaduan negara melalui pelaksanaan pelbagai program yang melestarikan perpaduan antara kaum serta memupuk keharmonian dalam kalangan masyarakat.

Harian

:PN komited
hkan ekosistem
paduan negara

IRSHANZURA MAT ZUKI
ALAM

nterian Perpaduan Negara
N) terus komited
mperkukuhkan Dasar Negara
N) menerusi inisiatif perpaduan
usan bagi melahirkan bangsa
ng patriotik, demokratik dan
adian tinggi di samping
nkan identiti nasional.
u dilegakan Menterinya, Datuk
o Dagang yang mahu
akan teras perpaduan di bawah
ngkumi enam nilai dalam
Malaysia MADANI yang
kepada tiga teras perpaduan
ame dan Demokrasi, Identiti
n Ekosistem Perpaduan.
terian juga mentikberatkan
tboleh daya perpaduan yang
si pasti menyumbang kepada
an rakyat dan memberikan
ada peningkatan peluang
yang saksama dan
akan kumpulan minoriti dan
omi.
terian juga mengukuhkan
indungan dan memperkasakan
ial serta mengatasi jurang
nan dan kebolehcapaian,"
ada kepada Sinar Harian.
berjata, KPN akan terus
lakan usaha serta strategi untuk
bangsa yang patriotik dalam
kan ekosistem perpaduan
a tahun 2024.
ata kesemua program yang
an pada tahun 2023 akan
pada tahun hadapan. Inisiatif
h dirancang oleh kementerian
2024.
program-program tersebut
erkasaan Kawasan Rukun
(KRT) sebagai 'Penggerak
Progresif', Harmoni MADANI
asi Maya Khazanah Negara,
falaysia Madani Membaca,
Bahasa Kolokial Malaysia dan
Mediator Komuniti.
terian juga merancang untuk
kan Simposium Pendidikan
gara Prasekolah, Anugerah
ngan Tabika Perpaduan dan
ius Perpaduan, Raja Kita,
ta, Bicara Negarawan, Misi
an Siswa dan Simposium
nity," katanya.
Aaron, KPN akan meneruskan
ogram dan inisiatif yang telah
untuk meningkatkan semangat
dan hubungan keharmonian
at.
harus mengakui bahawa
ma yang kami hadapi adalah
maan masyarakat dan sejauh
ini bersikap terbuka dan
tanpa sebarang diskriminasi
suatu kaum.
di peringkat kementerian
nekanan kepada pelaksanaan
tindakan yang lebih besar dan

632 program perpaduan sepanjang 2023



KPN telah memperkenalkan program Eksplorasi Rukun Negara bagi meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai agen penyatupaduan rakyat Malaysia.

Di bawah Dasar Perpaduan terdapat enam perkhidma utama yang menggariska

- Meningkatkan Jati Diri dc Semangat Cintakan Neg
- Mengukuhkan Topak Inte Sosial
- Meningkatkan Keharmor Antara Pergunut Agamc
- Memperkukuh Ekosistem Perpaduan Yang Mampc Membangun Masyarak
- Memperkukuh Ekosistem Perpaduan Yang Mampc Membangun Masyarak
- Memperkukuh Mekanism Penilaian Keberkesanan

sentiasa berusaha meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan memelihara dan mengukuhkan perpaduan sebagai asas pembangunan Malaysia MADANI," katanya.

Tambah beliau, Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) menjadi kayu ukur terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program bagi memastikan sumbangannya kepada tahap perpaduan dan keharmonian negara.

"Lima indikator yang diuji bagi melihat sejauh mana ia mempengaruhi kesepaduan sosial tahap keetnikan, hubungan sosial rentas etnik, etos bangsa, tadbir urus dan pembangunan serta defisit sosial.

"Berdasarkan indeks ini, banyak tindakan yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan skor IPNas yang telah disasarkan menjelang tahun 2025 iaitu dengan catatan skor 0.7.

"Salah satu asas pembangunan IPNas adalah penelitian dan pengenalpastian defisit sosial yang dikategorikan kepada 10 perkara seperti etnisiti, agama, kelas sosial, pendidikan, bahasa, jurang generasi, gender, politik federalisme, ruang bandar-desa, media," ujarnya.

Selain IPNas, terdapat beberapa indikator lain turut mengukur perpaduan dan keharmonian negara antaranya Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia, Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, Indeks Malaysia Negara Rahmah.

Pacu pertumbuhan ekonomi

Menurut Aaron, KPN menyambut baik Belanjawan 2024 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang disifatkan sebagai inklusif dan mampu memacu pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

"Belanjawan 2024 keseluruhan berjumlah RM393.8 bilion itu menunjukkan komitmen kerajaan dalam memperkasa hala tuju perpaduan negara melalui pelaksanaan pelbagai program menyemarakkan lagi perpaduan antara kaum serta memupuk keharmonian dalam

2024, KPN telah diberi peruntukan keseluruhan sebanyak RM635.821 juta iaitu RM547.590 juta bagi perbelanjaan mengurus manakala RM88.231 juta lagi untuk perbelanjaan pembangunan.

"Peruntukan ini meningkat sebanyak 11.29 peratus berbanding tahun 2023. Menariknya, terdapat tiga inisiatif penting dan pengumuman peruntukan khas yang diberikan kepada KPN melalui Belanjawan 2024 iaitu RM20 juta telah diperuntukkan untuk memperkasa peranan KRT sebagai perkhidmatan sosial dan penyebaran maklumat serta memupuk perpaduan dalam komuniti.

"KPN juga menerima peruntukan sebanyak RM40 juta untuk meneruskan Kembara Perpaduan Malaysia MADANI sebagai program *flagship* agenda perpaduan nasional bagi Sambutan Minggu Perpaduan, Eksplorasi Rukun Negara, Ini Warisan Kita, Citra Nusa Muzium, Harmoni Madani dan Promosi Perpaduan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Aaron berkata, peningkatan peruntukan Bantuan Makanan Tambahan (BMT) pada tahun 2024 ialah RM30,545,687.50 berbanding RM21,195,437.50.

"Terdapat peningkatan dalam peruntukan BMT ini sebanyak 44.1 peratus sekali gus ia bakal memberikan manfaat kepada kira-kira lebih 37,000 murid di 1,442 Tabika Perpaduan dan 41 buah Taska Genius Perpaduan.

"Pada tahun 2024 kerajaan memperuntukkan RM3 BMT bagi setiap murid berbanding tahun 2023 RM2 di Semenanjung Malaysia. Di Sabah dan Sarawak berjumlah RM3.25 pada tahun 2024 berbanding RM2.25 bagi tahun 2023," jelas beliau.

Penggerak dan pengantara

Menurut Aaron, sehingga kini, sebanyak 8,397 buah KRT seluruh negara yang mempunyai lebih 200,000 orang keanggotaan jawatankuasa.

"KRT akan diperkasa sebagai

kesukarelawanan dan keneg
peringkat akar umbi.

Beliau berkata, KRT ha
sebagai penggerak masyarakat
di peringkat komuniti yang b
membantu mengukuhkan
tetapi juga menjana ekonc
pendekatan 5C iaitu Cor
(Penghubung), *Coordinator* (I
Coalitator (Pendamai), *Collabc*
Usahasama) dan *Capacity Buil*
Upaya).

Tambah Aaron, K
memperkenalkan Anugerah Pe
Tetanga yang merupakan inisi
dianjurkan secara dwi tahunan
Perpaduan Negara dan Integra
Kementerian Perpaduan Nega

"Anugerah ini bertujuan un
penghargaan dan pengiktira
Jawatankuasa Kawasan Ruk
(JKRT) dan jentera di bawa
cemerlang dalam per
perkhidmatan kepada komunit
katanya.

Mengulas lanjut, Aaron ber
Kerangka Perpaduan Malays
berkonsepkan Perpaduc
Kepelbagaian yang meng
Kembara Perpaduan Malays
sebagai *flagship* pertama c
kluster program iaitu Semarak
Semarak Perpaduan dan
Rahmah.

Malah, KPN melaksanak
inisiatif dalam meningkatkar
perpaduan, jati diri dan kenega
kalangan masyarakat berbila
agama dan etnik di Malaysia.

"Sehingga 15 November
telah melaksanakan 63
perpaduan termasuk Sambu
Perpaduan, Ini Warisan Kita,
Rukun Negara, Citra Nusa@M
Sukan Unity, Food Unites, Ken
Baik-baik, Bicara Bahasa K
banyak lagi.

"KPN juga turut menganjurk
Taiwan KAMI dan Rasawa T

KPN salur peruntukan bagi gerak kerja pascabanjir

Bernama
Disember 27, 2023 17:45 MYT



Aaron berkata, KPN akan terus memantau keadaan di kawasan terjejas banjir manakala KRT yang terkesan banjir dinasihatkan agar sentiasa berwaspada. - Gambar fail

KRT sedia gerak kerja bantu penduduk terjejas banjir

Kategori: Nasional Kemas kini: 28 Disember 2023 11:46 AM Jumlah kunjungan: 183



FOTO HIASAN / BERNAMA

astro AWANI

Kembara Perpaduan Malaysia MADANI jelajah seluruh negara tingkat pengetahuan

Kenyataan Media
Disember 5, 2023 14:19 MYT



Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang.

TAHUN ini, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui Perpaduan Dalam Kepelbagaian yang menyepadukan program melalui Flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI.

MALAYSIA

Rukun Negara Exploration programme to be expanded to urban areas next year, says national unity minister



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said the ministry will expand the Rukun Negara Exploration programme, with a special focus on urban areas in 2024. — Bernama pic

KUALA LUMPUR, Nov 8 — The Ministry of National Unity will expand the Rukun Negara Exploration programme, with a special focus on urban areas in 2024, said Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He said several activities have been planned under the programme in a bid to further enrich the appreciation of Rukun Negara among Malaysians.

"The Ministry of National Unity has doubled its efforts and initiatives on the appreciation of Rukun Negara through the Rukun Negara Exploration programme by implementing '*Dialog Anak Muda*'; '*Ekspresi Rukun Negara*'; '*Muzikal Eksplorasi Rukun Negara*'; '*Hero Impian Untuk Malaysia*'; '*Pameran Mini Rukun Negara*'; '*Kisah Kejayaan Malaysia Kita*'; and '*Kapsul Suara Anak Malaysia*'.

"Hopefully, with this effort, unity and harmony among the Madani Malaysia community can be maintained," he said during the launch of the 'Bicara Negarawan Tun Dr Ismail Al-Haj' at Dewan Utama, Memorial Tun Hussein Onn here today.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
Aras 5-10, Kompleks F, Blok F9
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

